



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 29 MAC 2016 (SELASA)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Ke-13 pada hari yang kedua 29 Mac 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

## **I. BACAAN DOA.**

**TUAN SPEAKER:** Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali di dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ke-13.

Sebelum aturan mesyuarat diteruskan, saya ingin menekankan bahawa mengenai larangan merokok di Bangunan Annex, Bangunan Dewan Negeri dan kawasan sekitarnya dan Unit Khas daripada Jabatan Kesihatan Negeri akan menjalankan rondaan mengejut dari semasa ke semasa dan mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan kompaun sehingga RM1,000, didenda sehingga RM10,000 atau di penjara sehingga maksimum 2 tahun.

Seterusnya, saya turut ingin memaklumkan berkaitan penyediaan jamuan makanan semasa persidangan atas dasar-dasar penjimatan dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor "Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat", makanan akan (persediaan makanan akan) menurut pekeliling tersebut.

Tanpa melengahkan masa, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

## **II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2016 – Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2014 Siri 3.

- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2016
  - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2014.
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2016
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee on Competence Accountability and Transparency*) (SELCAT) bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Wabak Denggi di Negeri Selangor.
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2016
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Impak *Trans Specific Partnership Agreement* (TPPA) Terhadap Syarikat Milik Kerajaan Negeri *State Own Enterprise* (SOE).
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2016
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Mekanisme Penentuan dan Penilaian (KPI) di Tahap PBT.
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2016
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee on Water Resource Management of the State of Selangor*) (JPK-SAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kualiti Kawalan Pencegahan Pencemaran di Lembangan Langat dan Kaedah Mitigasi Pencemaran di Negeri Selangor.
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2016
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee on Water Resource Management of the State of Selangor*) (JPK-SAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kuantiti, Status Terkini Bekalan Air Mentah dan Air Terawat di Negeri Selangor, Status Projek-projek Aktif dan Isu Insiden Paip Pecah.
- viii) Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2016
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Masalah Pemberian Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*) (CCC).



- ix) Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2016
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi.
  
- x) Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2016
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal oleh Kerajaan Negeri.
  
- xi) Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2016
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee on Water Resource Management of the State of Selangor* (JPKSAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pengurusan Air Terawat Negeri Selangor, Kuantiti Pengurangan *None Revenue Water* (NRW), Laporan Status Kemajuan Projek Mitigasi 2 dan Langat 2.
  
- xii) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2016
  - Usul Mewujudkan Suatu Darjah Kebesaran Bernama Statut Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Sukan Sultan Sarafuddin Idris Shah.
  
- xiii) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2016
  - Rang Undang-undang Enakmen Lambang-lambang dan Nama-nama Mencegah daripada Salah Guna Pindaan 2016.

### **III. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan nombor 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK: PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila senaraikan ladang-ladang dan projek PKPS yang mencatat keuntungan dan kerugian?
- b) Sila senaraikan projek usaha sama PKPS yang mencatat keuntungan dan kerugian sejak 3 tahun yang lepas?
- c) Apakah perancangan PKPS secara holistik dalam memajukan sektor pertanian di Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan yang bertanya berkaitan dengan ladang-ladang dan projek PKPS.

Berikut adalah merupakan senarai ladang-ladang dan projek PKPS yang mencatatkan keuntungan dan kerugian :-

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>KEUNTUNGAN (RM)</b>
1	Ladang Sungai Panjang / Jelutong Jati	5.71juta
2	Ladang Editas, Gua Musang	0.62juta
3	Ladang Irat dan Jagohamoni, Sabah	5.98juta
4	Ladang Kerling dan ulu Yam	0.08juta
5	Ladang Sungai Tenggi	0.46juta
6	Ladang Tanjung 12	0.10juta
7	Selangor Fruits Valley	0.19juta
<b>Lain-lain Projek</b>		
1	Pasar Borong Selangor	3.51juta
2	Bazar Rakyat	0.09juta
3	Projek Ayam Daging	0.20juta

Manakala sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas, PKPS hanya mempunyai satu sahaja projek usaha sama. Projek usaha sama ini hanya mula beroperasi pada 1 Jun 2015 iaitu Projek Ternakan Ikan (usaha sama PKPS dengan YEN Aquaculture Sdn. Bhd. yang mula beroperasi pada 1 Jun 2015 dan mencatatkan kerugian 2015 (daripada Jun hingga Disember) yang belum beraudit sebanyak RM124,714.

Walau bagaimanapun, ianya mengikut unjuran akan mengalami keuntungan pada tahun ini 2016 dengan anggaran keuntungan RM95,204. 2017 dengan unjuran keuntungan RM234,716 dan 2018 RM285,748.

Manakala ada satu anak syarikat iaitu PKPS Life Stock Farm Sdn. Bhd. yang mengalami kerugian belum beraudit 2015 RM1.4juta dengan dua projek (Projek

Ayam Daging - untung RM0.88 juta dan Projek Lembu Tenusu - kerugian RM2.28 juta).

Bagi mengatasi permasalahan ini, PKPS telah menubuhkan satu jawatankuasa *task force* atas arahan jemaah ahli PKPS. Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan terperinci berkenaan dengan Projek Tenusu (PLF) supaya PKPS dapat membuat keputusan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Berkaitan dengan perancangan. Visi PKPS adalah untuk memajukan sektor pertanian secara komersial bagi meningkatkan tahap pembangunan sosioekonomi rakyat negeri Selangor dan PKPS pula dari sudut misinya pula akan menjadikan PKPS sebuah organisasi korporat yang kukuh, dinamik dan berintegriti melalui pelaksanaan projek-projek komersial dan juga projek merakyatkan ekonomi Selangor.

Antara perancangan PKPS dalam memajukan sektor pertanian Negeri Selangor adalah seperti berikut. Antaranya :-

- a) Pembinaan kilang minyak kelapa sawit di Mukim Sungai Panjang;
- b) Pembinaan rumah pemprosesan ayam di Rawang;
- c) Pembangunan semula Selangor *Fruits Valley* dan rancangan menjadikan Selangor *Fruits Valley* sebagai kawasan Agro Pelancongan pada tahun 2016 ini; dan juga
- d) Penambahan kawasan baru penanaman kelapa sawit di daerah Sabak Bernam dan Ulu Tinggi, Bestari Jaya; dan
- e) Kerjasama dengan syarikat-syarikat yang memberikan pulangan yang baik untuk di masa hadapan.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin minta penjelasan Y.B. EXCO berkenaan dengan ladang-ladang kelapa sawit yang dinyatakan tadi, nampaknya seperti di Gua Musang, Ulu Yam, Sungai Tenggi, di Sabah (di Sabah lebih, tapi di Ulu Yam, Sungai Tenggi dan Gua Musang keuntungannya hanya sekitar RM1 juta lebih). Apakah faktor yang menyebabkan keuntungan itu begitu minimum? Tak tinggi?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan. Ia sangat dipengaruhi oleh kadar harga BTS sekarang ini yang menurun dan walau bagaimanapun masih mencatatkan lagi keuntungan. Sekian.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Puan.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Soalan nombor 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(SABAK)**

**TAJUK: FENOMENA PERTEMBUNGAN MAZHAB YANG SEMAKIN BERKEMBANG DI SELANGOR**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah punca?
- b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap fahaman Salafi, As-Syaierah dan Wahabi?
- c) Apakah tindakan bagi memperkukuh kefahaman akidah Ahlussunnah di kalangan masyarakat Muslim di Selangor?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Sabak bertanya berkaitan dengan fenomena pertembungan mazhab yang semakin berkembang di negeri Selangor.

Antara punca yang boleh dikenal pasti akan wujudnya pertembungan mazhab adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut :-

- a) Kejahilan umat Islam betapa pentingnya bermazhab menyebabkan mereka sentiasa keliru apabila mendapat maklumat-maklumat yang tidak sahih daripada penceramah;
- b) Perbezaan latar belakang pendidikan penceramah juga di antara punca masalah ini yang mana kebanyakan penceramah kita berbeza tempat belajar dan menyebabkan pembawakan ideologi yang berlainan;

- c) Kefahaman penceramah dalam membincangkan sesuatu isu tidak merujuk secara menyeluruh fakta-fakta muftakar menyebabkan para pendengar menjadikan ianya sebagai hujah agama.

Pendirian Kerajaan Negeri Selangor berkaitan dengan fahaman Salafi, As-Syaierah dan Wahabi, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengeluarkan fatwa seperti berikut :-

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali ke 5/2013 yang bersidang pada 23 Oktober 2013 telah memutuskan bahawa:

- i) Persoalan khilafiah adalah perkara yang diijtihadkan dan tidak boleh sama sekali dihukumkan bid'ah dhalalah kerana bid'ah terbahagi kepada bid'ah hasanah (terpuji) dan bid'ah dhalalah (tercela) yang telah diterima dan menjadi amalan Ulama' Muktabar sejak dahulu.
  - ii) Pandangan jumur Ulama' sewajarnya menjadi ikutan masyarakat Islam dengan mengutamakan perkara-perkara pokok dalam berdakwah dan tidak membesarkan besarkan perkara khilafiah yang boleh menggugat perpaduan umat Islam, apatah lagi berdepan dengan cabaran globalisasi dan pasca modenisme.
  - iii) Fahaman al-Asya'irah telah menjadi pegangan orang Islam di Negeri Selangor sejak dahulu lagi.
- c) Tindakan yang boleh diambil bagi mengukuhkan kefahaman umat Islam berdasarkan Ahli Sunah Wal Jamaah:-
- i) Memberikan pendidikan berteraskan Fahaman Ahli Sunah Wal Jamaah bagi setiap peringkat melalui sekolah-sekolah, Institut-institusi Pengajian Tinggi Masjid dan Surau serta Agensi-agensi kerajaan dan Swasta.
  - ii) Tindakan penguatkuasaan boleh diambil bagi mereka yang melanggar mana-mana keputusan fatwa yang telah dibuat. Terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Sabak

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Speaker, saya setuju atau tidak EXCO untuk saya menambah satu lagi punca, bahawa pertembungan-pertembungan mazhab ini sebahagiannya adalah agenda Zionis yang mengehendaki supaya umat Islam berlaku perpecahan sebagaimana kehancuran yang berlaku di Syria, bukan sangat disebabkan oleh musuh dari luar, tapi ialah kerana pertembungan ataupun terperangkap dengan agenda Zionis dan mereka bertembung dari sudut mazhab sehingga menghancurkan negara Syria. Begitu juga

dengan pertembungan Saudi dengan Yaman. Itu juga kesan daripada *trap* yang dibuat Zionis supaya umat Islam berlaku pertembungan dalaman. Yang kedua.

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja Yang Berhormat Sabak.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sabak saya kira dengan kecaman yang pada hari ini mungkin daripada sudut fahaman-fahaman itu sendiri saya tidak menafikan bahawa mungkin perkara ini berlaku dan mungkin sebagai agenda yang telah dilakukan pihak Zionis terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Adakah EXCO setuju supaya kitab-kitab yang digunakan di surau dan masjid distandardkan supaya pemikiran rakyat dapat dikawal.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kota Anggerik. Ini antara cadangan baik sebenarnya di peringkat Kerajaan Negeri di peringkat Jabatan Agama Islam juga, mempunyai agenda untuk melihat bagaimana supaya program-program terutamanya yang berlaku di masjid dan juga surau-sarau. Program-program yang kitab yang mempunyai *standard* tertentu dan ia menetapi dengan Ahli Sunah Wal Jemaah dan suka juga saya memaklumkan di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa kita akan memulakan kuliah secara berkitab dan menjadikan mestika hadis sebagai salah satu kitab sebagai rujukan untuk kuliah-kuliah di peringkat masjid-masjid dan surau dan *Insyah-Allah* mungkin ada kitab-kitab lain untuk penerangan kepada kefahaman Ahli Sunah Wal Jemaah dapat diterapkan supaya akhirnya masyarakat Islam terutama di Negeri Selangor ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dapat diperkasakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor tiga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK: PROGRAM WANITA**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan berhasrat untuk merangka program atau skim bagi membantu ibu tunggal dari sudut ekonomi di Selangor?
- b) Apakah pendekatan menggalakkan hidup seimbang (*work life balance*) dalam kalangan ibu bekerja agar mereka dapat menyumbang dalam pembangunan ekonomi di samping memenuhi keperluan keluarga?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kajang, Tuan Speaker. Kerajaan Negeri menginsafi akan kesulitan dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh golongan wanita ibu tunggal bagi menyara kehidupan keluarga dalam keadaan ekonomi yang lemah ketika ini. Di bawah Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Hijrah Selangor, seramai 1,597 orang ibu tunggal telah mendapat pinjaman daripada Hijrah Selangor dengan nilai sejumlah RM8,000,321 berbanding 18,394 peminjam Hijrah. Seterusnya melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dengan kerjasama Hijrah Selangor juga, telah melancarkan Skim Pengembangan Usahawan khusus bagi ibu tunggal pada Disember 2015 yang lepas. Melalui Skim Pengembangan Usahawan ini yang mana ia mensasarkan kepada ibu tunggal, Asnaf, Orang Kurang Upaya maka skim ini mensasarkan seramai 2,800 orang ibu tunggal lagi di Negeri Selangor dengan nilai pinjaman berjumlah RM15.4 juta bagi ibu yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mereka ini berminat untuk menjadi usahawan bagi meningkatkan taraf hidup keluarga. Antara bidang pengkhususan yang ditawarkan adalah makanan bermasak, bakeri, makanan sejuk beku, jahitan serta perkhidmatan seperti spa, kesihatan dan kecantikan. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan program perintis PWB Mobile Spa Terapist dengan kerjasama Mestika Ratu pada 15 Disember 2015 yang lepas. Seramai 20 orang wanita telah ditaja oleh Kerajaan Negeri untuk mengikuti kursus urutan tradisional, urutan bersalin serta urutan refleksologi sebagai kemahiran bagi mereka untuk meningkat pendapatan seisi rumah. Kesemua 20 orang peserta ini dipilih daripada wanita yang berpendapatan rendah dan seramai 20 orang adalah ibu tunggal. Pendapatan tertinggi yang telah diperolehi dalam tempoh sebulan oleh salah seorang peserta adalah sejumlah RM3,430 daripada PWB Spa Terapist ini. Jadi antara kejayaan dalam membantu meningkatkan pendapatan ibu tunggal dan wanita yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

b) Seperti mana yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar dalam ucapan Belanjawan 2016 yang lalu bagi tujuan menggalakkan hidup seimbang dalam kalangan ibu bekerja agar mereka dapat menyumbang dalam pembangunan ekonomi di samping memenuhi keperluan keluarga tersebut Kerajaan Negeri akan memulakan program perintis *Selangor Homemaker Programme* yang menyediakan pilihan untuk memohon waktu kerja secara anjal. Walau bagaimanapun pada ketika ini *Selangor Homemaker Programme* adalah pada peringkat perbincangan dan penerimaan maklum balas daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan

serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri berkenaan mekanisme dan kaedah pelaksanaan program.

**TUAN SPEAKER:** Kajang

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih EXCO yang menjawab. Alhamdulillah saya nampak ada perkembangan yang baik terutamanya untuk meningkatkan lagi kualiti ibu-ibu tunggal dan ada program perintis untuk bekerja secara anjal. Tetapi apakah bilakah masanya program itu akan bermula, sekarang ini nak minta kan *feedback* balikkan. Saya hendak tahu bila nak bermula dan juga apakah ada pengkhususan kerana di Kajang ada seorang wanita yang mempunyai anak yang OKU jadi tidak mempunyai masa dan ruang hendak dan bagaimana mendapatkan *support system* apabila dia hendak membuat kerja untuk menyara hidup kerana suaminya baru meninggal. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kajang. Program perintis untuk waktu kerja anjal ini oleh sebab kita masih dalam peringkat perbincangan dan kita sedang menerima maklum balas daripada Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi kerajaan maka kita menunggu segala maklum balas tersebut dan apabila ia selesai maka kita akan melaksanakan tempohnya masih belum dapat ditetapkan. *Inn Shaa Allah* dalam tahun ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang Sungai Burong bertanya soalan tambahan. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa ramai ibu-ibu tunggal ini uzur dari segi fizikal mahupun kesihatan. Sama ada kajian atau bancian telah dibuat untuk mengenal pasti jumlah ibu-ibu tunggal yang uzur tersebut dan sekiranya telah dibuat kajian adakah bantuan dan jenis bantuan yang diberikan kepada mereka serta jumlahnya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sungai Burong. Berkenaan dengan ibu tunggal uzur mungkin antaranya yang berusia emas maka bagi mereka program kita pelaksanaan program kerana soalan ini berkenaan tentang ekonomi untuk ibu tunggal. Jadi untuk menjawab soalan Sungai Burong maka mungkin perlu ada satu soalan, notis lain. Tapi namun saya ingin menjelaskan di sini, bagi ibu tunggal ataupun warga yang uzur tak semestinya ibu tunggal tetapi warga yang uzur ini pihak kerajaan negeri kita ada satu program iaitu ziarah medic jadi *Inn Shaa Allah* dalam program ziarah *medic* ini kita boleh memberikan bantuan kepada warga-warga yang uzur ini dari segi kesihatan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ia Sungai Burong.



**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tidak dijawab. Saya tanya secara bancian atau kajian tentang jumlah apa ibu-ibu tunggal yang uzur ini, sebab terlalu ramai saya ingat di kampung saya, saya bukan kata DUN saya, kampung sahaja, ada 30 ibu tunggal yang uzur. Jadi saya rasa ramailah di Selangor ini ada yang uzur, jadi saya bancian telah dibuat pada mereka yang uzur dari segi fizikal atau kesihatan. Kalau ada itu apakah jenis bantuan adakah Kerajaan Negeri menjadikan secara khusus bantuan-bantuan untuk menangani masalah-masalah ibu-ibu tunggal yang uzur yang ramai.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sungai Burong. Tentang bancian tentang ibu tunggal kita juga telah ada data dalam e-ibu, e-ibu yang mana ibu tunggal digalakkan untuk mendaftar dalam e-ibu ataupun dalam laman web tersebut. Jadi kita akan meneliti daripada senarai ibu tunggal yang berdaftar dalam e-ibu data itu dan kita akan melihat apakah keperluan yang boleh kita bantu. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Khusus tak bantuan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Masa sekarang tidak ada lagi bantuan khusus.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Speaker. Saya ucapan tahniah Yang Berhormat EXCO kerana telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan isi rumah khususnya golongan wanita. Jadi sepanjang tempoh tersebut, saya ingin bertanya Yang Berhormat EXCO. Berapakah jumlah kos yang telah dibelanjakan ataupun mungkin *figure* yang boleh diutarakan di sini untuk melaksanakan program-program bagi meningkatkan ekonomi wanita.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tanjung Sepat. Seperti yang sebutkan tadi untuk membantu ibu tunggal, dari segi menaikkan taraf ekonomi melalui skim Hijrah Selangor mereka telah pun dibantu dengan sejumlah RM8,321,000.00 sebagai pinjaman untuk perniagaan mereka sementara untuk kita melaksanakan program *Mobile Spa Therapist* ini kita telah pun membelanjakan sejumlah lebih kurang RM40 ribu saya tidak nombor tersebut, tapi saya boleh berikan kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat tentang angka tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TIADA CUKAI TAKSIRAN BAGI RUMAH PANGSA KOS RENDAH**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana program ini dapat merangsang perkembangan ekonomi Selangor?
- b) Berapakah jumlah kehilangan pendapatan bagi semua PBT seluruh Selangor?
- c) Bagaimana PBT mahu menampung kehilangan pendapatan ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Kerajaan Negeri prihatin dan peduli mengenai kegawatan ekonomi hari ini yang menekan kehidupan seharian peniaga-peniaga kecil dan golongan berpendapatan rendah. Selaras dengan Belanjawan 2016 Negeri Selangor di bawah strategi ketiga iaitu mempertingkatkan Pembangunan Kualiti dan Inisiatif Peduli, pengecualian cukai pintu untuk rumah pangsa kos rendah ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan sasaran bagi menghadapi keadaan ekonomi semasa. Jumlah kehilangan pendapatan bagi semua PBT di seluruh Negeri Selangor bagi pengecualian cukai pangsa kos rendah adalah sebanyak RM28,503,672.06.

Pelaksanaan dasar ini pada tahun 2016 pada asasnya tidak menyebabkan kerugian besar kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebaliknya hanya kekurangan hasil yang kecil sahaja. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pihak PBT tersebut dan secara dasarnya bersetuju melaksanakan pembiayaan secara *offset* iaitu pembayaran semula kos pelaksanaan projek-projek yang dibenarkan di bawah skop penyelenggaraan jalan negeri yang telah dirancang di bawah bajet PBT tahun 2016. Salah satu contoh program yang akan diguna pakai kaedah pembiayaan secara *offset* ini adalah pelaksanaan turapan semula di jalan kawasan rumah kos rendah yang didapati berstatus kritikal. Inisiatif pembiayaan secara *offset* ini dibuat supaya peruntukan kewangan yang dikembalikan kepada PBT tersebut dapat dimanfaatkan untuk program-program yang memberi faedah dan kebaikan kepada rakyat selari dengan peranan yang harus dimainkan oleh PBT.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Y.B. EXCO. Terima kasih kepada Kerajaan yang prihatin tentang kesengsaraan rakyat di bawah dan soalan saya adalah dalam konteks yang program ini dilaksanakan sudah pasti dia melibatkan satu sumbangan kepada program pembasmian kemiskinan dan program yang meningkatkan ekonomi. Adakah ukuran, apakah ukuran yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk mengukur penurunan kadar kemiskinan dan peningkatan aktiviti ekonomi di kalangan masyarakat?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Hulu Kelang. Tuan Speaker, jumlah seperti sama yang dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tadi adalah sebanyak RM28 juta yang dikecualikan kepada penduduk ataupun pemilik di kawasan pangsapuri kos rendah. Kalau pada setakat ini memang tidak ada satu ukuran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Apakah *effect* yang akan dapat selepas pengecualian disalurkan kepada penduduk kerana jumlah ini kalau kita letak di dalam ekonomi dia memang tak boleh memberi satu kesan yang besar ke atas ekonomi kitalah kerana RM28 juta memang bukan satu jumlah yang sangat besar lah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Taman Medan mohon EXCO memberikan jumlah isi rumah yang terlibat. Yang terlibat dalam pengecualian cukai taksiran ini. Mungkin tidak dalam sidang ini, mungkin dibekalkan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, kerana ini sangat spesifik. Saya pada setakat ini saya tak dibekalkan dengan spesifik tersebut mungkin saya boleh bagi jawapan lisan kepada Taman Medan nantilah.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, soalan saya No. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN BAS SELANGORKU**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk menyelenggara Bas Selangorku pada tahun 2015?

- b) Nyatakan secara terperinci syarikat yang dilantik untuk menyelenggara Bas Selangorku?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya mohon menjawab soalan Yang Berhormat Permatang bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Kajang No. 63. Tuan Speaker, perkhidmatan bas Smart Selangor telah berjaya dilancarkan mula pada 1 Julai 2015 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor. Sehingga bulan Februari 2016 perkhidmatan bas secara percuma ini telah berjaya dilaksanakan di 5 kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Dimulakan di 3 kawasan iaitu MBSA, MBSJ dan MPK. Manakala pada 1 Januari 2016, perkhidmatan bas ini telah diperluaskan di kawasan MPAJ dan MPKj. Inisiatif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program bas Smart Selangor bukanlah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan sebaliknya objektif bas Smart Selangor ini adalah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam oleh semua lapisan masyarakat di samping dapat mengurangkan bebanan kewangan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menggunakan perkhidmatan awam di dalam urusan harian. Oleh itu, keberkesanan program ini boleh diukur berdasarkan peningkatan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas Smart Selangor. Unjuran peningkatan penumpang bas Smart Selangor yang telah mencapai sebanyak 911,969 penumpang sejak dilancarkan di 5 kawasan PBT pada 1 Julai 2015 sehingga 29 Februari 2016 menunjukkan bahawa program tersebut berjaya menggalakkan masyarakat untuk menggunakan pengangkutan awam serta meningkatkan mutu perkhidmatan bas awam yang disediakan di samping membantu mengurangkan beban kewangan bagi golongan berpendapatan rendah yang bergantung pada sistem pengangkutan awam bagi melaksanakan pelbagai urusan harian. Kajian semula waktu perjalanan dan laluan adalah tertakluk kepada faktor-faktor yang boleh menjejaskan operasi perkhidmatan bas Smart Selangor untuk maklumat Yang Berhormat, pemilihan laluan bagi perkhidmatan bas Smart Selangor adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-

1. Cadangan laluan yang dipilih perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain; dan
2. Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti Pusat Kesihatan, Pejabat Kerajaan dan sebagainya serta kawasan komersial dan kompleks perniagaan.

Pada masa ini bas Smart Selangor beroperasi pada setiap hari bermula jam 6.00 pagi sehingga 10.00 malam dengan kekerapan bas adalah setiap 15 minit bagi

kawasan Shah Alam, Subang Jaya dan Klang manakala kekerapan setiap 20 minit bagi kawasan Ampang Jaya dan Kajang. Pematuhan waktu perjalanan adalah mengikut ketetapan yang dipersetujui oleh PBT dan pihak Rapid Bas Sdn. Bhd. sebagai penyedia perkhidmatan bas Smart Selangor di bawah peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat berdasarkan kriteria yang ditetapkan itu iaitu laluan yang tidak menerima perkhidmatan pengangkutan awam, laluan bagi perkhidmatan bas Smart Selangor bukan lah untuk bersaing dengan pengangkutan awam lain namun ia adalah perkhidmatan yang berorientasikan keperluan pengguna terutama golongan berpendapatan rendah di kawasan yang disasarkan. Walau bagaimanapun, kajian semula had laluan dan waktu perjalanan bas juga akan disemak sekiranya berlaku penurunan jumlah penumpang atau *ridership* secara berterusan dan perkhidmatan yang disediakan tidak lagi mendapat sambutan.

Tuan Speaker, pada asalnya penyediaan bas Smart Selangor pada tahun 2015 adalah menggunakan peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor berjumlah RM6,013,000.00 kemudian perbelanjaan tambahan sebanyak RM2.53 juta telah digunakan pada akhir tahun 2015. Jumlah keseluruhan kos tersebut adalah bagi dua belas bulan merangkumi kos sewaan, *rapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan sebanyak 6%. Syarikat Rapid Bas Sdn. Bhd. adalah operator perkhidmatan yang dilantik bagi perkhidmatan bas Smart Selangor pada tahun 2015. Kos sewaan sebanyak RM800.00 sebuah bas sehari adalah termasuk kos penyelenggaraan oleh pihak operator iaitu Rapid Bas Sdn. Bhd. Ini bermakna penyelenggaraan bas adalah sebahagian daripada tanggungjawab operator yang dilantik.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Memandangkan operasi ini dimaklumkan akan diluaskan di beberapa kawasan yang lain. Apakah kos ini akan ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri atau oleh pihak PBT? Itu yang pertamalah dan yang kedua apakah matlamat akhir?

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja Yang Berhormat Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Satu sahaja, ok. Saya nak tanya tadi mengenai apakah kos memandangkan ia akan disebarluaskan di kawasan-kawasan yang lain, apakah kos ini akan dimasukkan di bawah perbelanjaan PBT atau terus ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, untuk pertambahan yang akan dilakukan selepas ini, kos di kawasan-kawasan ini akan ditanggung oleh pihak

Kerajaan Negeri tetapi untuk penambahan laluan bas seperti yang dipohon oleh pihak MBSA dan juga pihak MPSJ, Kerajaan telah pun menawarkan tambahan 1 + 1, iaitu satu ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri dan satu ditanggung oleh pihak PBT.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Morib dulu.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada pihak EXCO berkaitan dengan laluan bas Smart Selangor ini yang mana kawasan Perbandaran tidak ada masalah memang keperluan itu memang wujud, memang ada cuma di kawasan.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya?

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Soalannya di kawasan Majlis Daerah dan kampung-kampung maknanya ada kebimbangan akan mengganggu pemandu-pemandu teksi dan juga laluan apa ni operator bas yang lain, jadi apakah pihak Kerajaan mengkaji aspek tersebut.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi, pemilihan ada kriteria dalam pemilihan laluan tersebut. Bas itu tidak akan lalu kawasan di mana ada perkhidmatan bas yang sedia ada. Jadi sekiranya laluan dipilih itu mengganggu apa ni mata pencarian pemandu teksi dan sebagainya saya memohon ADUN Kawasan tersebut membangkitkan supaya kita membuat pertimbangan supaya kita membatalkan laluan yang dikatakan menjejaskan kehidupan pemandu teksi ataupun perkhidmatan bas bergantung kepada terpulang kepada Yang Berhormat sama ada rakyat dipentingkan, rakyat keseluruhan secara umum dipentingkan atau pun sebagainya itu adalah pertimbangan yang harus kita lakukan bersama.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Memandangkan kekurangan bas operator di Klang Valley apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa Syarikat yang kita lantik bagi kita kos yang terendah sebab memang kurang bas operator di sini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Pada permulaannya pihak Kerajaan Negeri telah melantik Rapid bas yang mempunyai pengalaman, yang pertamanya dalam perkhidmatan bas, keduanya mempunyai bas yang mencukupi, ketiganya mempunyai modal yang mencukupi, keempat mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menghadapi keperluan. Jadi itu adalah pada permulaannya kita

perlu projek perintis tetapi untuk projek yang akan dilaksanakan untuk 6 PBT yang lain. Pihak Kerajaan Negeri telah pun cuba untuk memanggil tender tapi kami telah pun menghadapi satu masalah di mana tidak ada satu syarikat pun yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kategori ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah pun memilih untuk meminta *request for proposal* pada sekurang-kurangnya tiga syarikat bagi menilai syarikat mana yang akan memberi perkhidmatan yang terbaik dengan nilai yang paling berbaloi.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk memanjangkan perkhidmatan ini kepada pelajar-pelajar sekolah dengan menyusun semula jadual bas yang sama tapi waktu pergi ke sekolah dan juga mengoptimalkan penggunaan bas ini kepada warga Malaysia kerana terlampau ramai warga asing yang menggunakan bas percuma ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang pertamanya kalau ada keperluan untuk pelajar-pelajar sekolah kita boleh kaji tapi jangan nanti ada aduan pula dia akan menjejaskan kehidupan pemandu bas sekolah. Itulah kadang-kadang saya susah nak melayan permintaan seperti itu, bila kita bagi kata menjejaskan pemandu bas yang lain, pemandu teksi, pemandu bas sekolah tapi tak bagi mengadu pula minta tambah

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Hanya pengalaman Taman Medan, laluan bas untuk pelajar sekolah ini hanya di kawasan kos rendah. Pendapatan rendah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kos rendah juga ada masalah. Kalau kita sekarang ini pelajar sekolah menggunakan perkhidmatan bas yang biasa jadi kalau kita sediakan itu, dia akan menjejaskan apa ni pendapatan bas, syarikat bas tersebut jadi itu juga dalam kita dalam keadaan serba salah. Nak bagi tak boleh, tak bagi tak boleh. Jadi saya mintalah mungkin dengan kebijaksanaan Yang Berhormat sekalian. Yang keduanya, tidak ada statistik yang menunjukkan bahawa kebanyakan penumpang perkhidmatan bas percuma ini adalah daripada warga asing. Jadi melainkan ada perangkaan itu, buat masa ini tidak ada perancangan itu, kemudiannya seperti yang pernah saya jawab di dewan ini sebelum ini kita tidak boleh mempunyai dasar diskriminasi. Yang pertamanya, pendedahan ataupun pekerja asing ini mereka juga menyumbang pada pembangunan ekonomi.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mereka bukan pembayar cukai...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Mereka ada bayar cukai, bila dia masuk duti. Duti beribu kena bayar. Hah itu antara aduan oleh pihak majikan. Mereka menyumbang pada pembangunan ekonomi tanpa mereka kilang tak jalan. Kita tak ada cukai. Jadi itu adalah sumbangan pertama. Yang keduanya adalah diskriminasi kalau kita melaksanakan apa ni dasar ini dia akan menjadi satu masalah diskriminasi. Adakah itu sejajar dengan ajaran kita, ajaran agama kita dan juga pendidikan kita.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM:** Tuan Speaker, soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK: AGIHAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah pelajar ke IPTA dan IPTS yang menerima Biasiswa Kerajaan Negeri di dalam tahun 2009 hingga 2015?
- b) Berapakah nilai Biasiswa Kerajaan Negeri yang dibelanjakan dalam tempoh tersebut?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas. Kerajaan Negeri menyediakan pinjaman boleh ubah kepada pelajar IPTA dan IPTS tempatan dan ia bermula pada kadar CGPA 3.20 di mana ia menjadi pinjaman boleh ubah separa dan 3.75 CGPA di mana ia menjadi pinjaman boleh ubah sepenuhnya. Jumlah keseluruhan pelajar yang menerima Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor bagi tahun 2009 hingga 2015 adalah seramai 7,834 seperti pecahan berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Penerima</b>
2009	1,056
2010	1,040
2011	850



2012	1,204
2013	1,114
2014	1,120
2015	1,450

b) Nilai pinjaman pelajaran yang telah dibelanjakan dalam tempoh 2009 sehingga 2015 adalah sebanyak RM101,654,378 seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pinjaman (RM)
2009	11.2 juta
2010	12.8 juta
2011	16.2 juta
2012	20.1 juta
2013	19.8 juta
2014	20.0 juta
2015	19.7 juta

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bolehkah EXCO berikan pecahan kaum yang telah dapatkan biasiswa ini sepanjang lama?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ini merupakan satu soalan yang spesifik. Saya akan jawab secara bertulis.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya mengapakah Yayasan Selangor telah berhenti memberikan biasiswa?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Keputusan untuk Yayasan Selangor memberhentikan memberikan biasiswa sebelum ini dibuat memandangkan sudah

ada Tabung Kumpulan Wang Basiswa Negeri Selangor. Sebaliknya Yayasan Selangor menumpukan kepada *core business* nya iaitu menyediakan bantuan persekolahan bagi pelajar-pelajar sebanyak 5,000 orang tiap-tiap tahun.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya ingin bertanya mengenai apa ni, kadar yang boleh diubah daripada pinjaman kepada biasiswa. Jadi bagaimana Kerajaan Negeri menentukan keputusan-keputusan oleh universiti-universiti swasta ataupun kolej-kolej swasta, dari segi gred mereka itu sama ada benar-benar layak untuk mendapatkan apa ni, apa ni, sebab pinjaman jadi perubahan daripada pinjaman kepada pembiayaan?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Memandangkan kita ada agensi MQA yang mengawal kualiti ijazah yang ada di negara kita jadi kita berpegang selagi mana kolej-kolej atau universiti tersebut mendapat pengiktirafan MQA maka kita mengiktiraf keputusan yang dikeluarkan oleh IPTA ataupun IPTS tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan No.7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: BEKAS PEKERJA LADANG SUNGAI BELATA HULU SELANGOR**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membantu bekas pekerja Ladang Sungai Belata yang ditipu oleh pemaju pada 23 tahun yang lepas?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan penipuan terhadap pekerja ladang sedemikian tidak berulang lagi?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang berperanan dalam memastikan kepentingan dan kebajikan pekerja ladang mahupun bekas pekerja ladang sentiasa dijaga. Berkenaan Ladang Sungai Belata merupakan projek pembangunan Rumah Kos Rendah untuk 64 keluarga bekas pekerja Ladang Belata.

Pemaju Tetuan Land & General Berhad telah menandatangani perjanjian jual beli pada tahun 2001 dengan 64 keluarga dengan pembinaan 64 Rumah Kos Rendah dan kemudahan lain di atas tanah seluas 12.3 ekar di Lot 486 Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor. Setelah projek ini lama tertangguh, baru-baru ini Tetuan Clarity Clair Sdn. Bhd. yang dikatakan sebagai pemilik baru mengemukakan permohonan kebenaran merancang pada 13 Julai 2015. Permohonan Tetuan Clarity Clair telah diluluskan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor pada 30 September 2015. Pada surat bertarikh 3 Februari 2016, Tetuan Clarity Clair Sdn. Bhd. memohon pengecualian bayaran caruman parit dan *charge* pembangunan dari Jabatan Pengairan dan Saliran. Sehubungan itu, pada 13 Januari 2016, pihak pejabat saya telah menulis surat kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor untuk mendapatkan ulasan berhubung status projek pembinaan Rumah Kos Rendah Ladang Belata. Walau bagaimanapun, situasi berkenaan bekas pekerja Ladang Sungai Belata yang telah dikatakan ditipu oleh pemaju hanya dimaklumkan perjumpaan di Pejabat EXCO pada 26 Februari 2016. Selepas bekas pekerja ladang berkenaan telah membuat laporan polis terhadap pemaju yang terlibat. Dalam perjumpaan tersebut, pekerja ladang terbabit telah memaklumkan bahawa mereka telah melantik peguam untuk meneruskan perjuangan mereka di mahkamah. Maka, dalam keadaan kes ini dibawa ke mahkamah, pihak pejabat saya merancang untuk mengadakan mesyuarat dan perbincangan bersama institusi, jabatan dan agensi kerajaan yang telah dikenal pasti dalam masa terdekat yang boleh membantu menangani masalah ini.

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah keselamatan dalam memastikan segala pembangunan ladang dan perkara berkaitan yang melibatkan ladang-ladang di Negeri Selangor harus melalui *Estate Land Board* yang bertindak sebagai satu badan yang bertanggungjawab memastikan setiap urusan dan perkara yang berkaitan dapat di laksana dan diselesaikan dengan teratur yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat agar kejadian sebegini dapat dielakkan.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, memandangkan kes ini tidak membela nasib pekerja ladang, adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengadakan satu sistem iaitu melalui penubuhan tabung ataupun menggubal enakmen bagi menjamin selepas ladang mereka ditukar kepada tujuan lain maka mereka kehilangan pekerjaan dan tempat tinggal itu mereka mendapat jaminan untuk masa depan mereka?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Kuala Kubu, Kuala Kubu Baharu. Tuan Speaker, dalam keadaan kini Kerajaan ini melalui hanya melalui *ELB*, *Estate Land Board*, seperti yang telah saya nyatakan. Kami memastikan

sebarang pembangunan penjual beli berkenaan tentang ladang-ladang, kita menjaga kepentingan pekerja ladang. Namun begitu, sekiranya cadangan daripada Kuala Kubu Baharu tadi seperti enakmen untuk menjaga kepentingan pekerja ladang dengan lebih teratur dan mungkin perkara ini dapat dibawa kepada Kerajaan Negeri, akan dibincang dalam EXCO nanti. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan. Tak kasi peluang ya? Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK:       SAMPAH**

8.       Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a)       Berapa banyakkah sampah yang dikutip setiap bulan oleh PBT-PBT di Selangor?
- b)       Berapa banyakkah pusat pelupusan sampah yang beroperasi di Selangor?
- c)       Apakah rancangan kerajaan bagi membantu mengatasi masalah pembuangan sampah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Secara puratanya sebanyak 135,000 tan metrik sampah dikutip oleh semua PBT setiap bulan. Sebanyak 9 buah tapak pelupusan sampah yang beroperasi di Negeri Selangor iaitu 3 buah tapak pelupusan sisa domestik, 3 buah tapak pelupusan sisa lengai, 3 buah tapak pelupusan terbuka dan sebuah *transfer* stesen. Saya akan senaraikan nama tapak pelupusan di Selangor.

- 1)       Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang
- 2)       Tapak Pelupusan Lengai Sg. Kerdas

- 3) Tapak Pelupusan secara terbuka Bukit Beruntung
- 4) Tapak Pelupusan secara terbuka Sungai Sabai
- 5) Tapak Pelupusan secara terbuka Pancang Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor
- 6) Tapak Pelupusan Sanitari Tanjung Duabelas Kuala Langat
- 7) Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar
- 8) Tapak Pelupusan Sisa Lengai, Dengkil
- 9) Bedena
- 10) *Transfer Station* Seksyen 21, Shah Alam

Rancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi pembuangan sampah mereka yang tidak bertanggungjawab adalah seperti berikut:-

- 1) Pihak PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan dan menguatkuasakan undang-undang kecil berkaitan kesalahan dalam pembuangan sampah seperti UK, pengangkutan, pembuangan dan pelupusan sampah sarap UK, jalan, parit dan bangunan
- 2) Operasi bersepadu antara PBT bersama dengan Pejabat Daerah dan Tanah mengambil tindakan melalui peruntukan pelanggaran syarat tanah di bawah Kanun Tanah Negara.
- 3) Mewujudkan enakmen pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam Negeri Selangor.
- 4) Mengenakan hukuman yang berat dalam enakmen yang akan, yang akan dibentangkan contohnya denda maksimum dan hukuman berkaitan kesalahan-kesalahan dalam enakmen ini dikenakan antara RM10,000.000 hingga RM50,000.00 dan penjara antara 6 bulan hingga 5 tahun.
- 5) PBT diminta untuk mengenal pasti tapak pelupusan sisa binaan di lokasi yang paling sesuai di kawasan masing-masing sebagai kemudahan dalam melupuskan sisa binaan ataupun industri

Sekian.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat dulu.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat EXCO telah memberi jawapan yang secara spesifik. Cuma saya tidak nampak satu perkara yang ditekankan. Jadi, apakah Kerajaan Negeri selain daripada cadangan-cadangan yang dinyatakan tadi, Kerajaan Negeri bercadang juga untuk melaksanakan suatu kempen kesedaran secara besar-besaran, secara holistik sebab masalah sampah ini adalah merupakan masalah yang berterusan sekiranya tidak ada kempen yang bersungguh daripada pihak kerajaan, ia akan, kita akan memperuntukkan ataupun membelanjakan sejumlah wang yang sangat besar sehingga akhirnya masalah sampah ini tidak dapat diatasi di semua peringkat. Mungkin kita ada perubahan di kawasan-kawasan yang, yang sedia ada dari segi peningkatan pengurusan sampah tetapi dalam kawasan-kawasan yang *'out circuit'* ataupun kawasan-kawasan yang di luar bandar khususnya masalah sampah ini tidak dapat diatasi dengan sebaiknya. Jadi adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengadakan suatu kempen kesedaran secara menyeluruh di seluruh Selangor ini supaya masalah sampah ini dapat diambil berat oleh semua pihak?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat atas cadangan tentang kempen kesedaran untuk kita meningkatkan kesedaran tentang kebersihan awam di tempat-tempat perumahan ataupun komersial dan sebagainya. Perancang negeri adalah kita mesti melihat apa jenis sampah yang kita maksudkan. Dia ada beberapa jenis sampah haram. Ada yang di kawasan perumahan. Ia, biasanya dibuangkan oleh penduduk setempat. Ada yang di kawasan tanah-tanah persendirian ataupun tanah kerajaan ataupun tanah rizab yang kemungkinan besar ni adalah dibuang oleh kontraktor yang bebas. Tidak, kontraktor dan sebagainya. Ia, ini jumlah dia lebih banyak. Dan bagi Kerajaan Negeri, kita nampak dalam PBT masing-masing ada buat. Kita nampak ada penambahbaikan atas kebersihan khususnya atas kutipan sampah untuk spesifik. Tapi dalam isu tentang pembuangan sampah di tapak perumahan dan sebagai, tepi jalan dan sebagainya, Kerajaan Negeri telah mengarahkan kepada semua PBT bahawa mereka perlu meningkatkan kekerapan untuk memberikan perkhidmatan tentang kutipan sampah pukal di depan rumah penduduk. Ini telah, arahan telah bagikan kepada semua PBT dan PBT memang telah laksanakan dan apa yang, apakan cabaran yang sebesar, yang besar sekarang adalah kita masih tidak dapat mengawal tentang kontraktor bebas seperti kontraktor yang melupuskan sampah binaan dan sebagainya. Kerana di Negeri Selangor kita tak, masih tak ada satu undang-undang yang spesifik untuk kita melesenkan industri tersebut. Itu sebab kita perlukan satu undang-undang yang spesifik seperti contoh yang saya berikan enakmen itu kita akan mengawal industri tersebut. Industri kontraktor yang bebas ini, yang kecil-kecil ini.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Tujuan kita membuang sampah bukan sahaja kita nak melupuskan sampah. Tapi kita nak menjadikan tempat itu bersih daripada sampah. Jadi, dan ia bukan sahaja bergantung pada kekerapan kita mengutip sampah. Soalan saya, ni tempat-tempat membuang sampah ini. Di kawasan perumahan, juga di kawasan-kawasan seperti pasar basah ya. Walaupun sampah dilupuskan, tapi masalahnya tempat membuang sampah, tempat letak buang sampah itu sendiri dalam keadaan yang masih tidak bersih dan berbau busuk. Jadi soalannya, tanggungjawab siapa untuk pastikan kebersihan kawasan tapak tersebut sama ada yang mengangkut sampah ataupun tuan punya tapak tersebut? Dan apakah Kerajaan Negeri ada langkah-langkah untuk memastikan bahawa tempat seperti pasar basah, tempat di rumah bertingkat ini kawasan tempat buang sampah itu bersih dan tidak berbau busuk?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Sungai Burong. Kalau kita bincang tentang sampah di pasar ya, sebagai contoh pasar. Pasar, basa kita akan menyediakan tong yang besar, tong roro biasanya. Kalau kita katakan siapakah yang bertanggungjawab untuk membersihkan kawasan di sekeliling tong sampah tersebut? Itu adalah tanggungjawab PBT dan PBT akan melantik kontraktor untuk bersihkan. Kalau ada tempat yang spesifik, ya, yang Sungai Burong maksudkan ada masalah, ya sila bagikan kepada saya dan saya akan mengarah PBT untuk selesaikan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Soalan saya tadi adakah Kerajaan Negeri ni sebenarnya sedar yang kawasan tempat ini memang tak bersih dan bau busuk? Kawasan tempat buang sampah. Kita tengok contohlah pasar basah. Di mana-mana kita pergi ataupun di kawasan rumah bertingkat tu tempat orang buang sampah. Walaupun dia dikutip, walaupun ia dijaga oleh pihak Majlis, tetapi kebersihannya itu tidaklah bersih. Dia bau busuk. Ini yang kita nak tekankan ni, langkah-langkah.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya rasa....sampah tu memang busuklah...ya sampah itu memang busuk. Kalau kita katakan sampah tak busuk itu bukan sampah, itu yang saya apa ni...itu cabaran besar lah ...kalau kita mahu sampah yang tidak busuk tapi kalau ada masalah sampah yang busuk kawasan di kawasan Sungai Burong ada pasar-pasar yang memang mengalami masalah tentang kebersihan dan sebagainya kita boleh mencari satu cara penyelesaian di kawasan Sungai Burong kerana ada pasar di kawasan lain memang mereka mengikut jadual untuk kita bersihkan dan sebagainya.

**Y.B. DATO' MOHD SAHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya nak bertanya sama ada Tuan Exco sendiri Y.B. ada pergi melawat tak....saya bagi contoh pergilah pasar borong Klang tu, contoh yang paling mudah tu. Tengok tempatnya baunya macam busuk dan bersih. Sampah memang busuk tapi dalam rumah kita boleh buat *toilet* di sebelah bilik tidur kita pun dia jadi bersih. Ha ini yang saya nak bangkitkan ni. Nampak macam saya cadangkan EXCO pergilah melawat tempat ni tengok bau busuk. Saya boleh bawak, kata jangan aduan daripada Sungai Burong saja. Tapi sebenarnya boleh tengok di mana-mana ni, di mana-mana tempat pasar basah. Tapi bukan sahaja pasar basah, ini rumah-rumah bertingkat ni, tempat buang sampah di rumah bertingkat ni pun, Ya Allah, ya kita boleh pergi la mana-mana kita tengok bau dia sentiasa busuk dan tidak bersih sebenarnya. Dan perlu dibersihkan dan hilangkan dia punya bau. Saya yakin dan percaya bau busuk dan bau bersih ini boleh dihilangkan dan selaras dengan negeri maju di bawah pentadbiran Menteri Besar kita.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Baiklah ini memang merupakan satu cabaran yang besar bagi Kerajaan Negeri. Saya akan bawa sekali dengan Sungai Burong kita lawat tempat-tempat yang bermasalahlah.

**Y.B. DATO' MOHD SAHAMSUDIN BIN LIAS:** Kadang-kadang ke tapak pasar besar Tanjung Karang boleh ya?

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong sudah tiga soalan ya. Baiklah Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih. Memandangkan masalah sampah yang begitu serius di Selangor, apakah Kerajaan Negeri ada menyediakan pelan tindakan masa panjang bagi menangani masalah pengurusan sampah yang lebih efisien di Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya rasa yang serius tu tak berapa tepatlah. Kalau kira macam mana serius kutipan sampah memang mengikut jadual.....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Serius....sebab tu denggi banyak di Selangor.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Y.B. itu ada berbagai unsur-unsur yang lain bukan sahaja isu kebersihan, isu tentang struktur dan sebagainya. Kerajaan Negeri sekarang memang kita telah dalam proses untuk kita menilai semula tentang spesifikasi yang sedia ada dan juga kekerapan kutipan sampah khususnya kita ingin mencari satu penyelesaian untuk kita menyelesaikan masalah tentang pembersihan awam seperti sampah-sampah tepi jalan dan juga di longkang dan juga rumput dan sebagainya. Ini kita perlu kita masih dalam perancangan dan seperti apa yang saya maklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan Negeri telah memberi



arahan kepada pihak PBT bahawa mereka perlu meningkatkan kekerapan untuk mengutip sampah di jalan dan sebagainya dan sekarang Kerajaan Negeri juga kita dalam satu akan melakukan satu projek perintis ia di dalam MPK kita dalam perancangan untuk menubuhkan satu syarikat GLC untuk kita menjayakan satu pengurusan yang baru yang akan dengan kaedah yang baru akan dilaksanakan di dalam Majlis Perbandaran Klang. Akan di umum kelak nanti.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya bagi satu lagi, Doktor, Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya rancangan panjang kepada EXCO tentang pengurusan sampah. *Landfield* makin lama makin kurang. Dan juga nak bawak kepada *Landfield* jauh dan kos tinggi. Adakah rancangan-rancangan lain yang telah.....rancangan panjang untuk mengatasi masalah *Landfield* yang kekurangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Ijok. Ini juga merupakan satu cabaranlah untuk Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sekarang menerokai beberapa teknologi yang baru. *Waste Technology* dan juga bio...apa ni...yang menggunakan cara biologi untuk kita melupuskan sampah dan sebagainya. Masih dalam perancangan kita. Kerajaan Negeri juga telah mengambil telah membuat pengambilan tanah di kawasan Jeram untuk kita melupuskan sampah dalam masa sepuluh hingga lima belas tahun dalam perancangan kita dan dalam masa yang sama kita juga akan menerokai beberapa teknologi yang baru.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR a/I ARUNALANDAM:** Soalan tambahan....

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja.....Sri Andalas...

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR a/I ARUNALANDAM:** Terima kasih. Dewan ni sudah dengar lama dah perancangan-perancangan baru untuk kita adakan sistem baru dan sebagainya. Bilakah Negeri Selangor akan adakan *incenerator* di dalam Selangor.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Memang ada cadangan tapi masih tak ada satu perancangan yang kukuh untuk *incenerator*.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.....

**Y.B. PUAN HANIZA MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Speaker, Soalan 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PROGRAM BANTUAN MAKANAN ASAS**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Bilakah Program Bantuan Makanan Asas akan dilaksanakan?
  - b) Apakah syarat-syarat layak dan kaedah perlaksanaannya?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker, dalam keadaan suasana ekonomi negara yang lemah di mana semakin banyak keluarga yang pendapatan rendah dengan kenaikan kos sara hidup yang tinggi dan kuasa beli yang semakin rendah maka Kerajaan Negeri komited dalam mempertingkatkan usaha kebajikan. Satu inisiatif baru oleh Kerajaan Negeri melalui belanjawan 2016 yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar di bawah strategi ke-3 iaitu Mempertingkatkan Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli, Kerajaan Negeri telah Memperuntukkan sejumlah RM3,000,000.00 bagi melaksanakan program bantuan makanan asas (*food stamp*) atau yang dikenali sebagai Smart Selangor *Food Stamp* yang bakal memberi manfaat kepada 5,000 buah keluarga termiskin di Selangor yang akan dikenal pasti dan berkelayakan sebagai penerima bantuan ini.

Kertas Cadangan telah dibenteng dalam *retreat* EXCO baru-baru ini dan buat masa ini ia masih dalam proses pemurnian bagi memperhalusi mekanisme pelaksanaan supaya program ini dapat dilaksanakan dengan jaya tanpa berlaku ketirisan dan ia akan diangkat untuk kelulusan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor(MTES) yang akan datang. Pihak Kerajaan Negeri masih membuka ruang untuk perbincangan bagi menerima pandangan serta cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mencari satu mekanisme yang terbaik dalam pelaksanaan Smart Selangor *Food Stamp* ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan Tambahan. Tambahan Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA MOHAMED TALHA:** Mengikut jawapan EXCO sebentar tadi hanya 5,000 keluarga yang akan mendapat manfaat daripada program ini. Bermakna hanya 89 keluarga setiap DUN. Mengapa tidak jumlah yang lebih besar daripada itu memandangkan kesan yang dialami daripada cukai GST ini lebih meluas, bilangannya lebih ramai. Dan tidak dinyatakan juga bila tarikh dapat dilaksanakan program ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Kerana kita berpandukan kepada Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor yang mana mensasarkan 5,000 orang ataupun 5,000 keluarga maka apabila kita mengira mengikut DUN, 56 DUN maka kita mendapat nombor iaitu 89 keluarga sahaja tetapi ia masih boleh dipertingkatkan mungkin kita akan tingkatkan kepada 100 keluarga setiap DUN dan ini juga bergantung pada DUN-DUN. Mungkin ada DUN yang tidak ada keperluan. DUN-DUN yang ramai di kawasan mereka adalah golongan *elite* yang mungkin tidak memerlukan. Jadi boleh di *transfer* kepada kawasan DUN lain yang lebih memerlukan. Berkenaan dengan bilakah sasaran persaraan. Kita mensasarkan, Kerajaan Negeri mensasarkan selewat-lewatnya sebelum bulan Ramadhan pada tahun ini, *Insyah-Allah*.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada pihak EXCO. Memandangkan isu-isu semasa dan jumlah rakyat yang miskin ini bertambah lanjutan daripada apa yang ditanya Taman Medan, perlu ada satu kayu ukur mengapa rasionalnya 5,000 itu dikemukakan sehingga bajet 3,000,000.00 itu dikeluarkan. Kerana pada saya mesti ada kriteria yang tepat untuk memilih mereka yang perlukan bantuan. Akhirnya soalan saya apakah "*food stamp*" ini untuk melegakan ataupun memberi bantuan kepada rakyat agar mereka ada sumber makanan ataupun apakah ianya sesuatu yang kita hanya sekadar membuat program yang biasa sahaja. Jadi soalan saya apakah ada satu kriteria yang khusus untuk mengenal pasti mereka yang layak untuk mendapat bantuan tersebut agar jumlah yang ditentukan sama ada 5,000 ataupun selebihnya itu bertepatan dengan aspirasi kerajaan untuk memastikan tidak ada rakyat di Selangor ini yang terbiar. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya pandangan dan cadangan daripada Batu Tiga sangat baik untuk kita ambil kira dalam memastikan siapakah para peserta untuk program *food stamp* ini yang layak untuk menerima bantuan tersebut. Oleh sebab ia masih lagi di peringkat perbincangan dan kita masih lagi memerlukan input maka kita akan mengambil kira perkara-perkara tersebut. Dan sememangnya ianya adalah untuk memberikan makanan asas kepada keluarga miskin supaya tidak ada keluarga yang kebulur di Negeri Selangor ini, *Insyah-Allah*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada EXCO mengenai dengan program bantuan makanan

asas ini. Apakah dia tidak satu program yang *redundancy* setelah kita mempunyai satu program *Jom Shopping*. Apakah *Jom Shopping* itu mempunyai kaedah lain dalam membantu masyarakat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batang Kali. Program *Jom Shopping* ini berbeza dengan program *food stamp* kerana program "*Jom Shopping*" ini hanya kita laksanakan di musim-musim perayaan dan mengikut kategori. Jadi untuk program *food stamp* ini ia adalah untuk kita memberikan bantuan makanan asas bulanan kepada keluarga yang telah dikenal pasti tersebut. Jadi ia memang berbeza. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK: PELANCONGAN**

10. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Kawasan Bukit Jugra dan Kampung Bandar terdapat banyak produk pelancongan. Seperti Muzium Insitu Jugra, rumah api Jugra, Istana lama Alaedin dan tapak sukan para gliding di Bukit Jugra.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan produk-produk pelancongan tersebut?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PENG:** Terima kasih Y.B. Morib. Puan Speaker, untuk meningkatkan kemudahan di kawasan pelancongan khususnya di kawasan Bukit Jugra dan Kampung Bandar seperti Muzium Insitu Jugra, rumah api Jugra, Istana Lama Alaedin dan tapak sukan para gliding di Bukit Jugra sebagai contohnya, pelbagai usaha untuk menaiktaraf pembangunan telah dirancang dan dijalankan. Program pembangunan dan projek konservasi sedang giat dijalankan oleh pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) di produk pelancongan warisan di sekitar Bukit Jugra dan Kampung Bandar. Projek konservasi yang sedang dijalankan mengikut fasa pemulihan adalah seperti yang berikut:

1. Konservasi Bangunan Istana Bandar di mana sekarang sedang dijalankan rawatan penggaraman bagi mengurangkan kelembapan pada dinding bangunan. Jumlah peruntukkan yang diberi adalah RM400,000.00

2. Kedua adalah konservasi kenderaan polis GMC di Muzium InSitu Jugra di mana terdapat kerja-kerja pemuliharaan. Jumlah peruntukan adalah RM50,000.00.
3. Konservasi Bangunan Istana Bandar di mana kerja-kerja pembaikpulihan ataupun dengan izin *repair and rehabilitation* dan pemeliharaan *preservation* dijalankan RM160,000.00.
4. Konservasi Tapak Perigi Jugra di mana kerja dengan izin *restoration, repair and rehabilitation*, dan pembinaan semula serta pemeliharaan tapak tersebut RM100,000.00.
5. Stor peluru Jugra dan tiang bangunan muzium Insitu Jugra di mana rawatan juga rawatan penggaraman dan kapilari air dengan kaedah kukun sedang dilaksanakan RM70,000.00.

Jadi jumlah yang projek-projek yang sedang dilakukan sekarang adalah RM780,000.00. Kawasan dan juga tempat pelancongan sekitar Bukit Jugra dan Kampung Bandar juga diberi penekanan yang serius untuk membangunkan kawasan pelancongan di Daerah Kuala Langat. So maksudnya bukan sahaja kita tertumpu, menumpu, maaf, kepada kawasan-kawasan yang bersejarah tetapi kawasan yang persekitaran juga memberi manfaat ataupun memberi ada kaitan. Sebagai contohnya pemasangan kemudahan permainan kanak-kanak di Pantai Batu Laut, laluan pejalan kaki juga di Pantai Batu Laut dan juga pemasangan papan tanda dan kerja-kerja yang berkaitan di Pantai yang sama. Di Pantai Morib terdapat kerja pemasangan lampu awam di Pantai Morib. Dan juga di Pantai Klanang di mana kemudahan infrastruktur awam dan juga kerja-kerja berkaitan telah diluluskan dan akan dijalankan ataupun sedang dijalankan. Jumlah diperuntukkan di kawasan-kawasan persekitaran adalah RM397,534.80. Dan tambahan juga acara promosi dan pemasaran amat penting untuk mempromosikan keseluruhan kawasan Majlis Daerah Kuala Langat khasnya di kawasan Jugra dan juga Kampung Bandar. Jadi di sana kita telah menyokong beberapa program sebagai contohnya:-

1. Kejohanan Paragliding Peringkat Antarabangsa tahun lepas dan tahun ini kita akan turut menyokong.
2. Majlis Daerah Kuala Langat Eco Challenge 2016.
3. Retromania Grand Gathering 2016 dan Bukit Jugra Trail 2016.

**Y.B TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung

**Y.B TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan No.11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: JAWATANKUASA KHAS TEBATAN BANJIR SELANGOR**

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan masalah-masalah yang telah diselesaikan oleh Jawatankuasa ini pada tahun 2015?
- b) Apakah perancangan jangka masa panjang dalam menyelesaikan masalah banjir di Selangor?

**Y.B TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sungai Burong yang bertanyakan berkenaan dengan Jawatankuasa Khas Tebatan Banjir Selangor. *Task Force* tebatan banjir yang telah pun kita wujudkan di awal 2015 yang berpaksikan kepada pendekatan 6P iaitu Penyelarasan Maklumat-maklumat berkenaan dengan banjir Penilaian dan juga Perancangan, Pemantauan, Penguatkuasaan persediaan menghadapi musim banjir dan juga pengesyoran. Dari segi kejayaan yang saya suka untuk berkongsi di sini adalah dari sudut penyelarasan kita berjaya memanggil agensi-agensi yang terlibat dengan permasalahan banjir. Biasanya bila berlaku banjir kita hanya melihat kepada Jabatan Pengairan dan Saliran sahaja walhal ia juga melibatkan agensi-agensi yang lain seperti PBT, JKR dan seumpamanya dan juga melibatkan agensi-agensi 'Federal' termasuklah syarikat konsesi Lembaga Lebuhraya Malaysia dan juga ada keadaan yang melibatkan Perbadanan aset kereta api dan sebagainya. Jadi kejayaan yang pertamanya adalah kita mampu untuk menyelaras permasalahan-permasalahan banjir yang melibatkan semua agensi-agensi yang terlibat. Dari sudut penyelarasan juga kita mampu untuk duduk bersama dengan Ahli Dewan Negeri yang kawasannya yang menghadapi banjir untuk diajukan di peringkat Jawatankuasa Khas ini dan di sana kita berbincang secara khusus permasalahan banjir di kawasan masing-masing.

Kemudian dari sudut pemantauan alhamdulillah sepanjang tempoh 2015 kita telah pun berjaya melaksanakan salah satu P ini iaitu Pemantauan dan Penguatkuasaan sebanyak 16 operasi Ops Lumpur telah dilaksanakan membabitkan 16 buah projek pembangunan yang sedang dalam kerja tanah pada tahun 2015. Dan daripada hasil operasi ini, surat-surat amaran termasuk kompaun telah dikenakan kepada pemaju yang melanggar syarat-syarat kerja tanah dan didapati semua pemaju telah pun

membalik pulih tapak pembinaan mengikut syarat kerja tanah bagi mengelakkan kejadian banjir.

Tempat-tempat atau operasi-operasi ini berpandukan kepada aduan-aduan orang ramai juga aduan-aduan di peringkat Ahli Dewan Negeri setempat. Kemudian sebanyak 3 kali mesyuarat dan lawatan tapak khas telah diadakan dengan jabatan dan agensi yang terlibat ke projek tebatan banjir yang menghadapi masalah seperti di projek RTB Sungai Jeluh, Kajang dengan isu gerai penjaja, yang *Task Force* tebatan banjir ini sendiri turun Projek RTB Sungai Rasah dengan isu meluruskan jajaran parit bersama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan begitu juga dengan Projek RTB Sungai Binjai Hamzah Alang dengan isu lintasan ke rumah penduduk dan sebagainya. Ini antara kejayaan-kejayaan yang saya kira boleh kita nyatakan di peringkat Dewan untuk dikongsi.

Berkaitan dengan perancangan jangka masa panjang dalam menyelesaikan permasalahan banjir ini di peringkat *Task Force* tebatan banjir akan meneruskan dengan pendekatan 6P ini di samping kita menganalisa kejadian-kejadian banjir dan juga melihat kepada perancangan-perancangan yang telah pun dilakukan khususnya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor.

Suka saya berkongsi di sini bagi perancangan jangka masa panjang JPS Negeri Selangor telah pun melantik 41 perunding dan 31 Juruukur yang melibatkan kos yuran perkhidmatan Ringgit Malaysia bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir RM24,996,151.80 bagi perkhidmatan perunding manakala RM 5,914,984.94 bagi perkhidmatan Juruukur. Semalam kita buat majlis penyerahan Watak secara beramai-ramai menjumlahkan 78 Perunding dan juga Juruukur.

Pelantikan ini bertujuan untuk menyediakan reka bentuk terperinci dan kerja ukur bagi keperluan 43 projek tebatan banjir yang telah diluluskan untuk program tebatan banjir RMK 11 yang mula dilaksanakan antaranya seawal pertengahan tahun 2016 ini. Anggaran kos keseluruhan bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir tersebut adalah RM 399,613,000.00 yang merangkumi 43 buah projek di seluruh Negeri Selangor bagi RMK 11. Dengan terlaksananya projek ini *Insyallah* dijangka akan dapat menyelesaikan lebih daripada 60 hingga 80 peratus kawasan *Hotspot* banjir yang berulang.

Untuk makluman juga terdapat 37 projek sambungan RMK 10 tebatan banjir yang sedang dilaksanakan pada tahun 2016 menggunakan peruntukan pembangunan dan caruman parit semasa dengan kos keseluruhan RM 121,099,964.20 dan melibatkan 13 kawasan *Hotspot* banjir yang serius. Setelah siap pelaksanaan projek yang dijangka pada tahun ini dan juga 2017 projek-projek berkenaan akan dapat menyelesaikan sebahagian besar permasalahan banjir di tempat-tempat yang kritikal seperti di Sungai Jeluh, Kajang, Sungai Binjai di Hamzah Alang Meru, Sungai Rasah Klang, anak Sungai Damansara Batu Tiga Petaling anak Sungai Udang, Gombak,

Pulau Meranti Sepang, Sijangkang, Kuala Langat dan lain-lain tempat. Itu di antara perkara yang mungkin boleh dikongsi berkaitan dengan apa yang telah pun dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas Tebatan Banjir Selangor.

**Y.B TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih tuan Speaker saya ucapkan tahniah atas usaha-usaha EXCO berkenaan mengadakan apa 6P dalam menyelesaikan penempatan banjir tersebut dan kita harap terutamanya dari segi penyelarasan pengawalan-pengawalan dapat mempertingkatkan kesan yang maksima. Saya ingin membangkitkan dari segi jangka panjang adakah kerajaan negeri sedar bahawa pembinaan-pembinaan '*manmade*'

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Sungai Burong

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini yang saya nak tanya ni...

**TUAN SPEAKER:** Terus pada soalan

**Y.B DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ok. Soalannya ialah pembinaan *Manmade, retention pond* ataupun *retention lake* dan juga terusan, ini merupakan satu daripada perkara yang boleh membuat mengatasi masalah banjir dari segi jangka panjang. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri sedar, tentang apa ni keperluan tersebut dan adakah bercadang dalam kajian *master plan* Kerajaan Negeri untuk mengadakan dengan izin apa ini *retention pond*, ataupun *retention lake*, dan juga terusan-terusan bagi mengalirkan air-air ini bagi membolehkan ia mengulang atau mengelakkan berlakunya banjir. Sekian.

**Y.B TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sungai Burong, jawapannya Kerajaan Negeri sedar dan sudah pun dimasukkan dalam perancangan-perancangan untuk menyelenggarakan kolam-kolam takungan dan juga membina kolam-kolam takungan yang baru yang kalau kita lihat dari sudut peruntukan setakat ini untuk mengurus kolam-kolam takungan telah pun mencecah RM24 juta. Itu adalah kos pengurusan kolam-kolam takungan dan juga RM31 juta diperuntukkan untuk menaik taraf kolam-kolam takungan untuk dalam tempoh 4 tahun dan kita membelanjakan kurang lebih RM8 juta setiap tahun untuk menyelenggarakan kolam-kolam takungan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.



**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya nak bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan ataupun *especially* JPS menyediakan peruntukkan pembangunan untuk dengan izin *upgrade* apa *earth grain* di kawasan yang telah pun dikenal pasti memang ada banjir kilat setiap kali ada hujan lebat.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Selat Klang, memang ada kalau kita melihat kepada bajet yang telah diluluskan bajet pembangunan RM80 juta untuk tahun 2016 ini di sana ada pecahan-pecahan termasuklah juga yang saya kira saya bangkitkan tadi adalah pembangunan mesra alam kita memperuntukkan sehingga RM4,400,000.00 begitu juga dengan pecahan-pecahan yang lain yang melibatkan apa yang dibangkitkan oleh Selat Klang.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(SELAT KLANG)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN BELIA**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar

- a) Apakah perkembangan program pembangunan belia yang boleh dimanfaatkan setiap DUN setakat ini?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Selat Klang atas soalan beliau yang prihatin tentang pembangunan belia. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan telah merangka program-program Pembangunan Generasi Muda di peringkat akar umbi melalui pelbagai sektor dan pelbagai kawasan antaranya program-program yang dicanai di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan peringkat daerah mahupun program-program yang dilaksanakan di peringkat Dewan-dewan Undangan Negeri. Mulai tahun lalu kita cuba untuk melaksanakan program secara selaras di peringkat Dewan-dewan Undangan Negeri ataupun di Pusat-pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri dengan melaksanakan program yang dipanggil sebagai Liga Sukan Selangor Plus yang merupakan tiga (3) sukan yang kita gabungkan iaitu sukan futsal, sukan Bola keranjang '3 on 3' dan juga sukan bola jaring, dengan mengambil kira ketiga-tiga sukan ini merupakan sukan yang boleh merentasi daripada segi gender, kaum dan juga penyertaan yang ramai terutama di kalangan anak-anak muda dan generasi muda di bawah 35 tahun. Pada tahun lepas dalam rekod yang kita telah diberikan sebanyak 24 Pusat-pusat Khidmat Masyarakat menyertai daripada 56 DUN dan sejumlah 8 ribu anak-anak muda di kalangan di bawah 35 tahun yang menyertainya

dan di dalam '*Grand Finally*' kita yang kita anjurkan di Shah Alam seramai 1,500 anak-anak muda telah menyertai program-program ini.

Selain daripada itu, Pusat-pusat Khidmat Masyarakat masih boleh menggunakan perkhidmatan dan juga menggunakan dan menggerakkan penggerak-penggerak belia tempatan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri berteraskan, berdasarkan ataupun berteraskan 10 perkara yang menjadi tiang seri kepada dasar pembangunan Negeri Selangor atau belia Negeri Selangor iaitu bidang keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan, Kebudayaan Kesenian, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Agama dan *Spirituality* dan Pengantarabangsaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker, Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Apakah kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk mengenal pasti sama ada perancangan itu telah berkesan dan berbaloi ada "ROI" nya supaya kita tahu sama ada perlu diteruskan ataupun ada penambahbaikan dan ataupun peruntukkan kalau (PePBT) hanya RM 5 ribu setahun, adakah itu mencukupi ataupun patutkah kerajaan memperuntukkan peruntukkan yang khas seperti program untuk rakyat di mana setiap DUN ada peruntukan yang spesifik dengan koordinat Pembangunan Bina Insan macam PWB ada penyeliaanya, jadi saya nak tahu bagaimana perancangan kerajaan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Selat Klang ya. Kalau kita unjur program-program pembangunan Generasi Muda di Negeri Selangor kita bermula menubuhkan PePBT pada tahun 2009 dan bila EXCO yang berkenaan pada masa tersebut merangka dasar Pembangunan Belia sebagai contoh kita memulakan dengan satu kajian yang telah dianjurkan ataupun diunjurkan oleh IPSAS ataupun Institut yang berpusat di Universiti Putera Malaysia khusus merangka tentang program-program pembangunan belia dan daripada situ muncul lah yang kita panggil sebagai dasar pembangunan belia dan terima kasih kepada Sijangkang yang telah memulakan inisiatif ini.

Jadi Pada tahun ini melalui Institut Darul Ehsan dan juga dengan IPSAS kita telah memulakan lagi semua itu satu lagi kajian untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program-program yang dilaksanakan oleh dasar-dasar pembangunan ataupun dasar pembangunan belia Negeri Selangor. Justeru terima kasih dan jawapannya ada dan kita laksanakan mengikut berperingkat dan setelah satu tempoh jangka panjang barulah kita melihat untuk membuat perubahan-perubahan dasar dan sebagainya.

*Insyah-Allah* pada dari sama ke semasa saya percaya kita Kerajaan Negeri akan cuba menambah baik program-program kita dan terbukti ya. Saya ingin maklumkan dalam mesyuarat *Standco* yang terakhir yang saya yang kita buat iaitu kali pertama pada tahun ini membuktikan kalau dahulu di Tahun 2009 kita ketika kita melaksanakan PBT program-programnya tidak seimbang hampir 80% daripada program-program yang dilaksanakan oleh PBT berteraskan kepada program-program sukan seperti futsal, bola Jaring dan sebagainya. Namun dalam laporan terkini yang kita buktikan program-programnya agak seimbang sekarang ini walaupun tidak mencapai 10 teras itu, namun sudah ada peratusan yang meningkat daripada Program Kebudayaan, Program Keusahawanan, Program Kepimpinan dan juga program-program mobiliti yang melibatkan mobiliti, program keagamaan yang agak seimbang daripada segi peratusannya. *Insyah-Allah* kalau laporan terbaru yang dikeluarkan oleh pihak Institut Darul Ehsan saya akan kongsi di Dewan. Dan ini akan menjadi batu loncatan kepada kita untuk merangka program-program kita di masa hadapan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah masa pertanyaan telah tamat. Saya tangguhkan untuk urusan seterusnya.

#### **IV. USUL**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul menyembah ucapan terima kasih serta junjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan. Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya memohon ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut: Ampun Tuanku patik-patik sekalian iaitu Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Sekalian Negeri Selangor yang berhimpun di dalam Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Keempat Negeri Selangor Yang Ketiga Belas. Tuan Speaker, Y.A.B. Dato Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan salam sejahtera dan salam ukhwah untuk semua.

Sejak Najib menjadi pemerintah  
Tugas Menteri semakin mudah  
Asalkan ampu janganlah bantah  
Pasti jawatan kekal tiada masalah

Pergi mengail menaiki sampan  
Mendapat ikan dibuat pekasam  
Pencuri kecil cepat diambil tindakan  
Songlap berbilion tiada diambil tindakan

Tuan Speaker terlebih dahulu Sekinchan ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Dato Seri Menteri Besar, Dato Seri Azmin bin Ali kerana di bawah kepimpinannya Selangor semakin maju, dinamik dan terus mengorak langkah ke hadapan dari aspek ekonomi, pendidikan, sosial dan kebudayaan. Selangor semakin berkembang bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat serantau. Kehidupan rakyat semakin aman, harmoni, bahagia dan terbela. Pada masa yang sama laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri Ketiga yang dibentangkan pada Persidangan Dewan Negeri kali ini memberi pengiktirafan kepada Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan di 15 Jabatan agensi negeri pada 2014 adalah baik di mana 8 Jabatan di agensi negeri mencapai tahap sangat baik. Manakala 7 Jabatan agensi negeri pada tahap baik. Maksudnya pengurusan Kerajaan Negeri Selangor tulus, cekap dan berada di landasan yang betul. Tuan Speaker pada masa yang sama Kerajaan Negeri terus komited melaksanakan berbagai Program Kebajikan Rakyat Peduli Rakyat seperti pemberian air percuma 25 air padu, Skim Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Bantuan Tadika Tunas, Insentif Perkahwinan, Bas Smart Selangor dan lain-lain lagi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008. Bagi mengadaptasikan matlamat membangun Smart Selangor yang peduli. Sesungguhnya suasana konduksi aman dan harmoni di negeri Selangor bermula dari Tahun 2008 yang menyaksikan satu gelombang kebangkitan rakyat secara total di Negeri Selangor yang benci dan marah terhadap kerajaan UMNO Barisan Nasional yang menindas dan menzalimi rakyat serta terbabit dengan elemen rasuah dan penyelewengan ketika itu. Akhirnya tidak dijangka cekaman politik selama 50 tahun oleh UMNO Barisan Nasional yang begitu kuat dan kebal yang bisa ditumbangkan oleh kebangkitan kuasa rakyat melalui gelombang politik Tsunami 308 iaitu 8 Mac 2008. Satu tarikh keramat untuk sejarah baru politik tanah air khusus Negeri Selangor. Tuan Speaker genap 8 tahun 22 hari gelombang tsunami politik Mac 2008 politik masih segar dalam ingatan bahawa sejarah membuktikan kepada kita tiada rejim yang bisa ditumbangkan akta sekali di Putrajaya dengan syarat rakyat harus sedar hak mereka yang semakin dinodai oleh sang kuasa yang zalim dan rakus. Kalau rakyat sedar dan berani bangkit *nothing impossible* (dengan izin). Oleh itu, pada hari ini kita lebih bersemangat untuk terus berjuang menentang kezaliman dan kebobrokan sistem dan institut negara. Sudah tiba masanya perubahan total wajib dilakukan di peringkat Putrajaya. Semua rakyat yang sayangkan negara mesti bangkit untuk bertindak dan mencipta pembaharuan yang hakiki demi menyelamatkan Malaysia. Perkembangan terbaru menyelamatkan Malaysia merupakan agenda paling penting dalam atasi segala isu termasuk isu peribadi tidak kira anda berada di mana? Dari parti mana? UMNO ke DAP ke, PKR, Amanah, PAS seluruhnya ya. Kekhawatiran terhadap masa depan rakyat sering menjadi tajuk

perbincangan rakyat oleh itu seruan dan pesanan perubahan dan reformasi secara total terhadap seluruh sistem pengurusan pentadbiran negara adalah amat terdesak. Rujuk dan ikut...rujuklah ikutlah, ikutilah modal Negeri Selangor. Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor menjadikan prinsip ketulusan, keupayaan, kebertanggungjawaban sebagai teras pentadbiran negeri yang amanah dan integriti. Sudah terang lagi bersuluh sistem dan acuan yang diguna pakai oleh kerajaan UMNO Barisan Nasional di Putrajaya ternyata gagal dan tidak bisa membawa kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Gejala rasuah berleluasa di setiap peringkat seperti yang apa yang ditegaskan di titah oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor rasuah ini akan membinasakan negara. Tapisan yang paling parah adalah skandal rasuah kewangan terbesar dalam abad ini berlaku di negara kita. Ketika zaman pentadbiran Perdana Menteri Dato Seri Najib bin Tun Razak. Justeru itu, imej Negara Malaysia meleset dan tercemar dengan teruk serta menjadi bahan jenaka di mata antarabangsa. Tahniah dan syabas diucapkan kepada kerajaan UMNO Barisan Nasional Negeri Selangor kononnya hebat dan berpengalaman mengurus tadbir negara. Tuan Speaker persoalannya apakah masih belum cukup dengan kelemahan dan kerosakan yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional terhadap institut pentadbiran negara. Cukup-cukup sudah cukup sampai di sinilah hentikan segala kezaliman dan kebobrokan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ayuh sama-sama kita bersatu bermuafakat tidak kira Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan sebagainya. Bangkit untuk satu matlamat selamatkan Malaysia. Malaysia tanah air ku yang tercinta jangan kita leka dan biarkan sedemikian terus berlaku dan berulang. Oleh yang demikian, marilah kita sahut seruan dan reformasi total terhadap institut negara dan oleh Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dan mantan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat Dato Seri Anwar bin Ibrahim. Walaupun Dato' Seri Anwar difitnah, ditekan, dicerna, dimaki, dipukul dan dipenjarakan. Namun beliau merupakan seorang pendekar bangsa yang berjiwa besar tidak simpan dendam peribadi serta sanggup memberi sokongan kepada usaha muafakat dari seluruh keluarga besar Pakatan Harapan semua NGO individu untuk bersama mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bagi mendesak Perdana Menteri Dato' Seri Najib bin Tun Razak agar segera berundur bagi kepentingan negara atas prinsip selamatkan Malaysia. Tuan Speaker dalam konteks ini. Sekinchan menyokong penuh usaha dan insentif Y.A.B. Dato Seri Menteri Besar Selangor Dato' Seri Azmin bin Ali yang menyeru kita kemeling seluruh tenaga dan kekuatan untuk lakukan mengubah yang hakiki bagi untuk selamatkan negara. Kerana kita dipimpin oleh seorang pemimpin yang terbaik dengan skandal kewangan yang tidak amanah. Pemimpin seperti ini menurut dalam hadis sekiranya diserahkan sesuatu urusan itu kepada seseorang yang bukan ahlinya bukan kepakarannya tunggulah saat kehancuran. Sesungguhnya rakyat tidak wajar menderita atas segala tidak keadilan dan penindasan yang tidak sepatutnya tidak berlaku tetapi ia berlaku dengan dahsyat sekali. Tidak pernah dalam sejarah di negara kita mencapai kemerdekaan rakyat mengharungi musibah angkara krisis kepimpinan yang rakus dan terbalik dengan kursi keadaan yang sedemikian. Skandal kewangan 1MDB satu Malaysia dalam bahaya dan dana RM2.6 bilion sudah tidak dapat diselindungi lagi.

Walaupun segala instrumen kerajaan dan telah diperkudakan demi menyelamatkan kedudukannya akan tetapi sudah terlambat. Majoriti rakyat kita prihatin terhadap kepentingan negara tidak dapat menerima dan bertolak ansur terhadap pelanggaran hak asasi dan pencabulan undang-undang yang sedia ada. Di samping itu dengan dasar penuh tanggungjawab dan kesedaran semua pihak bagi mesti memberi sokongan dan tandatangan penyokong dekorasi rakyat selamatkan Malaysia. Saya yakin dan percaya masanya sudah tiba teman-teman UMNO Barisan Nasional di sana Sungai Burong, Jeram, mana Sungai Burong, Jeram, Sungai Panjang sekali mari kita sama-sama ayuh sokongan dekorasi rakyat. Termasuk Tun Mahathir dah ikut dengan kita. Ini cukup penting ya, kita mendesak Perdana Menteri letak jawatan kalau tidak PRU 14 rakyat sebenar bangkit menghukum kerakusan kerajaan dan BN di Putrajaya. Tuan Speaker Sekinchan ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan inti pati titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Majlis Pembukaan Perasmian Dewan Undangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada hari semalam. Terutamanya berhubung dengan prinsip keadilan dalam konsep ke agihan kemewahan supaya tempias daripada pembangunan negeri Selangor yang begitu pesat dapat dinikmati semua lapisan masyarakat rakyat dan kekayaan tidak hanya berlegar di golongan yang tertentu seperti di Putrajaya Perdana Menteri yang kita nampak ini. Tiada maknanya sekiranya Selangor mencapai tahap kemajuan yang cemerlang daripada segi kekuatan ekonomi rizab negeri yang meningkat mencecah RM3.4 bilion tetapi rakyat tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Dato Seri Azmin bin Ali telah berani merangka dan menyusun semula dan membuat anjakan paradigma dengan kaedah Pengurusan Belanjawan Negeri yang berhemah dan konfeksi. Belanjawan 2016 ini menyaksikan peningkatan peruntukan pembangunan yang begitu ketara iaitu 50% untuk pembangunan. Manakala peruntukan untuk belanja mengurus dikurangkan 50%. Seperti yang kita nampak sarapan pagi untuk Dewan pun kita gunakan cara untuk Smart Selangor, sarapan Smart Selangor itu kita kurangkan kos ini seruan...ya ini seruan kurangkan kos. Jadi siapa-siapa nampak cara kita buat ini cara baru kurangkan kos Smart Selangor untuk mengurangkan kos perbelanjaan pada 50% dan tambah perbelanjaan untuk pembangunan baru rakyat boleh nampak mengalisakan Dewan rakyat dan membangun Smart Selangor yang Peduli. Saya yakin dan menerusi kaedah peruntukan pembangunan yang begitu besar pada tahun ini keseluruhan pembangunan kita bajet kita belanjawan kita RM2.88 separuh 50% RM1.44 bilion sudah pasti dapat melonjak pembangunan di seluruh negeri Selangor dan seterusnya memberi manfaat serta kebajikan yang terbaik kepada rakyat negeri Selangor. Tidak pernah dalam sejarah kita memperuntukkan separuh 50% untuk peruntukan pembangunan. Ini lah kejayaan Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga berkenan dan gembira dengan dasar Kerajaan yang prihatin dan terutama terhadap golongan marhaen. Kita sedia maklum dalam keadaan ekonomi yang suram, bebanan kos saraan hidup yang tinggi membelenggu ekonomi rakyat angkara dasar menekan rakyat yang dilaksanakan

Kerajaan Persekutuan seperti cukai GST 6%, penghapusan subsidi terhadap gula, tepung gandum dan sebagainya. Golongan berpendapatan rendah kini semakin terasa dan sengsara, bagaimana mereka mengharungi keperitan hidup harian bersama anak dan keluarga mereka. Kepada siapa mereka harus mengadu? Justeru itu langkah Kerajaan Negeri Selangorlah yang memberi pengecualian cukai taksiran untuk tahun 2016 kepada seluruh penghuni rumah kos rendah, rumah kampung tradisi, rumah kampung baru, bagan, sangat bersesuaian dengan masanya. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga tidak lupa dan menghargai peranan para penjaja, peniaga, gerai, pasar malam yang bertungkus-lumus mencari nafkah harian dan rezeki mereka demi keluarga di samping menyumbang kepada kegiatan ekonomi negeri. Lantaran itu Kerajaan Negeri Selangor telah memberi insentif kepada mereka dengan mengecualikan bayaran fi lesen untuk tahun 2016. Jumlah keseluruhan dikecualikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat adalah sebanyak RM 64 juta. Ingin saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak pernah berlaku hatta di negeri-negeri yang lain di bawah pemerintahan Barisan Nasional yang memberi pengecualian cukai dan fi lesen kepada golongan marhaen. Ini satu rekod sejarah baru untuk Kerajaan Negeri Selangor. Oleh yang demikian perbezaan di antara kerajaan..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengkil, bagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Sekinchan, perbincangan menjunjung ucapan titah Tuanku yang betul-betul bersemangat. Saya ingin merujuk pernyataan Sekinchan tadi berkenaan dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri membantu rakyat termiskin, bantuan penjaja dan sebagainya. Ini merupakan golongan B40, golongan yang hari ni Kerajaan Persekutuan dah banyak bantu dengan Program Rasionalisasi Subsidi, kita ada BR1M. Bantuan Rakyat 1 Malaysia di Selangor ini hampir sejuta orang 900 ribu, 900 ribu orang di negeri Selangor dapat dibantu melalui BR1M. Bantuan persekolahan, bantuan RM100.00 ini semua nak membantu...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil, boleh berbahas kemudian.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ok, ok. Ini nak tanya soalan. Semua ni nak membantu golongan bawahan B 40, jadi adakah Sekinchan bersetuju dengan saya Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan ataupun *copy* ataupun orang kata tu mengikut jejak Kerajaan Persekutuan untuk membantu golongan B40 dengan mengadakan subsidi bersasar ini, mewujudkan bantuan-bantuan kepada golongan B40? Yang ini Kerajaan Persekutuan telah lama lakukan, mengikut jejak langkah Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih rakan saya dari Dengkil yang bijaksana yang menyatakan mempertahankan Kerajaan Persekutuan, itu hak Yang Berhormat Dengkil untuk mempertahankan tapi yang saya nak terangkan di sini resolusi subsidi yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan banyak buruk nya daripada baiknya, di mana gandum, tepung gandum, dikurangkan, dipotong, gula dan sebagainya telah menyebabkan rakyat di bawah semakin mengeluh dan maki hamun kepada pemimpin Barisan Nasional sehingga ke hari ini. Mereka susah tapi GST dikenakan, subsidi dipotong, ini manalah satu kerajaan yang dikatakan memperjuangkan hak rakyat. Ini menindas rakyat dan seterusnya saya ingin teruskan perbezaan kerajaan Negeri Selangor seperti yang saya tegaskan oleh Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan di mana pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, mereka sentiasa duduk berfikir, fikir bagaimana untuk meringankan bebanan yang dipikul oleh rakyat, fikir, makan pun tak mewah-mewah, fikir rakyat yang di bawah dibantu susah, sebaliknya kerajaan persekutuan mereka *shopping* la macam-macam, hanya cekap melaksanakan dasar yang mencengkam dan membeban kehidupan rakyat. Beza, saya yakin rakyat di luar tahu perbezaan yang ketara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN:** Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN:** Sedap betul Sekinchan ya, kalau nak belasah cukup-cukup bagus la. Nak beza Kerajaan Negeri, nak beza Kerajaan Persekutuan sama saja. Kerajaan Negeri tadi sarapan pun dah *cut*, di pihak persekutuan pun sama juga janganlah, kadang-kadang saya tengok apa yang Kerajaan Persekutuan buat, Kerajaan Negeri pun buat juga, kerajaan persekutuan kata berjimat cermat, Kerajaan Negeri pun berjimat cermat juga. So apa bezanya, saya tengok Sekinchan ni menuduh tak....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara, apa soalnya ni?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN:** Nak membezakan. Saya tak tahu lah tuduhan ini. Apa asasnya tuduhan yang diberikan oleh Sekinchan ini. Tolong jawab la.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara di mana berjimat cermat di mana soal berjimat cermat kerajaan mana pun sama, kita mesti berhema berbelanja ya, berjimat cermat. Ini di mana-mana kerajaan kalau boros, bazirkan wang rakyat, curi, songlap RM2.6 bilion itu tak boleh. Itu beza dah jauh, kan sebut satu saja RM2.6 bilion tu dah jauh, dah jauh. Ada masalah juga? Ada lagi?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara ada masalah?



**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN:** Bukan masalah, cakap putar belit, cakap putar belit, sekejap tadi macam ni, sekejap tadi macam ni, jadi saya tak tahu mana satu betul, mana satu tak betul ni. *Confuse*. Bila saya cakap macam ni *you* cakap macam ni, tadi peringkat awal *you* cakap lain kan? Cuba, cuba amati apa yang *you* dah sebut pada awal tadi.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, peringkat mencadang sekarang ni. Silakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kita bagi teman-teman Ahli Yang Berhormat, dia nak tahu sebab daripada Barisan Nasional banyak yang *confuse*. Kita dah jawab pun dia *confuse* tapi biarlah dia terus lena dengan *confuse* nya. Ok.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN:** Speaker, sebenarnya you punya jawapan tu *confuse*kan orang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Teratai minta mencelah. Sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh Teratai, Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih. Adakah bagi Yang Berhormat Sekinchan setuju dengan Teratai soalnya ialah adakah bagi Kerajaan Persekutuan ialah hutang banyak ataupun ada hasil yang banyak sekiranya dibandingkan dengan Kerajaan Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Teratai, soal hutang kita dah tahu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita di Parlimen, hutang Kerajaan Persekutuan semakin hari semakin bertambah sehingga paras 52% - 53% oh besar, dahsyat betul. Tapi kerajaan Negeri Selangor kita urus tadbir dengan baik, kita bukan sahaja tak hutang tapi rizab kita dah tambah sampai RM3.4 bilion. Ini dia beza itu sebab tadi saya kata beza, beza ketara bagaikan langit dan bumi, ini dia. Terima kasih Teratai.

Tuan Speaker, saya ingin teruskan menyentuh tentang isu yang sering hayat diperkatakan iaitu isu bekalan air di Negeri Selangor. Ramai yang menzahirkan rasa bimbang tentang bekalan air terawat di Negeri Selangor sejak sekian lama. Namun begitu kekhawatiran dan kebimbangan ini Kerajaan Negeri Selangor telah membuat persediaan dan perancangan awal bagi menghadapi kemungkinan tersebut yang akan saya sentuh kemudian. Dalam konteks ini saya ingin mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana berjaya menyelesaikan perjanjian

penstrukturan semula di antara Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat konsesi dan juga Kerajaan Persekutuan. Sebelum ini beberapa tahun yang lepas setiap kali sidang dewan ini Selangor pasti dibangkitkan oleh pihak pembangkang tentang isu air, penstrukturan semula industri air di Negeri Selangor. Asaskan bertubi-tubi melalui media dan juga dikuasai UMNO khususnya, TV3 dan sebagainya yang menawar Kerajaan Negeri gagal la tidak upaya menyelesaikan isu air, itu sebelum ini berlaku dan tempiasnya kepada kehidupan rakyat la, mengganggu ekonomi la, kegiatan ekonomi la macam-macam dan berlakulah satu ketika sehingga perungutan ini berlaku sehingga satu ketika catuan air di beberapa tempat masih segar dalam ingatan ya. Ini dijadikan senjata isu air ini sebelum air oleh UMNO Barisan Nasional untuk menyerang Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun Tuan Speaker, isu yang sebenar ingin saya huraikan sedikit, kronologi isu yang sebenar. Kerajaan Negeri Selangor yang prihatin dan bertanggungjawab mengambil keputusan luar biasa enggan tunduk permintaan serta desakan syarikat konsesi yang dibantu oleh kerajaan persekutuan dan konco-konco untuk meluluskan permohonan mereka sebelum ini iaitu tarif air mengikut perjanjian disemak, dinaikkan. Ini kronologinya seperti mana yang tertera dalam terma-terma perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan syarikat konsesi yang ditandatangani, ah ini kena ingat sejarah tidak melupakan kita. UMNO Barisan Nasional yang memerintah dan tandatangan akan tetapi terma-terma perjanjian tersebut tidak adil, membebankan rakyat sebaliknya ia sangat menguntungkan syarikat konsesi yang merupakan kroni UMNO. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri Selangor yang berjiwa rakyat dan peduli rakyat sesungguhnya tidak akan tunduk kepada permintaan tersebut. Maka ia menimbulkan kemarahan kekecewaan pihak syarikat konsesi dan Kerajaan Persekutuan masa seterusnya berlakulah ugutan demi ugutan sehinggalah kemuncaknya berlaku air percatuan dan semasa perayaan-perayaan besar. Setelah berhempas pulas berlanjutan dengan isu-isu tersebut berkat sokongan dan dukungan padu rakyat Negeri Selangor terhadap kerajaan negeri Selangor yang berjiwa rakyat memperjuangkan hak mereka supaya hak air dikembalikan kepada rakyat Negeri Selangor. Susulan daripada itu rundingan demi rundingan dijalankan akhirnya Kerajaan Persekutuan dan syarikat konsesi akur dan bersetuju untuk menyerahkan hak yang merupakan hak rakyat Kerajaan Negeri Selangor. Terkini saya dimaklumkan pengurusan air di negeri Selangor telah dikendalikan oleh Syarikat Air Selangor Sdn. Bhd. Lembaran baru ini memberi rangsangan suntikan semangat serta tarikan penting para pelabur untuk terus datang dan kekal seterusnya memperluaskan pelaburan mereka di Selangor.

Tuan Speaker, saya cukup yakin dan percaya bahawa...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sedikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh Permatang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Sekinchan. Saya tengok Sekinchan kali ni bawa usul tak berapa semangat, kurang tak macam biasa, biasa garang sikit, tak tau la fasal apa, nadanya rendah sikit. Semua nak salahkan UMNO, kroni BN, kroni UMNO. Air ni pun kroni UMNO, beli rumah RM2.8 juta pun UMNO juga salah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang nak tanya apa ni? Bukan berbahas, ada masanya berbahas.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tanya mengenai bila penstrukturan air itu dibuat dan diambil semula oleh Kerajaan Negeri dengan hasrat pengurusannya lebih baik dan dipulangkan semula kepada rakyat saya yakin sepatutnya langkah yang pertama diambil ialah dengan mengurangkan tarif. Kalau dulu tuduhan mengatakan dengan adanya kononnya konsesi di...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang, ini dah masuk perbahasan. Permatang minta...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sepatutnya konsesi itu yang pertama, Yang Berhormat setuju tak ia dikeluarkan yang pertama ialah menurunkan tarif kerana hari ini sudah diuruskan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri, itu saya nak tanya dulu. Kenapa tak diturunkan, sekurang-kurangnya 2 sen tak apa. Ini menunjukkan itu ialah pengurusan yang baru. Saya nak minta pendapat Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Yang Berhormat Permatang yang mengatakan saya macam tak semangat tapi apa yang didakwa oleh Permatang dengan Kota Damansara bercanggah. Kota Damansara kata bersemangat tapi Permatang, Dengkil, Dengkil kata bersemangat, tetapi Permatang kata tak bersemangat. Jadi *confused* terus maknanya kelompok ini kelompok yang *confused*, kelompok yang *confused*. Dulu, kini dan selamanya jadi soal nak turun harga tarif baik, saya nak bagi tahu dalam Dewan Yang Mulia Ini Tuan Speaker, dulu kita berjuang bertahun-tahun sebab apa, sebab tarif air terpaksa ikut konsesi untuk naik nak mencengkang menyusahkan rakyat dan sekarang kita mempertahankan-pertahankan akhirnya bertahun-tahun barulah kita berjaya, berlawan dua pilihan raya baru kita berjaya dan sekarang kita ambil alih, ambil alih kita tak naik, kita kekal dulu, kita kekal, tengok cara dia dan kalau ikut perjanjian kena naik 3, 4 kalilah, kalau tak silap saya tahun 2018 kalau ikut konsesi kita minum air lebih mahal daripada minum minyak, ah... itu faktanya ketiga itu. Saya pernah tegaskan di dalam Dewan Yang Mulia Ini, jadi bagaimana, bagaimana Kerajaan Negeri Selangor

mempertahankan hak rakyat. Jadi Permatang, Permatang konsep ini Permatang jangan *confused* sahaja, jangan *confused* ok, saya teruskan Permatang.

Saya cukup yakin dan percaya bahawa pendekatan Kerajaan Negeri yang menekan konsep ketelusan, kebertanggungjawaban dan amanah di bawah Pengurusan Syarikat Air Selangor pasti dapat menyusun semula perancangan yang rapi dan komprehensif bagi menyelesaikan masalah yang tertangguh dan gagal diatasi oleh syarikat konsesi sebelum ini seperti masalah NRW *Non Revenue Water* yang tinggi iaitu lebih kurang 32% untuk diturunkan, diturunkan kepada 25% dan paip-paip air yang sudah usang tidak diganti sejak sekian lama, bocor sini, bocor sana, saya yakin bakal diganti dengan paip baru secara berperingkat-peringkat demi untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan efisien kepada pengguna.

Sehubungan dengan itu masalah cuaca yang melampau panas akibat fenomena El-Nino sehingga mencecah 38 darjah dijangka akan berlanjutan sampai bulan Jun telah menyebabkan keadaan panas dan kering kontang di merata tempat walau bagaimanapun, walau bagaimanapun kita bersyukur di negeri Selangor kerana bekalan air cukup bagi menghadapi situasi tersebut. Hasil dari usaha gigih dan menerusi perancangan serta pelan pencegahan awal sebelum terlambat. Seperti Projek Mitigasi dua yang telah menelan belanja RM328 juta telah bermula, mula beroperasi dan dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar baru-baru ini. Oleh kerana berlaku kelewatan, kelewatan pembinaan, ah saya dimaklumkan loji, loji yang paling, paling dibangga-banggakan oleh Permatang dan kunci-kuncunya, teman-temannya iaitu Loji Langat 2 hanya akan siap, yang dijangkakan siap akhir tahun ini dia tidak dapat siap. Dia akan siap, dia *delayed*, terpaksa dilambat siap 2019. Maknanya Selangor kemungkinan menghadapi 2 tahun daripada 2017 hingga 2019 masa kritikal, soal kekurangan air ini.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mencilah.

**TUAN SPEAKER:** Oh, Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Nak mencilah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Pembantu Ketua Pembangkang.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak ada pembantu Ketua Pembangkang, sebenarnya Ketua Pembangkang tak ada status dalam Dewan pun, tidak di *Enacted* kan minta maaf. Berkenaan dengan soalan kenapa dikatakan Kerajaan Pusat *delayed-delayed* kan Projek Langat 2 itu adalah satu dakwaan yang buruk sangka, sebenarnya yang *delayed-delayed* atau melambat-lambatkan proses ini kita dah tahulah Barisan Nasional melaung-laung dalam Dewan ini dah lama untuk mempercepatkan benda ini mentah-mentah musim panas nak dekat, air nak mula habis mula merunding jari kepada Kerajaan Pusat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali soalan apa?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jadi saya punya soalan ini apakah Kerajaan Negeri bersikap untuk merunding jari apabila masalah nak tiba kepada mereka kepada Kerajaan Pusat. Apakah Kerajaan Negeri tak mahu bekerjasama dengan Kerajaan Pusat, tolong jawab benda ini. Suka menunjuk-nunjuk jari, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Batang Kali yang dikata berkali-kali, Batang Kali berkali-kali kata saya merunding jari, tidak. Saya mengatakan masalah, masalah Langat 2 lewat, lewat jadi Selangor kemungkinan menghadapi 2 tahun kekurangan air, kemungkinan. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, pada tahun ini Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri Selangor yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan stabil telah memperuntukkan RM800 juta untuk membina 2 lagi loji rawatan yang bakal dibina di Labuhan Dagang dan Semenyih. Ini adalah untuk memastikan Negeri Selangor mempunyai air terawat yang mencukupi bagi menampung permintaan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker, nak mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Batang Kali nak tanya sedikit.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya nak mencelah sedikit Sekinchan, mengenai dengan inisiatif baru yang Sekinchan bagi tahu dalam Dewan iaitu RM800 juta lagi untuk apa tu tadi. Ini nak tanya ini yang HORAS yang dibuat itu duit dah dibelanjakan banyak apa dah jadinya dengan inisiatif-inisiatif baru ini nak membazirkan duit rakyat lagi ke apa?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Batang Kali, Batang Kali kena buat *homework*lah sedikit, jangan tuduh kata kita nak bazirkan wang rakyat, HORAS itu dalam perjalanan dan Yang Berhormat EXCO Infra.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker, jangan cakap *on the way* saya tengok di situ gunung pasir dia tak bertambah-tambah gunung pasir itu, dia sudah *delayed* beberapa tahun itu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali,

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Luar daripada apa

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali, belum jawab lagi, belum jawab lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sabar, sabar

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker, saya tidak perhati bila dia cakap HORAS itu bagus sedangkan dia bermasalah sekarang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak apa.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dan menggunakan pula wang rakyat untuk membuat lagi tambahan RM800 juta bajet.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali, Batang Kali ada 2 bahagian satu Perbahasan jawapan daripada Pembahas yang kedua adalah bahagian untuk Kerajaan menjawab. Jadi ada masa untuk kedua-dua bahagian untuk menjawab, terima kasih so kasih *chance* Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker yang bijaksana. Saya nak bagi tahu dalam konteks horas ini Yang Berhormat EXCO Infrastruktur dia akan beri jawapan dalam masa sidang Dewan ini. Air dah penuh di situ melimpah air di situ jangan kluatir, jangkah kluatir Batang Kali nanti kita tunjukkan gambar ada *screen* boleh tunjuk gambar sekali supaya Batang Kali dia faham kalau tidak dia asyik berada di tempat yang *confused*, di tempat yang *confused* jadi saya mohon supaya boleh keluar daripada zon *confused*. Jadi apa yang di usahakan oleh Kerajaan tahun ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh Kampung Tunku di belakang..

**TUAN SPEAKER:** Silakan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah yang terbuka untuk membahar isu-isu. Berkenaan dengan isu Bekalan Air ini tadi ada disebut tentang HORAS dan pelbagai isu yang lain. Saya ingin bertanya kepada Sekinchan sedarkah Dewan Negeri ini sudah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air dan saya semak keahliannya daripada 7 anggota 2 daripada Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Permatang dan Bukit Melawati. Jadi saya ingin bertanya adakah mungkin kecelaruan berlaku di kalangan mereka. Apabila mereka tidak hadir dalam Mesyuarat atau pun kehadiran mereka kurang dalam mesyuarat sehinggakan informasi-informasi atau pun persoalan mereka itu tidak sampai dan terpaksa dibawa ke sini dan tidak ada komunikasi sesama mereka menyebabkan kekeliruan ini. Itulah soalan saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Okay, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat Kampung Tunku, yang memberi info tentang Dewan Negeri Selangor ada Jawatankuasa Air dan ada juga ahlinya, Ahli-ahli 2 daripada pihak Pembangkang. Jadi mereka oleh kerana ada yang kurang datang ada yang *confused*, yang datang pun *confused* jadi macam mana kita pun bagi jawapan tak sampai mana pun jadi saya bagi jawapan ini ya kepada Kampung Tunku. Jadi yang pentingnya saya nak tegas balik

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta penjelasan sedikit Sekinchan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Permatang nak silakan Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tadi masih tak dapat jawapan apa yang Batang Kali tanya siapa yang melambat-lambatkan mengenai pembinaan loji 2 Langat 2 ini, itu tak di jawab pagi tadi, saya ingat Sekinchan dah tak boleh jawab dia pusing cerita lain. Saya nak bagi tahu Sekinchan sejarah bukti dalam Dewan ini Kampung Tunku itu sendiri bawah Usul dulu yang lepas supaya menanggung LRA 2 itu. Itu antara yang bahas Sekinchan sokong, kita yang tentang kita kata cepat jangan sampai hal rakyat ini tergendala kerana hal politik. Jangan lupa Sekinchan benarnya hebat kalau kelewatan ialah Pakatan Rakyat. Jangan tuduh orang lain ini kenyataan dan realiti Usul yang dibawa, boleh tengok *hansard* Dewan. Jangan kata Kerajaan Persekutuan tidak kepentingan yang kepentingan kita ialah kita sokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dah...Permatang dah faham.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Jadi untuk penstrukturan Sekinchan jangan pusing kenyataan di dalam Dewan, Dewan ini direkodkan, jadi jangan pusing-pusing cakap jadi pusing-pusing

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Okey.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kejap tak tahu nilai, kejap harga pasaran lain, kejap *feng shui* ah itu jadi dia...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Okey, sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Ya Permatang, Permatang nampaknya ada sedikit emosilah pagi ini tentang Langat 2 sebab Langat 2

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya bukan emosi, Tuan Speaker, fakta itu tak betul. Fakta saya bukan emosi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya dah bagi tahu Permatang, apa yang saya huraikan

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, Sekinchan saya nak bagi *rolling* sedikit. Bila ada rakan-rakan Yang Berhormat sedang berucap bagi dia berucap dan celahan minta celahan, terima kasih Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta maaf Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Okey, sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, oleh kerana Yang Berhormat Tuan Speaker telah bagi *rolling* bahawa yang berucap jangan ganggu dulu, ya kalau kita bagi laluan baru lalu. Ah... ini kita patuh kepada Tuan Speaker. Saya nak nyatakan di sini apa yang saya nak sampaikan di dalam Dewan Yang Mulia ini pagi ini tentang masalah air ini adalah Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa pelan-pelan pencegahan awam. Walaupun ada masalah-masalah seperti apa yang saya nyatakan tadi jadi sekarang ini saya nak nyatakan di sini Kerajaan Negeri pada tahun ini dengan kewangan yang kukuh kita sediakan RM800 juta. Kita telah buat perancangan ini, nak masuk tender ini buat dua lagi loji rawatan supaya isu yang timbul kita dapat selesaikan. Kerajaan Negeri yang responsif yang bertanggungjawab jadi kita nak bina di mana Pelabuhan Dagang, nak bina di mana Semenyih, belanja yang berapa RM800 juta untuk apa untuk sediakan menampung air terawat yang mencukupi bagi sektor industri dan perkilangan kepada pengguna domestik dan juga para pelabur supaya air mencukupi untuk musim kepanasan ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat Sekinchan. Nak minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, Kampung Tunku minta.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih tadi disebut nama saya, saya semak apa yang berlaku 2 tahun yang lalu di dalam Dewan Yang Mulia ini, itu masalah dia apabila berlaku wujudnya Ahli-ahli Dewan yang hanya memilih sekilat pandang sahaja dia tidak membaca teliti isi kandungan. Usul yang saya bawa itu mengatakan bahawa tidak memberi kelulusan selagi pengambilan syarikat-syarikat konsesi air swasta tidak dimuktamadkan dari segi kos, khususnya komitmen tanggungan yang akan dikenakan kepada Kerajaan Rakyat Selangor. Tujuan Usul ini adalah untuk memelihara, melindungi hak dan juga kepentingan Kerajaan dan rakyat Negeri Selangor. Selagi isu ini tidak selesai, selagi tidak ada kelulusan tapi kalau isu itu telah pun dipersetujui, diselesaikan maka tidak ada halangan di Selangor dan ini berbeza dengan apa yang dicelahkan oleh Yang Berhormat Permatang tadi. Dia



kata kita macam seperti *outright refusal*, *outright objection* itu tidak benar jadi memohon sama ada Yang Berhormat Sekinchan masih ingat tak kenyataan saya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku oleh kerana saya tidak berada dalam Jawatankuasa tersebut Permatang ada, Kampung Tunku ada nanti kita biarkan mereka berdua berbincang dalam satu Jawatankuasa tersebut atau forum khas yang diatitkan oleh Tuan Speaker dan selesaikan apa fakta yang ada ia mungkin tak ada dalam fakta ini. Saya nak teruskan mohon izin saya menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini tentang usaha Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing ke Negeri Selangor. Setelah penjenamaan semula SSIC (*Selangor State Investment Centre*) kepada Invest Selangor dalam tempoh yang singkat iaitu setahun pelbagai usaha dan pembaharuan serta misi menarik pelabur. Pelabur telah dijalankan dan itu menurut statistik pelaburan yang dibekalkan oleh MIDA (*Malaysia Investment Development Authority*) dari Januari hingga Disember 2015 Selangor berada di kedudukan ketiga dalam pencapaian jumlah pelaburan sektor pembuatan iaitu sejumlah 7.96 billion manakala pelaburan dalam sektor perkhidmatan Kerajaan Negeri juga berjaya. Berjaya menduduki tangga kedua dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.36 billion. Sebanyak 14,139 peluang pekerjaan telah diwujudkan untuk seluruh rakyat Negeri Selangor pada tahun 2015 maknanya walaupun kesan daripada kesenangan percukaian GST 6% yang menyebabkan kelembapan pasaran serta krisis kepimpinan Perdana Menteri yang banyak menghakis keyakinan pelabur khususnya pelabur asing terhadap iklim pelaburan negara kita namun begitu berdasarkan kedudukan statistik tersebut terbukti telah kegigihan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi tumpuan mempromosi Negeri Selangor berada di tempat di seluruh dunia sebagai Pusat Pelaburan yang menarik telah menghasilkan kejayaan.

Ya, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Invest Selangor, kepada Yang Berhormat Sungai Pinang sebagai EXCO Pelaburan dan juga kepada Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar seluruhnya kerana telah mengorak langkah untuk terus mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan yang begitu diminati oleh pelabur-pelabur asing dan domestik. Dalam konteks ini jugalah saya nampak banyak berbagai usaha dilakukan oleh Invest Selangor. Mengadakan pelbagai pembaharuan promosi, saya nampak juga ada expo besar-besaran sebelum ini tidak ada iaitu Selangor International Expo 2015 pernah berlaku diadakan dan 2016 juga bakal diadakan. Saya harap Selangor kena terus lipatkan usaha, gandakan usaha supaya kita boleh capai pelaburan yang lebih ya, lebih tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat di Negeri Selangor. Bukan sahaja Tuan Speaker, bukan sahaja rakyat di Negeri Selangor, Selangor ini Kota Kosmopolitan yang besar. Kita mewujudkan peluang perniagaan bukan sahaja untuk rakyat Selangor sahaja kerana setiap tahun beribu-ribu ramai rakyat daripada luar Negeri Selangor daripada Perak, Pahang, Johor, Kelantan dan sebagainya, Terengganu juga datang hijrah. Semangat hijrah mereka

datang ke Selangor. Kerana Selangorlah lubuk pekerjaan untuk mereka mencari rezeki di Selangor. Jadi kita bukan sahaja memperjuangkan promosi pelaburan wujudkan pekerjaan untuk Selangor sahaja kita nak wujudkan bantuannya melimpah sampailah ke seluruh negara. Ha inilah, usaha murni yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker pada masa yang sama Sekinchan juga ingin sangat tertarik dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang begitu prihatin dengan kebajikan, rakyat, kualiti hidup pembangunan desa dan luar bandar di Negeri Selangor. Saya menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri Selangor yang berusaha keras untuk pembangunan luar bandar dan desa. Tidak diabaikan seperti di kawasan saya di daerah Sabak Bernam. Projek pembangunan perubahan bersepadu Taman Air Manis Perdana di kawasan Sabak ya. Ingin saya sentuhlah sebab isu ini bagus, memang satu pembangunan adalah contoh terbaik. Hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu rakyat marhaen di luar bandar dan desa. Sebanyak 260 unit Rumah Selangorku, yang berharga 100ribu sehingga 250ribu ditawarkan kepada penduduk setempat yang dahagakan rumah mampu milik selangorku pada harga yang munasabah. Tambahan pula projek Taman Air Manis Perdana juga menyediakan kemudahan hentian rehat dan rawat iaitu RnR dengan 10 buah gerai, stesen minyak, 67 unit kedai, rumah teres dan rumah bandar. Saya yakin dan percaya projek pembangunan perumahan bersepadu ini pasti akan melonjakkan imej daerah Sabak Bernam dan sekali gus menjana kegiatan ekonomi setempat. Tuan Speaker, dalam konteks pembangunan ini PNSB wajar diberi pujian kerana sanggup membantu Kerajaan Negeri menebarkan pembangunan ke luar bandar dan desa dengan menyuntik modal yang besar. Anggaran GDV, *Growth Development Value* adalah dalam projek tersebut adalah 138, 934 ribu. Ha, ini GVD untuk projek tersebut. Yang Berhormat EXCO dah turun perumahan untuk lawat hari itu. Jadi tahniah kepada EXCO. Kita sedia maklum pembangunan perumahan bersepadu seperti ini di luar bandar dan desa, kalau kita hitung dari aspek komersial dan pulangan pelaburan serta keuntungan sudah tentu amat minimum sekali namun BSNB tidak menjadi soal keuntungan sebagai agenda utama sebaliknya membantu Kerajaan Negeri Selangor merealisasikan matlamat membantu rakyat yang berpendapatan sederhana dan di luar bandar dan desa untuk memiliki rumah kediaman mereka. Sehubungan itu usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dan PNSB yang sekali gus dapat menangkis serangan media yang dikuasai oleh UMNO Barisan Nasional seperti apa yang saya tegaskan tadi TV3 dan Utusan Malaysia serta Yang Berhormat Permatang. Saya ingat lagi Yang Berhormat Permatang yang sering mendakwa kononnya Kerajaan Negeri Selangor meminggirkan pembangunan luar bandar mereka juga sering mendabik dada menyata bahawa hanya UMNO Barisan Nasional yang mampu membawa pembangunan dan kesejahteraan kepada rakyat. Hakikatnya Tuan Speaker, sudah terbukti Kerajaan Negeri Selangor mampu melakukan ini semua termasuk membawa pembangunan bukan sahaja tahap di kota tetapi juga di desa dan juga luar bandar. Jangan kita lupa tanpa UMNO Barisan Nasional memerintah di Negeri Selangor, sudah lapan tahun UMNO tak ada di Negeri Selangor. Ada. Tapi dia tak memerintahlah... sudah lapan tahun. Negeri Selangor tetap pesat membangun

sebagai peneraju ekonomi negara. Rakyat pelbagai kaum tetap hidup dalam keadaan aman damai bahagia sejahtera dan terbela hak masing-masing. Tuan Speaker, sebelum ini saya agak khuatir dengan perkembangan Projek Taman Air Manis Perdana kerana sebelum ini PRU 13 upacara pecah tanah sudah dilancarkan oleh Mantan Menteri Besar, Yang Berhormat dari Ijok. Susulan daripada itu selepas PRU masih tidak nampak perkembangan selanjutnya mengenai kerja-kerja bagi projek tersebut. Walau bagaimanapun selepas pihak Kerajaan Negeri dan PNSB mengenal pasti jajaran sebenar Lebuhraya Pantai Barat WCE yang kebetulan melalui sebelah kawasan tapak projek tersebut serta menyelesaikan beberapa masalah teknikal. Maka akhirnya kerja-kerja tanah dan sebagainya telah mula di jalankan. Tahniah kepada Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Speaker, nak tanya kepada Yang Berhormat Permatang dan teman-temannya sebagai wakil atau pun jurucakap kepada Yang Berhormat Dato' Sri Noh Omar, Ahli Parlimen Tanjung Karang. Bilakah hospital baru Tanjung Karang yang diwarwarkan tiga kali pilihan raya. Sudah dilancarkan oleh upacara pecah tanahnya oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai bersama Yang Berhormat Dato' Seri Noh Omar sebelum PRU13 sebelum menjelang PRU13. Apakah status terkini? Nak tunggu lagi ke? Dah lagi dua tahun pilihan raya dah.. Saya khuatir sebab saya tanya ini, saya minta jurucakap daripada tuan Pihak Yang Berhormat Noh Omar ini bagi tahu rakyat. Sekarang saya berulang-alik daripada Shah Alam ke Sekinchan, kawasan tapak hospital sampai hari ini, satu batang tiang belum nampak lagi. Tanah saya nampak ada rumput tinggi-tinggi. Jadi saya tak ada apa, saya tak nak tuduh apa, saya minta cuma hasrat saya, saya nak minta segerakan kerana rakyat di seluruh daerah Kuala Selangor Sabak Bernam memerlukan hospital untuk kemudahan. Semua orang perlukan bagi mereka yang sakit kronik, tenat dan sebagainya mereka kadang-kadang nak dihantar sampai ke Selayang sampai Sungai Buloh, tengah jalan dah pulang ke rahmatullah. *Innalillahlah*, pulanglah, tengah jalanlah. Sebab apa? Sebab lambat untuk diberi rawatan!! Dan mereka telah dijanjikan lebih tiga pilihan raya sepuluh tahun ke atas. Barisan Nasional, macam mana ni Barisan Nasional? Tak apa. Kita bagilah Yang Berhormat Permatang kalau dia bahas boleh jawabnya soalan saya.

Walaupun bagaimanapun, cabaran kita seterusnya bagaimana untuk memastikan jurang perbezaan bandar dan desa tidak terlalu jauh. Ini juga cabaran kita untuk rakyat saya menyokonglah inisiatif Kerajaan Negeri kita terus bagi bantuan kepada rakyat khususnya wujudkan tabung. Ha tabung apa?? Skim Micro Kredit iaitu Hijrah. Sekarang ini saya nampak permohonan Hijrah di sana-sini begitu mendapat sambutan. Pinjaman RM3,000 hingga RM50,000 kemudian boleh dinaikkan silingnya kalau bayaran tu cantik. Dan ini telah Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 100juta untuk tabung ini. Mana ada kerajaan yang kuat seperti Kerajaan Negeri Selangor yang boleh bantu rakyat bukan sahaja dengan bantuan sedemikian. Jadi saya minta pihak kerajaan terus memberi perhatian khususnya luar bandar. Luar Bandar kita perlu perhatian yang lebihlah di Selangor seperti Sabak Bernam, Kuala

Selangor, Sekinchan dan bagaimana saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri bagaimana kita nak menambah pendapatan keluarga bandar dan desa. Bagaimana, satunya kita pergiatkan sektor pertanian. Pertanian kita bukan sahaja kita seperti di Sekinchan dan Kuala Selangor dan sebagainya. Industri ataupun sektor yang utama pertaniannya adalah padi pesawah. Bagaimana kita nak bantu pesawah meningkatkan hasil mereka. Itu satu cabaran untuk kita. Ya cabaran untuk kita. Sudah lama dah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini dan saya kalau boleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh bantulah sampaikan di Parlimen sekalipun ya, kalau tak boleh tunggu PRU14 kita tukar dulu dan kita buatlah. Itu permintaan saya jadikan Sekinchan kawasan kerana Sekinchan terkenal dengan apa? Kualiti padi yang terbaik, *number one di Malaysia*. Hasil yang tertinggi, *number one di Malaysia*. Jadi petani Melayu, Cina, India di kawasan Sekinchan ini, luar bandar ini mereka punya *knowledge*, punya pengalaman, *Skill* penanaman, mereka ada pengalaman tetapi kekurangan tanah satu. Jadi kita minta tanah, tanah tak ada. Kekangan tanah. Keduanya, kita nak minta kawasan ini dijadikan *focus pilot projek*. Untuk apa? Tanaman padi ataupun beras wangi. Beras wangi sampai hari ini di Malaysia sudah ku renung di dalam kitab. Makin ku renung berdetak-detuk tak ada beras wangi. Kita kena apa? Kita kena bawa daripada Vietnam, kena bawak daripada Thailand. Kena Eksport, Import daripada Laos, daripada negeri-negeri lain yang sebelum ini lebih mundur, Myanmar daripada kita. Bagaimana semangat Malaysia Boleh!? Ke mana semangat Malaysia Boleh? Saya memang sokong juga semangat Malaysia Boleh! Tapi sampai hari ini MARDI, ha 1 Malaysia Boleh pun boleh pun tak apa. Kita jiwa besar. Kerangka lebih besar. Kita nak tanya MARDI bagaimana dah puluh tahun. Carilah kaedah, bagilah satu *file* projek untuk Sekinchan tanam padi wangi, beras wangi, supaya boleh menjana pendapatan lebih tinggi. Kalau harga boleh dijual lebih tinggi, maknanya petani akan dapat pendapat yang tinggi. Soal, Oh, ada penyakit ada penyakit! Jangan sentuh! ada penyakit! Ini alasan saya dapat daripada dulu hingga kini. Carilah kaedah mengatasi. Takkan kalau anak kita, ha saya bagi contoh anak kita belajar memandu di jalan raya tetiba terlanggar belakang orang lepas tu balik bapa beritahu *you fail!* Jangan lagi bawak kereta, dulu, kini dan selamanya. Tak boleh bawa dah. Macam tu ke cara kita menghadapi masalah? Tidak!! Semestinya kita cari, belajar, lawatan sambil belajar ke Myanmar, lawatan sambil belajar ke Thailand. Cari kaedah bagaimana, ha bagaimana? Ini Kementerian Pertanian kena tolong. Hah, Sabak pun ada cara dia. Ada *point* dia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabak pun mahu. Silakan Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Sekinchan. Saya nak tanya Sekinchan tentang bila membangkitkan tentang meningkatkan pendapatan sebab memang berbagai usaha telah dibuat, cuma yang terbaru terutamanya baru petani nak meningkat hasil dah ada satu peningkatan cukai daripada kerajaan yang diputuskan oleh kerajaan persekutuan daripada 17% ke 20%. Saya bimbang budaya ni nanti bila peningkatan hasil akan naik lagi, cukai-cukai lain yang akan datang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Yang Berhormat Sabak. Ini saya akan jawab. Soalan ini saya akan jawab. Saya nak tegaskan soal Sekinchan kawasan Sabak Bernam ini jadikan jelapang padi Negeri Selangor dijadikan *pilot project* untuk menanam beras wangi. Saya menunggu lagilah kalau perkara ini kita tak boleh buat masa ini Kementerian Pertanian tetap tidak memberi perhatian, tak apa. Kita sabar dulu dua tahun lagi.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Minta penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang minta penjelasan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya bagi Bukit Gasinglah dia belum. Tadi dah bagi banyak kali.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing dulu.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Bukit Gasing mana ada padi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Hermm tak apa, tak apa.. dia prihatin, dia makan beras.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Faham-faham.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Bukit Gasing memang makan padi, makan beras tapi tak tanam padi. Tapi nak tanya Yang Berhormat Sekinchan sebenarnya apa kekangan yang dihadapi adakah kekangan modal atau peraturan daripada Kementerian Pertanian yang menyebabkan petani-petani di Sekinchan tidak boleh memulakan tanaman beras wangi di Sekinchan?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gasing. Saya terima kasih lah, tentang mengutarakan tentang soalan tersebut. Itulah pun saya musykil sampai hari in. Saya musykil sampai hari ini, sebab saya tak *confuse* tapi oleh sebab masalah ini warisan dari sebelah, *confuse*, saya pun *confuse* sikit tentang ini. Sebab kementerian, MARDI, Kementerian Pertanian, MOA, sampai hari ini, jawapan dia, kita tak boleh. Tak benarkan. *Orak keno*, dengan izin. Tak boleh, sebab apa. Kemungkinan dijangkit penyakit yang susah kawal. Susah kawal. Ha.. Yang Berhormat Bukit Gasing, kemungkinan dijangkit penyakit susah kawal. Bukan jarang jumpa dan sebagainya. Ini antara penyakit-penyakitlah. Oleh sebab itu, oleh sebab kekangan itu, oleh sebab alasan itu, tidak dibenarkan. Ini yang saya katakan oleh kerana kereta sudah *accident*, *you* jangan lagi bawa kereta lagilah, memandu lagilah. Ha... inilah cara kita yang digunakan modus operandi Kementerian Pertanian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Permatang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh.. Permatang, Permatang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Okey, Sekinchan, saya isu mengenai beras wangi, saya ingat ini perkara barulah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya pun mungkin kena semak juga dengan MARDI, apa peraturan-peraturan ini. Cuma saya nak beritahu pada Yang Berhormat sebelum, saya alu-alukan, saya raikan, pandangan itu. Saya boleh lihat sebagai satu cadangan. Tapi kena lihat juga, bahawa sebenarnya pengeluaran padi dalam negara kita ini, termasuk di seluruh negara kita, boleh menampung lebih kurang hampir 60 peratus sahaja. Penggunaan ataupun yang boleh digunakan. Walaupun mungkin lebih rendah daripada itu, antara 40 ke-60 peratus sahaja, boleh menampung kegunaan padi. Yang lebihnya, kita terpaksa import daripada negara-negara jiran kita, termasuk Thailand dan sebagainya. Jadi, saya melihat bahawa keutamaan sekarang ini, rakyat terbanyak kita keperluan mereka ialah beras yang kita tanam sekarang. Sebab itu harganya yang mampu dibeli dan juga mampu digunakan oleh rakyat kita. Sebab itulah saya fikir Kementerian Pertanian lebih fokus kepada penanaman padi ini. Sebab bila beras wangi ini, kosnya, pertamanya. Betul, saya akui, pesawah akan dapat harga yang lebih, daripada segi pendapatan. Tetapi, daripada segi rakyat, penggunaannya, mungkin tak mampu ataupun kurang penggunaan ini. Jadi sebab itu saya fikir kita kena tengok dulu, daripada segi arahan ataupun sebab yang utama kenapa padi ini keutamaan ialah padi yang ada sekarang ini. Itu supaya rakyat lain, keseluruhan rakyat dapat menggunakan. Jadi saya ingat, Sekinchan kena tengok dulu fakta itu sebelum membuat tuduhan dan sebagainya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Permatang. Ya, memang saya, Tuan Speaker, saya nak menyatakan tadi, dengan tegas bahawa alasan yang diberikan oleh MARDI itu perlu dikemaskinikan lagi sebab kita jangan cari alasan, kita kena cari cara penyelesaian. Penyelesaian bagaimana? Bisakah kita mencipta rekod untuk menanam beras wangi? Ha, itu saja, itu pandangan, bagi saya cadangan ini, Kerajaan Negeri kalau ada mesyuarat dengan MOA, tolong utarakan, apa sebab tak boleh, bagi sepuluh sebab. Tak boleh, gagal, tak boleh, 10 sebab, kita dah cuba, belum cuba, belum tau. Ya tak, sabar, kita kena tau, ya, kena tau perkara ini. Seperkara lagi ingin, satu lagi perkara ingin saya bangkitkan di sini, Yang Berhormat Permatang, yang saya nak tegaskan oleh sebab tadi Permatang sentuh. Hasil padi yang kita hasilkan di seluruh Malaysia hampir 60, 70 peratus. Setakat hari ini kita masih tidak dapat memenuhi permintaan domestik seluruh rakyat di Malaysia, yang 30 juta ini termasuk warga asing yang makan beras ini. Yang makan beras ini, masih belum cukup, tidak boleh menampung hampir 60, 70 peratus. Jadi kita...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta, Sekinchan.

**Y.B.. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Saya ingin bercakap sedikit tentang beras wangi ini. Di mana seperti pengetahuan umum, beras wangi ini mempunyai pasaran yang sangat bagus dan *profit marginnya* agak tinggi. Bukan sahaja di Asia dan Asia Tenggara tapi juga di negara-negara barat. Adakah Yang Berhormat Sekinchan bersetuju dengan saya, sebagai langkah proaktif, sekiranya MOA dan MARDI ini masih lagi kurang selesa dengan penanaman beras wangi di Malaysia dan Selangor ini, mungkinkah kita belajar dari luar negara, khususnya negara-negara yang ada eksport beras wangi seperti Thailand, Vietnam, Cambodia dan sebagainya. Kita belajar daripada mereka. Saya tidak faham, mengapa kalau kita kata penyakit itu susah nak dikawal, mengapa negara-negara ini dia boleh kawal. Bahkan *technology level* di negara-negara ini, saya rasa Selangor dan Malaysia, setanding dengan mereka. Malahan kita mampu melakukan dengan lebih baik daripada mereka. Tapi kalau kita ini tidak mampu, tidak ingin, maka kita boleh belajar daripada mereka. Dekat sahaja kan. Kita boleh melawat, dan kita boleh ambil langkah pro aktif. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Yang Berhormat Kg. Tungku yang memberi cerahan tentang cara mengatasi, kita kena belajar daripada negara-negara yang berjaya menanam beras wangi dan sebagainya. Saya setuju kita kena buat lawatan dan sebagainya, termasuk kita jemputlah Permatang sekali, pergi Thailand dan sebagainya. Kita tengok bagaimana orang berjaya. Kita pergi kat Cambodia dan sebagainya. Ini cara, bukan kita mengatakan bagi alasan, tak boleh, tak boleh, tak boleh dan penyakit, penyakit, penyakit, itu dia. Dulu kini dan selamanya. Tuan Speaker, saya mengatakan tadi, mengatakan bahawa, kita hanya dapat memenuhi 60 hingga 70 peratus permintaan domestik, jadi kita masih kekurangan. Jadi kita, dalam konteks ini kita juga menghadapi satu masalah petani selalunya, masalah harga dan sebagainya, oleh apa. Oleh satu syarikat, iaitu Bernas. Hanya Bernas sahaja yang dibenarkan untuk import, import, import beras daripada luar negeri, lain tak boleh, monopoli. Kalau boleh dibuka kepada dua tiga syarikat. Ini tidak wujud monopoli, maknanya rakyat akan dapat, apa faedah yang lebih. Dan seterusnya, saya nak bagi tahu kerajaan, saya nak beritahu kerajaan, kita kena berwaspada, berikan perhatian di mana, oleh sebab kawasan menanam padi ini kurang, di Sekinchan, tanah tak cukup. Jadi sekarang ini saya nampak ada usaha, ada usaha sesetengah pihak, dia nak cuba nak gunakan tukar, *convert* tanah sawah padi ini untuk komersial ataupun perindustrian. Seperti di depan Bernas di Sekinchan, ada 84 ekar, 84 ekar, tanam padi di situ, pemandangan yang cukup memukau, cantik, ada usaha-usaha pihak tertentu cuba melalui Majlis Daerah dan sebagainya, mereka nak tukar, tukar syarat. Mereka nak *convert* untuk apa. Perumahan dan perindustrian dan sebagainya. Saya minta Kerajaan Negeri arahkan, kalau bukan konteks untuk

pertanian ataupun *tourism*, ada kaitan dengan *tourism*, yang lain, tolak semua, supaya kekal untuk padi. Jadi janganlah, kita nak kekalkan, tanah-tanah ini untuk generasi akan datang supaya bekalan makanan negara keselamatan, *food security* negara dapat terjamin dan kawasan menghijau yang memukau pemandangan ini dapat terus dapat dikekalkan.

Pada masa yang sama saya nak jawab balik, Yang Berhormat Sabak tadi mengatakan ada masalah yang ditimbulkan oleh Kementerian Pertanian. Itu tentang apa. Saya tau, isu permutuan, potongan basah, yang baru-baru ni di Sungai Besar, dan sekarang ini *start* di Sawah Sempadan dan sebagainya. Dulu petani-petani di Sekinchan dan sebagainya, mereka potong potongan basah, 17 peratus, 17 peratus. Secara rambang 17 peratus. Dan sekarang ada dasar baru oleh Kementerian iaitu potongan sebenar. Ya, potongan gred sebenar, makna potongan sebenar, kalau petani terlambat atau silap dan sebagainya, mereka memotong, menuai belum cukup masa dan ada basah yang lebih dan sebagainya, mutunya mungkin rendah sikit, kemungkinan akan dipotong sampai 20, 25 peratus, 26 peratus. Ini berlaku di sana sini. Jadi ramai petani yang mengeluh, mereka mengadu mengapa la dulu, 17, sekarang 20, 25. Jadi dalam konteks ini, dalam usaha kerajaan, saya tahu apa kerajaan nak buat untuk meningkatkan kualiti padi tersebut, tapi pada masa yang sama kita kena fikir dalam suasana kekangan ekonomi sekarang ini, kalau kita laksanakan dasar ini, bagaimana petani-petani, sudah tentu kalau kita laksanakan cara sedemikian, pendapatan mereka akan terjejas. Ha, terjejas, setiap satu tan, dulu tolak 170 kilo, sekarang tolak 200 kilo, 200 lebih kilo. Maknanya pendapatan mereka akan merosot. Dan bagaimana kita nak bantu mereka. Ha, ini kita kena cari mekanisme baru untuk membantu petani yang terkesan dengan cara dasar baru potongan basah atau pemutuan gred kualiti padi ini. Jadi kita kena. Kalau tidak petani, mereka akan menghadapi masalah yang lebih teruk. Jadi ataupun kita kena buat lebih banyak kursus taklimat kepada petani-petani supaya faham, bagaimana nak jaga mutu padi mereka. Bagi mereka mengelakkan kerugian-kerugian seperti ini. Jadi saya minta Kementerian lebih bijaksana dalam konteks ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabak, sila.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih. Saya cuma nak tanya sikit sebab, isu pemotongan basah ini, bukan sahaja kita tak puas hati, ADUN Sungai Panjang pun buat demonstrasi berkenaan pemotongan, peningkatan cukai sehingga ke-20 peratus ini. Dan, selain daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Sekinchan sebentar tadi, adakah kemungkinan di sana yang pihak Bernas sendiri terpaksa menaikkan kerana bukan soal sangat permutuan tetapi soal tuntutan daripada pemegang saham terbesar dalam Bernas itu sendiri, yang dimiliki oleh Syed Mokhtar Al Bukhari sendiri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.



**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Sabak. Memang kita sedia maklum. Oleh sebablah BERNAS ini dimonopoli oleh satu syarikat, lesen untuk mengimport beras, jadi, sering kali timbul masalahlah yang petani tidak puas hati. Dan apa yang dinyatakan oleh Sabak, Yang Berhormat Sabak betul. Saya pun nampak jugalah yang terhormat Sungai Panjang buat demonstrasi, demonstrasi, Sungai Panjang, demonstrasi, marah siapa, marah, marah Kementerian Pertanian. Saya sokong penuh. Sebab kalau dulu Barisan Nasional asyik tuduh kita, kita saja yang pandai buat demonstrasi, mereka tak buat. Tapi Sekarang pun dah tukar budaya, dah tukar dah. Dah mereka pun tahu, cara ini, maknanya mereka sudah ada sedikit kematanganlah, sedikit kematangan. Tahu apa itu, untuk menuntut hak. Jadi saya nampak.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Permatang ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok. Terima kasih. Saya tengok Sabak pun mungkin tak berapa jelas mengenai isu ini. Menyebut fasal cukai, bukan cukai sebenarnya ialah pemotongan padi basah. Apa yang Sekinchan sebut lebih tepat. Tapi saya nak kata orang tak faham, Sekinchan, sebenarnya Sekinchan yang tak dengar penjelasan dan juga Sekinchan yang cuba putar belitkan benda itu. Petani-petani jelas. Apa yang dijelaskan oleh Kementerian melalui Kementerian dan juga Menteri Pertanian sendiri jelaskan di Sungai Besar. Permutuan sebenar 17 ke 20 peratus itu kali ini dibuat dengan tujuan supaya mendapat sebenar-benarnya permutuan. Dan ini adalah satu tempoh sahaja. Dan apabila tempoh sebenar itu dapat selepas diselesaikan isu ini, dia akan kembali kepada permutuan yang sebenar selepas itu. Itu sebenarnya. Jadi sebab sebelum ini, Sekinchan pun dah sebut, saya setuju. Sebab banyak petani-petani juga, padi tak cukup masak dipotong, dicampur dengan padi tak ada kualiti, akhirnya bila permutuan sebenarnya nak dibuat, tak dapat. Jadi bila kementerian buat satu dasar ini sebenarnya untuk pastikan permutuan yang selepas ini benar-benar berdasarkan kepada standard yang dikeluarkan. Dan ini sebenarnya baik untuk petani. Mungkin sekarang mereka rasa sedikit kekangan kerana permutuan ini, tapi bila dasar ini dah berjalan dengan sepenuhnya, maka petani akan selesa dan faham. Apa permutuan sebenar, padi yang mereka kena hasilkan. Jadi saya ingat tak ada yang *confuse*, kecuali kalau ada sesiapa yang ada niat untuk memusingkan. Jadi mengenai Bernas punya peranan dan sebagainya, itu tak betul lah. Sebagai satu tuduhan yang tak ada bukti pun, tak ada fakta, saya ingat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Yang Berhormat Permatang, Permatang, dalam isu ini dia faham, dia faham, tak berapa *confuse*. Cuma saya nampak oleh sebab ada demonstrasi, dari Sungai Panjang, jadi Sungai Panjang belum faham lagi, dia *confuse*, jadi Permatang kena bagi sikit kursus, pencerahan kepada Sungai Panjang supaya dia tak keluar Sinar. Satu muka surat kononnya permutuan dan sebagainya. Ha.. inilah masalahnya. Jadi, kita minta kementerian, cari mekanisme, mekanisme yang terbaik supaya, tidak merugikan petani. Bagaimana nak mendidik petani. Itu satu. Kedua, jangan menyebabkan mereka kerugian, sebab mereka sekarang tak cukup duit untuk kegunaan harian. Sebab angkara apa. GST. Pokok pangkalnya GST. Ha.. ini yang menyebabkan rakyat semakin sengsara.

Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, saya teruskan, dengan bagaimana kita nak membantu menjana ekonomi luar bandar. Seperti apa yang saya tekankan tadi. Pertanian, kemudian perumahan. Adakan perumahan dan sebagainya. Yang ketiga, bagi kebajikan dan kemudiannya ada bas Selangor yang akan bakal dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor ke luar bandar, termasuk Sekinchan, Kuala Selangor, Sabak Bernam. Itu antara perkara-perkara yang boleh membantu taraf hidup di luar bandar. Dan satu lagi yang saya nak katakan kerajaan patut bantu, bagi peruntukan yang lebih iaitu kita pergiatkan kawasan-kawasan yang ada potensi untuk dicungkilkan sebagai destinasi pelancongan.

Destinasi pelancongan seperti contoh di Sekinchan yang saya hendak bagi sedikit pencerahan tentang bagaimana kita hendak bangun kawasan yang dahulunya bukan kawasan destinasi pelancongan dan sekarang telah dibangunkan, sebagai kawasan dipromosikan sebagai tempat pelancongan kerana di Sekinchan kita ada pemandangan sawah yang menghijau, memukau dan pantai yang menarik dan keunikan, dan juga makanan *seafood* dan juga buah-buah dan pelbagai lagi yang boleh menarik perhatian, keinginan, minat pelancong-pelancong domestik khususnya daripada bandar kota dan ke...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ke Sekinchan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Sekinchan saya dapati Menteri Pelancongan sendiri telah melawat Sekinchan sedangkan pimpinan UMNO setempat tidak bersetuju, apakah pengiktirafan Sekinchan sebagai kawasan pelancongan?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik, memang saya mengucapkan terima kasih lah kepada Menteri Pelancongan Datuk Seri Nazri Aziz kerana tempoh hari telah datang melawat Sekinchan. Beliau hendak mengetahui bagaimana Sekinchan ini boleh dimajukan ya, boleh menjadi satu

kawasan destinasi pelancongan unik yang sekarang boleh menjadi tumpuan ramai, kenapa? hendak tahu apa jawapannya tetapi UMNO di Sungai Besar iaitu Datuk Jamal, Datuk Jamal mereka boikot dan sebagainya. Ini mereka ini jenis yang masih *confius* dan *mentality* ataupun pandangan sempit daripada soal melaksanakan, memajukan sektor pelancongan. Dari segi pelancongan untuk memajukan pelancongan kita bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pelancongan tiada masalah kerana impaknya untuk semua. impaknya untuk semua, kesannya untuk semua rakyat di Negeri Selangor, Sekinchan khususnya Melayu, Cina dan India. Siapa yang pandai mengambil inisiatif untuk mengambil peluang pekerjaan dan mereka mendapat keuntungan pendapatan, menjana pendapat sampingan, ini yang penting. Sekarang pelbagai promosi yang kita lakukan yang baru-baru ini Sekinchan merupakan luar bandar, destinasi luar bandar yang pertama yang berani menyahut cabaran bersama Tourism Selangor. Kita mengucapkan terima kasih kepada Tourism Selangor untuk mengadakan *booth* di MATTA Fair di PWTC. Kita promosilah bagaimana kita promosi kena datang Sekinchan, ini cara-cara kita promosi. Kita akan pada bulan empat ini, 28hb kita akan ke Johor, Danga City Mall di Johor Bahru untuk promosi untuk Johor *fair, travel fair,*. Ini cara kita cara promosi kita hendak kawasan luar bandar yang berpotensi, kita teruskan majukan bagaimana menarik perhatian pelancong-pelancong supaya rakyat tempatan selain bergantung pada pertanian, nelayan menangkap ikan dan sebagainya. Mereka ada hasil tambahan sampingan iaitu industri pelancongan. Pilihan untuk mereka mendapat keuntungan yang lebih dan sekali gus menambah pendapatan untuk keluarga mereka. Ini antara apa yang saya lakukan di Sekinchan dan seterusnya saya nyatakan di sini promosi bukan sahaja terhad. Kita kena pelbagaikan mempromosi untuk pelancongan. Bantuan daripada media sosial, twitter dan sebagainya. Pada masa yang sama TV, *TV show* seperti apa bulan empat ini akan ada *TV show* pada 19.4.2016 *TV show* dari Taiwan yang popular dengan izin “Chong wee in tha... “ dengan izin. iaitu yang diketuai oleh hujung ... dengan izin Zheng i Ooi, Mr. Player. Satu *TV show* yang cukup popular di seluruh dunia, penontonnya lebih 100 Juta – 200 Juta ramai. 1 juta 2 juta ramai penontonnya akan datang Sekinchan untuk buat *TV show* nak tunjukkan keindahan Sekinchan untuk ditonjolkan bukan sahaja di Malaysia, domestik dan akan tonjolkan di Taiwan, Macau, Hong Kong, Australia, Amerika. Saya yakin dengan cara demikian kita dapat transformasi luar bandar untuk menjana pendapatan yang lebih supaya pendapatan mereka lebih terbela dan mereka bukan hanya bergantung semata-mata pertanian sahaja. Inilah cara saya harap Kerajaan Negeri khusus EXCO Pelancongan Yang Berhormat Bukit Langan bagi lebih peruntukan sebab promosi ini dia berhubung kait rapat dengan fulus, dengan *money* dengan duit. Jika tiada duit kita hendak untuk promosi itu agak sukar kita akan meminta panjangkan surat untuk *TV show* tersebut supaya kelulusan paling kurang RM50 000.00 kalau tidak bagaimana kita tanggung hotel, makan minum, kapal terbang dan seluruhnya. Ini punya ini semula perlu ongkos. Walau bagaimanapun saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana selama ini kerjasamanya bersama anak syarikatnya, bersama PKNS nya kita mendapat pertolongan dengan Kerajaan Negeri. saya mengucapkan terima kasih.

Saya ingin teruskan dengan isu-isu ingin saya bangkitkan berkenaan dengan usul menjunjung kasih untuk kali ini khususnya untuk tekankan tentang ada tuduhan, ada tuduhan daripada pihak MCA, pihak PSM, pihak Gerakan, pihak media sosial, UMNO Barisan Nasional di luar yang mengatakan Kerajaan Negeri sewenang-sewenangnya menebang hutan simpan kekal di negeri Selangor. Macam-macam dalam WhatsApp mengatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar meluluskan berpuluh-puluh hektar hutan simpan di negeri Selangor di tebang dan diceroboh. Hakikatnya saya hendak tegaskan dalam dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri semenjak 2008 kerajaan yang baru ini kita ada satu dasar di mana pembalakan penebangan hutan tidak dibenarkan lagi. Tiada penebangan hutan untuk komersial, sudah tiada dah. Yang adalah untuk kemudahan infrastruktur iaitu hendak buat jajaran yes, lebuh raya, dan juga elektrik TNB *power station* begitu juga mengikut masuk dalam seksyen yang perlu dipatuhi iaitu Akta Perhutanan 1985 di bawah Seksyen Enakmen 11 Pemakaian. Kita belum ada siasatan awam negara awam, pendengaran awam untuk mengeluarkan warta untuk hutan simpan ini dan terhad kepada infrastruktur dan baru-baru ini saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri telah berjaya cuba mengelakkan hutan simpan daripada diteroka untuk *highway WCE* jajaran di sebelah Sekinchan dan sebagainya. Kerana di situ kalau digunakan di *Ban Canal* dan sebagainya juga akan menggunakan sawah padi dan juga hutan simpan. Kerajaan Negeri bertungkus lumus sedaya upaya bagi mengelakkan tengok bagaimana Kerajaan Negeri yang telus ini bagaimana kita hendak tebang hutan, tiada. Jadi bagi pihak yang di luar ini, sesiapa MCA dan Gerakan yang tidak bergerak ini faham-fahamlah bagaimana dasar Kerajaan Negeri Selangor kita tidak tebang hutan sembarangan. Yang ini saya ingin tegaskan dan saya harapkan kelestarian hutan yang menghijau ini dapat kita teruskan kekalkan untuk generasi kita akan datang, supaya generasi kita akan datang ada hutan yang mencukupi. Tiada orang yang menuduh Kerajaan Negeri Selangor memusnahkan Permatang Kuartza, Gombak, tidak ada. Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor dalam proses warta pengazetan, untuk apa? Untuk dijadikan tapak warisan negara, tidak untuk komersial. Kerajaan sedang buat *step by step*. Tengok cara Kerajaan Negeri Selangor, kita tidak macam Kerajaan Negeri lain, kita lakukan dengan tersusun sistem metrik jadi saya harap maklum ya oleh pihak-pihak yang menuduhlah. Sembarangan menuduh termasuk pihak Barisan Nasional ingin saya tegaskan baru-baru ini keluar di surat-surat khabar, media Tuan Speaker, Dato' Seri Noh Omar dan Ahli Parlimen, Menteri Perumahan / Kota Belud hendak menjadi hero di Parlimen kononnya Selangorlah tidak gagal menyelesaikan isu Taman Permata di Dengkil, ini Dengkil Taman Permata waktu pengambilan Putrajaya ladang yang terlibat, 400 keluarga kononnya Selangor tidak memberikan kerjasama hakikatnya Selangor telah memberi kerjasama dah terutama PTG, Dato' SUK sebelum ini pun ada, dia tahu Selangor memberi bantuan untuk menyelesaikan isu-isu ini, PNSB juga terlibat dalam isu bagi bayaran RM12 Juta kita bayar dan premium juga kita tidak kenakan tapi dituduh oleh Datuk Seri Noh Omar kononnya kita mengenakan premium RM12 Juta dan sebagainya. Ini semua adalah tidak benar belaka. Saya minta Ahli Parlimen Tanjung Karang Permatang ini boleh Permatang khususnya beliau kurang

informasi, kurang sumber-sumber maklumat di Kerajaan Negeri Selangor, beliau seolah-olah di planet yang lain jadi beliau mendapat *info* yang lain. Saya minta maaf ya, Permatang tolong bagi tahulah ini kita mahu tuduhan itu biarkan berasas. Jangan tuduh sembarangan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Mohon.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dengkil, saya tahu saya tunggu sampai betul-betul dia bangun.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Sekinchan kerana membangkitkan isu Taman Permata Dengkil ini, sebenarnya apa yang dibangkitkan di dalam parlimen saya juga mendengar juga sedikit banyak ucapan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Tanjung Karang ia ada menyatakan ada Borang 5A meminta Kerajaan Persekutuan atau Suruhanjaya Tanah Persekutuan untuk membayar RM12 juta Premium tanah untuk perumahan baru Taman Permata. Jadi hal ini sebenarnya, sepatutnya bila Kerajaan ini telah ambil alih melalui Sime Darby melalui bayaran RM1 juta, kemudian Kerajaan Negeri mengenakan premium kepada Suruhanjaya Tanah Persekutuan. Jadi hal ini kalau sudah diselesaikan saya minta Kerajaan Negeri ataupun Sekinchan boleh menjadi Menteri Besar kalau diselesaikan berkenaan premium ini saya mengucapkan terima kasih dan saya berharap perkara ini kita dapat selesaikan supaya Kerajaan Persekutuan boleh membangunkan perumahan baru bernilai RM48 juta. Jadi sama-sama terlibat RM 48 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan RM12 juta premium yang diberikan secara dominan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Jadi kalau sudah ada penyelesaiannya saya dapat bawa kepada rakyat dan kita akan dapat mula kan projek perumahan rakyat ini. Selepas didesak di Parlimen didesak di Dewan Negeri alhamdulillah kalau boleh Sekinchan boleh jawabkan untuk Yang Berhormat Dato' Menteri Besar atau Yang Berhormat Dato' Menteri Besar memberi kuasa kepada Sekinchan menjawab ataupun Menteri Besar akan gulung nanti. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil tentang isu Taman Murni ini. Memang jawapannya ada kepada. Ya, Taman Permata, saya hendak bagi tahu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada jawapan tapi serangan itu di Parlimen tanpa berdasarkan fakta mereka menggunakan auta. Jadi saya mintalah, tidak perlu desak. Kerajaan Negeri Selangor ini tidak perlu desak, beritahu sahaja ia akan buat. Kalau betul fakta dan asas Kerajaan Negeri akan buat. Tidak perlu desak-desak Kerajaan Negeri Selangor. Tidak perlu desak letak jawatan

itu desak, itu desak bertubi-tubi termasuk Mahathir bersama kita, Tun Dr. Mahathir negarawan, negarawan yang dulu UMNO sanjung bukan main sekarang pula mati. Begitulah terbalik pula dunia ini ya, itu desak supaya Najib letak jawatan kerana merosakkan negara itu maksudnya desak, desak ya. Jadi saya hendak bagi tahu kerana soal minta Noh Omar jangan lagi-lagi putar belit di Parlimen, jaguh orang kampung, jaguh Tanjung Karang bolehlah. Kalau tiada masa, jaga undang cukup. Seterusnya, kita teruskan Tuan Speaker tentang reformasi, informasi Dewan Selangor, Dewan Negeri Selangor telah mengalami pembaharuan ya, persidangan kali ini kita nampak jam pun dah elektronik, pembaharuan ini, elektronik, jam....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, sila duduk dahulu. Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan pukul 1.00 petang. Kita tangguhkan sidang sehingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan selamat petang, dewan disambung semula saya persilakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana mengizinkan saya untuk terus membawa usul untuk menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku seperti apa yang saya tegaskan tadi banyak pembaharuan-pembaharuan dan reformasi-reformasi yang dibuat oleh Dewan Negeri Selangor di mana setiap sidang dewan akan kali ini ada pembaharuan. Jam pun sudah elektronik dan sebagainya, ini semua pembaharuan dan termasuk jawatankuasa setiap sidang mesti ada penyata-penyata untuk buat "*check and balance*" membantu kerajaan untuk memperbetulkan segala kelemahan-kelemahan dan demi kepentingan rakyat Negeri Selangor yang baru-baru ini dalam teguran audit dan sebagainya pun kita, apa yang saya tegaskan tadi 15 jabatan semuanya diberi pengiktirafan oleh Ketua Audit Negara dalam laporan yang terbaru. Oleh yang demikian pada masa yang sama juga dalam usaha kita memperbaharui buat "*reform*" atau reformasi ini. Sebentar tadi tengah hari kita, saya bersama semua Ahli-ahli Dewan buat audit jugalah oleh sebab saya dalam PAC juga kita audit juga makanan. Audit juga audit makanan dan kita nampak ada kelemahan dan perlu ditambah baik nanti saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Speaker, dia perlu tahu ada benda yang perlu ditambah baik. Saya harap oleh sebab kita buat audit telus jadi kita perlu diperkemaskan ini yang permintaan sayalah dan seterusnya saya ingat lagi pada 27hb Februari 2015 Jawatankuasa SELCAT telah mengadakan pendengaran awam menyiasat keberkesanan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011. Selangorlah negeri antara negeri yang mempunyai Enakmen Kebebasan Maklumat. Ini tidak seperti negeri-negeri yang diperintah oleh UMNO Barisan Nasional, mereka tidak mementingkan soal ketelusan, kebebasan maklumat itu soal benda itu mereka tidak titik beratkan dan mereka tidak minatlah dalam konteks soal memperjuangkan ketelusan. Macam sidang dewan ini kita sebagai ahli dewan penting untuk kita datang hadir setiap tahun tiga kali sidang, hadir untuk sama-sama *facilitate* untuk kita beri pencerahan idea kepada kerajaan supaya tambah baik sebagai wakil rakyat. Itu kerja paling penting, paling kerja yang diberi penekanan yang lebih sebagai wakil rakyat dan sebagainya ADUNlah sebagai Ahli Dewan Negeri tapi saya nampak selepas pukul 2.30 petang ini kita nampak pembangkang macam sudah kosong dah, ini satu rakyat kena tengok ini hanya tinggal Kota Damansara yang lain pergi ke mana.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ini kerja sebagai Ahli Dewan, persidangan dengan Dewan kena datang jangan tidak datang.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Apakah asyik ponteng sahaja apakah Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, Kota Damansara minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya Kota Damansara.

**TUAN SPEAKER:** Sila Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Jangan nampak sebelah sini sahaja tengok sebelah sana sama sahaja, asyik-asyik tengok sebelah sini sama sahaja di sana semua itu.

**TUAN SPEAKER:** Ok, Sekinchan sila sambung terus.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi saya teruskan jadi saya.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, saya nak tanya panjang lagi ke ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Panjang tak panjanglah adalah sedikitlah.

**TUAN SPEAKER:** Sebab saya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya juga minta teman-teman kita di kerajaan kena ambil sikap peduli ya dengan tugas, datang lambat balik cepat ini bukan kerja ADUN, kerja ADUN sentiasa berada di sidang dewan bukan ponteng jangan jadi ADUN ponteng. Itu tak baik namanya kecuali ada urusan rasmi keluar negeri dan ada cuti sakit. Kalau tidak, tidak kira siapa saya kena tegur juga ya Yang Berhormat Ijok, kita kena tegur juga ya, kena datang jangan tidak datang saya dah. Pelabuhan Klang ya minta maaf Pelabuhan Klang, dia dah sasul sedikit, kita, saya dah tiga penggal di sini kita tidak ada ambil sikap nak ponteng kita pentingkan Dewan Negeri penggubal undang-undang. Ini penting jangan asyik ponteng, ini jangan ok, Seterusnya saya teruskan Tuan Timbalan Speaker mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat, saranan-saranan telah dikemukakan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Sidang Pertama pada tahun 2015 yang lepas di mana MMKN telah pun memberikan maklum balas Yang Berhormat Bukit Lanjan yang bertanggungjawab telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga portfolio FOI bersama Setiausaha Kerajaan Negeri dan Bahagian Pentadbiran Sumber Manusia dan apa yang kita dapati pegawai maklumat baru telah dilantik pada 15hb April 2015 tetapi menurut Bahagian



Pentadbiran Sumber Manusia, Pejabat Tanah dan Daerah Petaling dan juga Sepang, JAIS dan Jabatan Kebajikan Masyarakat masih tidak mempunyai pegawai maklumat yang bertugas. Maknanya tidak menyeluruh lagilah ada kelemahan jawatankuasa juga telah dimaklumkan bahawa sebarang taklimat dan latihan yang telah diwar-warkan di dalam maklum balas di dalam kerajaan terhadap penyata FOI belum lagi dilaksanakan pada tahun 2015. Pegawai-pegawai sokongan dan operator telefon tidak mengetahui apakah pegawai maklumat dan peranan ataupun fungsi mereka dan kerap menghantar mereka soalan yang tidak ajukan dia tanya kepada Jabatan ICT. Maknanya mereka tidak cukup latihan, latihan tidak dijalankan tetapi maklum balas diberitahu akan buat saya minta kelemahan ini kerajaan negeri dapat pantau perkemaskin supaya Pegawai Maklumat di semua PBT ataupun Pejabat Tanah dan Daerah, jabatan dikemas kini diberi latihan dan boleh menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh orang ramai. Inilah selaras dengan semangat enakmen tersebut. Ini penting pada masa yang sama ingin saya timbulkan beberapa isu tentang isu tanah yang pernah bangkit beberapa kali di dalam dewan yang mulia ini sejak bertahun-tahun iaitu isu tanah di Kampung Baru Site A sebanyak 2.8 hektar kita pernah cadangkan berusaha keras untuk membina rumah di Kampung Baru Syed A di mana 160 lebih keluarga di situ mereka memang menunggu masa untuk memberi rumah-rumah di situ. Tetapi sampai hari ini kita tidak berjaya lagi mengusahakan tanah tersebut untuk mendirikan, membina rumah-rumah untuk orang Kampung Site A. Jadi saya minta dalam konteks ini bantuan diperlukan daripada pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya perkara ini kita dapat mewujudkan satu *task force* untuk kita tangani dengan segera. Supaya tahun ini kita boleh selesai supaya pembinaan rumah permintaan rakyat setempat ini kita dapat penuhi. Saya yakin kalau kita boleh buat keputusan, kalau kita boleh lakukan tahun ini dua tahun akan datang rumah akan siap dan rakyat akan memiliki rumah di situ. Inilah antara hasrat permintaan Sekinchan dalam konteks bagaimana kita menjaga rakyat di bawah. Seterusnya berkenaan permohonan saya sebelum ini tentang premium tanah kedai lama di luar bandar khususnya Sekinchan yang tamat tempohnya 60 tahun pajakan. Dan sekarang mereka perlu melanjutkan pajakan itu, pajakan sekarang 20 kali 70 luar bandar satu kedai kopi yang lama 1,400 kaki premium yang dikenakan menjadi mencecah 175,000 hingga 200,000 jadi ini satu bebanan kepada orang-orang kampung, orang-orang luar bandar. Saya minta satu ada mekanisme baru dapat kita bantulah, terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Bukit Gasing menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Sekinchan sebab di kawasan Bukit Gasing pun juga sama pun menghadapi masalah yang sama cuma magnitud lebih tinggi daripada saiz yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sekinchan di Bukit Gasing premium yang dikenakan lebih daripada RM500,000. Jadi saya juga berharap bahawa satu skim

dapat diwujudkan untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang memiliki lot sedemikian.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Kita mintalah kerajaan, dia prihatin Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama pihak pentadbir tanah, PTG dan sebagainya. Rangkalah EXCO dia punya kebijaksanaan, dan cuma kerja kita ADUN ini kita sampaikan suara rakyat supaya mereka dengar dan saya yakin ada pendekatan pasti ada jalannya bagaimana nak bantu rakyat. Tetapi di bandar-bandar besar yang kita tidak ada skim sedemikian tapi kita tidak ada bandar kecil, luar bandar khususnya. Tadi saya tekan daripada perbahasan luar bandar ini kita kena pergi penekanan supaya rakyat di luar bandar menikmati tempas daripada pembangunan Negeri Selangor. Isu terakhir yang ingin saya sentuh ya Tuan Timbalan Speaker demi, saya menyokong penuh titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenaan dengan wujudnya masalah-masalah khususnya sindiket-sindiket menyalahgunakan lambang-lambang ataupun darjah kebesaran, lambang-lambang serta nama-nama yang diwujudkan oleh istana. Terdapat ada individu-individu pun orang awam telah menyalahgunakan lambang-lambang ini. Kita sebagai ahli dewan kita memberi sokongan penuh kepada kerajaan negeri untuk memperketatkan rang undang-undang untuk mencegah sesiapa yang menyalahgunakan darjah kebesaran yang tidak diiktiraf. Ini tidak boleh berlaku di mana-mana khususnya di Selangor dan apa yang saya ingin nak terangkan, cadangkan sini satu perkara yang saya ingin sentuh ialah ita nampak selalu dalam surat khabar terdapat media atau surat khabar individu yang mendakwa mereka ini adalah dikurnia darjah kebesaran oleh tidak tahulah di manalah daripada Sulu, tak tahu di mana Mindanau, daripada Sultan Melaka, kita tidak tahu. Tetapi dalam surat khabar ada ucapan tahniah dan sebagainya kadang-kadang kita pun keliru dengan ini. Jadi pihak surat khabar juga kita minta rang undang-undang ini kalau dikemaskini tidak boleh menyiarkan, mengelirukan orang ramai dengan darjah kebesaran yang tidak diiktiraf supaya orang ramai tidak keliru dalam konteks ini. Kita mahu menjaga kedaulatan institusi, memperkasakan institusi istana diraja di Negeri Selangor ini. Jadi sebagai rumusan untuk perbahasan saya pada petang ini kita teruskan Kerajaan Negeri Selangor terus memberi fokus kepada dasar peduli rakyat dan paling penting cabaran untuk negara kita untuk seluruh rakyat Malaysia kita kena ketepikan semua kepentingan peribadi. Tak kira individu, parti, NGO dan sebagainya satu matlamat satu tekad selamatkan Malaysia, selamatkan Malaysia kita termasuk Dengkil sama, kita bersama dengan Dr. Mahathir, Tun Dr. Mahathir sama-sama.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dalam menumbangkan UMNO Barisan Nasional yang zalim.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak tanya dengan Sekinchan, dari awal tadi selamatkan Malaysia daripada siapa?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Kota Anggerik. Selamatkan Malaysia daripada rejim zalim UMNO Barisan Nasional ini jawapannya kerana mereka dah korup dah sapu wang dan sebagainya songlap semuanya segala kerosakan pernah berlaku “Bahasa Jawa” sudah berlaku lebih 50 tahun sudah cukuplah, cukup-cukup sudah jadi rakyat harus bangkit kita pertahankan Negeri Selangor daripada pilihan raya akan datang dan kita terus tawan Putrajaya. Dan dengan kata-kata ini Sekinchan dengan ini memohon mencadangkan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALEHEN BIN MUKHYI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Sabak nak berbahas dahulu atau nak menyokong.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker maka dengan ini saya menyokong usul menjunjung kasih atas titah ucapan Tuanku dalam perasmian pembukaan dewan pada hari semalam dan saya mohon izin untuk membahas. Izinkan saya memulakan perbahasan ini dengan menggunakan sepotong hadis nabi S.A.W yang menyebut “*Bahasa Arab*” yang bermaksud apabila kamu mengurus apabila kamu bertadbir, apabila kamu beramal uruslah dengan penuh profesional dengan penuh kematangan. Tuan Speaker pertamanya saya melahirkan rasa syukur dan terharu atas titah ucapan Tuanku agar Kerajaan Selangor ditadbir melalui kesepakatan “*Bahasa Arab*” dan inilah yang disebut sebagai asas kepada politik matang dalam urus tadbir Kerajaan Negeri “*Bahasa Arab*” bermakna kita mempunyai satu kesatuan fikiran “*Bahasa Arab*” bermakna ertinya mempunyai satu kesatuan di dalam tindakan. Ayat ini ataupun ungkapan ini saya percaya bahawa kita dituntut untuk memberi satu fokus bagi mengurus kemaslahatan rakyat. Waktu yang sama kita tidak melayan kerenah politik yang hanya akan mengganggu urus tadbir Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu tumpuan kita dalam membebaskan ataupun mengurus kemaslahatan rakyat ini jauh lebih penting supaya kita akan menampilkan satu urus tadbir yang matang waktu yang sama kita juga sebagai ahli-ahli politik yang matang dalam urus tadbir kerajaan dan dalam DUN Undangan Negeri. Tuan Speaker, dalam merujuk kepada ucapan Tuanku melalui buku kuning, Cuma saya sedikit kesukaran sebab asalnya tidak ada muka surat

dalam buku ini jadi saya rasa modalnya besar juga untuk buat buku ini jadi kalau dibubuh muka surat lagilah cantik dan mudah untuk kita merujuk buku ini bermula dari muka pertama titah ucapan Tuanku saya mengambil dalam perkara yang kedua itulah berkaitan dengan ucapan Tuanku tentang harapan supaya lebih ramai lagi rakyat Selangor akan keluar dari alam kemiskinan. Apabila ungkapan ini dibuat maka teringatlah kita akan susuk tubuh manusia yang sangat hebat urus tadbir dalam kerajaan yang pernah lahir pada zaman Umayyah itulah Umar Abdul Aziz. Saya mengungkap ini untuk supaya menjadi teladan untuk kita mengingat sebelum kita memacu terus urus tadbir kerajaan negeri untuk kita mengintai ke belakang dalam tempoh dua tahun lima bulan. Bukan sekadar beliau telah mengeluarkan ramai rakyatnya daripada kemiskinan bahkan ungkapan-ungkapan dibuat pada ketika itu dan menyebut tentang hasil daripada urus tadbir Umar Abdul Aziz antaranya hartanya tidak dapat disedekahkan kerana tiada lagi rakyat yang miskin pada ketika itu. Bahkan bukan soal mengeluarkan rakyat daripada kemiskinan mengurus untuk menyatukan masyarakat dalam keharmonian supaya perpaduan ini dapat kita bina merentasi kepada soal kepentingan-kepentingan politik peribadi semata-mata untuk kita membina satu keharmonian dan ungkapan yang dibuat pada ketika itu juga pada zaman Umar Abdul Aziz kambing yang ditenak, kambing boleh ditenak bersama-sama serigala. Ungkapan ini menunjukkan wujud satu keharmonian walaupun dua jenis binatang ini tidak pernah ada titik temu untuk melakukan keharmonian. Dan ini yang juga yang kita sebut bahawa kalau kita mengurus ini untuk melihat kemaslahatan keharmonian ini jauh lebih penting inilah yang disebut juga politik matang dalam sebuah kerajaan. Tuan Speaker, sebab itu dalam mengungkap apa yang telah dilakukan apa yang telah diungkap oleh Umar Abdul Aziz pada satu ketika dahulu beliau menyebut sesungguhnya sebaik-baik niat yang ikhlas dalam berzuhud adalah bila kita memiliki kemewahan. Dan masa yang paling sesuai untuk memberikan kemaafan ialah ketika mampu membalas. Ungkapan ini kita harap dia menjadi satu rujukan supaya kita dapat menampilkan satu kehidupan yang sangat bersederhana bermula daripada pemimpin kerajaan negeri Selangor sampailah rakyat paling bawah supaya kesungguhan rakyat untuk melihat pengagihan dan juga hasil yang di terima oleh rakyat berbanding dengan apa yang di kecapai oleh pemimpin supaya tidak dipandang ada beza yang terlalu jauh. Dan dengan maksud yang sama dan menyebut bahawa biarlah kepayahan rakyat itu dirasakan oleh kepayahan pemimpin dan kesenangan pemimpin juga dirasakan kesenangan oleh rakyat bersama. Tuan Speaker, dalam ungkapan dalam merujuk kepada perkara yang ketiga yang disebut Tuanku dalam ucapan ialah berkaitan dengan pada muka surat tiga apabila Tuanku menyentuh tentang bas Smart Selangor yang kini beroperasi di PBT terpilih maka akan diperluaskan di kawasan luar bandar. Bagi saya sendiri belum mungkin kita belum mempunyai mekanisme yang jelas tentang jajaran, tentang syarat-syarat rahsia untuk menurunkan. Tetapi saya melihat keperluan di luar bandar dan saya ucapkan terima kasih di atas keputusan yang dibuat ini kerana memandangkan bukan sekadar ungkapan yang pernah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya pembangunan yang ada di Lembah Kelang ini supaya dapat dirasakan oleh juga masyarakat di luar

bandar. Oleh sebab itu saya nak menyebut sedikit tentang kepayahan terutama sekali masyarakat luar bandar seumpamanya di Sabak Bernam. Kalaupun ia tidak adil dalam peraturan untuk meletakkan umpamanya membawa pelajar sekolah di waktu pagi kalau tidak ada maka kita minta supaya atas ihsan kerajaan negeri supaya mengadakan Sabak Bernam. Kalau atas ihsan pun tak boleh atas belas ihsan supaya dapat diadakan saya menyebut ini berikutan dengan kes yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah turun melawat mangsa yang terpaksa hilang kedua kakinya iaitu adik Aisyah Syakirin sekarang berada di tingkatan satu khuldi di SMK Bagan Terap yang mana itulah sebahagian daripada yang dirasakan oleh ratusan pelajar sekolah yang mereka terpaksa ulang-alik daripada sekolah ke belia dua ke Tanjung Medan ke Sungai Panjang dalam jarak lebih kurang 10 ke 15 kilometer setiap pagi, tidak ada bas, tidak ada kenderaan, menaiki motosikal kalau pagi tu polis ada buat *road block* boleh jadi dia takkan datang sekolah kerana dia terpaksa bawa moto sendiri. Ada yang ada lesen ada yang tak ada lesen. Jadi kepayahan inilah yang saya tengok dan perhatikan. Ini adalah satu-satu yang mudah-mudahan akan menjadi sentuhan kepada kita untuk melihat masalah rakyat yang mereka terpaksa keluar pada waktu gelap untuk meredah untuk sampai segera ke sekolah pada pagi hari dan pada petangnya mereka kembali daripada sekolah. Oleh sebab itu kawasan seperti inilah mudah-mudahan ada keprihatinan Kerajaan Negeri untuk meletakkan pengangkutan untuk dinikmati kemudahannya oleh masyarakat luar bandar seperti di Sabak Bernam. Kemudian saya merujuk kepada muka surat 17 ungkapan ataupun apa yang disebut oleh yang di titah oleh Tuanku sebagaimana yang disebut oleh Sekinchan juga tentang kebimbangan Tuanku tentang aktiviti memberi, menjual dan menggunakan darjah kebesaran yang tidak diiktiraf. Bagi saya dan bagi kita telah melihat bahawa ada asas Tuanku untuk menyebut kerana sejarah Selangor kita telah menampilkan 10 Raja-Raja berdaulat di negeri Selangor bermula daripada Raja Lumu pada tahun 1743 sehinggalah kepada zaman Tuanku Sultan Sharafuddin sekarang ini amat penting untuk dijaga kedaulatan oleh sebab itu sebarang kebimbangan terhakisnya kedaulatan ini adalah perlu diambil perhatian yang genting sebab bagi kita memang amalan menjual sesuka hati kita sudah kedengaran lama sebenarnya aktiviti-aktiviti seperti ini dan sebab itu saya fikir dan saya yakin kita boleh bersetuju bahawa aktiviti menjual ini dia tidak akan berjaya kalau tidak ada yang membeli. Persoalannya dalam soal hukuman yang berat kalau nak dikenakan bukan sekadar yang menjual bahkan kepada yang membelinya. Kita ambil kira seolah-olah lebih kurang sama macam amalan rasuah juga. Yang memberi rasuah pun kena dan yang akan menerima rasuah pun kena. Sebab itu bagi kita, kita tidak perlu terburu-buru untuk mendapat bintang-bintang seperti ini kalau dibagi kita terima. Kalau tak bagi kita terus bekerja. Saya percaya rakan-rakan lain pun sama macam Sabak juga kita tak payah Dato' tapi bila kita turun kawasan semua orang panggil pangkat Dato'. Sebab tu bila orang tanya kepada saya Sabak bila boleh dapat Bintang, saya jawab bintang tak penting, kita dah ada bulan dah. Jadi Tuan Speaker sebab itu ini serius untuk kita lihat supaya sebab refleksnya terkena kepada Tuanku, terkena kepada Sultan sendiri sebab gambaran masyarakat seolah-olah Sultan berniaga sedangkan ada pihak lain,

ada tangan jahat yang mengatur tanpa pengetahuan Sultan. Sebab itu ini boleh jadi contoh negeri yang sangat tegas dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti yang sangat tidak bermoral dan sangat tidak bermaruah ini. Kemudian seterusnya ialah juga kebimbangan yang telah disebutkan Tuanku juga tentang fahaman radikal pertembungan-pertembungan mazhab walaupun saya kemukakan di dalam soalan bertulis soalan mulut saya dan telah dijawab tetapi sebahagiannya saya perlu untuk kemukakan juga sebagai satu perbincangan supaya ada penyelesaian yang baik kerana saya percaya negeri Selangor sebuah negeri yang sangat rencam yang menjadi pusat bahkan kebimbangan kita ialah soal pertembungan mazhab ini bukan sekadar satu masalah yang biasa tetapi pertembungan ini yang menghancurkan Syria, pertembungan ini yang menyebabkan pertembungan antara Saudi dan Yaman sedangkan boleh jadi tangan-tangan jahatnya hanya mengata di luar dan kita terperangkap dalam suasana sebab pertembungan ini tidak berlaku pada zaman awal. Yang disebut sebagai golongan salafi iaitu yang dianuti oleh para salaful soleh dan kita bersetuju dan kita pun mengikut dan Asyairah atau pun Abu Hasan Al Asyaari yang kemudiannya membuat satu kaedah tauhid itulah berasas kepada asma wal sifa yang ini tidak menjadi masalah pertembungan ini pada zaman awal kerana mereka saling menghormati soal ilmu, mereka saling hormat-menghormati dalam disiplin ilmu tetapi masalah berlaku kemudiannya apabila boleh jadi beberapa ulama yang ataupun kalangan agamawan yang tidak *concern* terhadap soal penghormatan terhadap maka dia merasakan bahawa orang lain salah dan dia betul. Sehingga ada yang sudah menyalahkan bahkan jauh lebih teruk mengkafirkan asyairah yang menimbulkan kebimbangan yang sangat kritikal. Maka sebab itu kita mengambil pendirian sama ada salafi, sama ada asyairah mereka semua adalah ahli sunah wal jemaah dan jauh lebih bimbang lagi ialah perkembangan yang berlaku sekarang ini ialah ada pula di kalangan beberapa golongan agamawan yang sudah boleh menyalahkan amalan-amalan yang diputus oleh beberapa imam mazhab umpamanya menyalahkan amalan imam syafie di dalam amalannya. Ini satu kebimbangan sebab di antara empat mazhab ini pun tidak pernah ada tak pernah saling tak menghormati dalam disiplin ilmu. Syafie tak pernah mengatakan yang dia paling betul malah dia minta untuk mencari dalil yang paling betul kerana itulah mazhabku. Tapi mari pula ustaz-ustaz yang boleh jadi baru belajar bahasa Arab dua tiga kitab dia dah boleh menyalahkan Imam Syafie dalam amalannya yang ini kita kata perlu satu ketegasan yang mesti dibendung sebab masalah khilafiah dalam fiqh ini disebut oleh nabi sebagai ikhtilaf umar rahmatan pertembungan mazhab ini satu rahmat tiba-tiba ada di antara mereka yang tidak tahu tentang adab ikhtilaf membawa masalah ini kepada masalah sesat menyesat di kalangan masyarakat. Yang ini pun perlu kepada satu pemantauan yang teliti supaya dapat kita atasi. Kemudian ini penting sebab sebagaimana kehendak Tuanku ialah Islam yang Tuanku sendiri menjadi ketua agama kita hendak supaya ia Islam yang sama dibawa oleh nabi. Islam rahmatan lil alamin. Kita tidak hendak fahaman ahli sunah wal jemaah bagi penganut yang radikal sangat terhadap ahli sunah wal jemaah sehingga ada yang menubuhkan persatuan ahli sunah wal jemaah. Saya pergi banyak negara tidak ada persatuan ahli sunah wal jemaah hanya Malaysia sahaja. Ada presiden

Ahli Sunah Wajamaah. Ini kita harap tidak ada yang radikal seperti itu dan pula terlibat dalam menyesatkan orang-orang lain juga. Jadi oleh sebab itu, dasar inilah yang kita mesti jelas bahawa kalau hanya dalam ruang lingkup perbincangan dalam masalah *fake*, tidak perlulah kepada soal menyesatkan dan ini sangat penting untuk dilihat penyelesaian terutama sekali melalui disiplin ilmu di Negeri Selangor.

Dan Islam yang membawa agama rahmat ialah kita perlu terjemahkan dia sebagai rahmat sebagai kasih sayang bukan sekadar untuk orang Islam, kasih sayang juga kepada orang-orang bukan Islam. Kita tidak mengganggu, mengganggu aktiviti-aktiviti ibadat orang bukan Islam, kita tidak mengganggu tempat-tempat ibadat orang bukan Islam. Dalam waktu yang sama kita saling hormat-menghormati tetapi kehendak kita ialah biar orang Islam *imtimaq'* atau pun berpegang teguh dan kita alhamdulillah, kita Negeri Selangor dilihat jauh lebih ke depan dalam soal pengimarah dalam soal membina kekuatan atau kekuatan-kekuatan menjadikan masjid benar-benar sebagai wahana ummah untuk mengumpulkan mereka-mereka yang cintakan kepada ilmu, hari demi hari bertambah makmur dan inilah yang sepatutnya diteruskan.

Kemudian, Tuan Speaker pada perkara yang seterusnya Tuanku Sultan telah menyebut tentang supaya dalam akhir ucapan Tuanku menyebut tentang Negeri Selangor ini supaya mendapat keampunan daripada Allah SWT. Saya rasa inilah satu ungkapan yang penting untuk kita nilai dan ianya ada kaitan dengan ucapan dalam pembukaan pada tahun lepas supaya menjadikan Selangor Negeri yang melaksanakan terhadap Maqasid Syariah untuk supaya dikaitkan pula dengan kerajaan yang lahir sebagai kerajaan yang terbaik yang pernah disebutkan dalam Al-quran. Itulah kerajaan Sabak, kerajaan yang mendapat keampunan daripada Allah SWT. Jadi untuk itu, ada beberapa perkara yang boleh jadi untuk Sabak kongsi bersama dalam maklumat ini. Yang pertama ialah soal, soal untuk menjadikan Smart City Selangor ini. Saya harap penubuhan atau pun usaha kita untuk Smart City Selangor ini impaknya akan dapat dirasakan juga oleh masyarakat di luar bandar supaya jangan hanya tertumpu pada kawasan-kawasan bandar sebab saya bimbang nanti kalau orang luar bandar tidak merasakan nikmat yang dinikmati oleh orang bandar, kita tidak dapat keampunan daripada Allah. Jadi oleh sebab itu, biarlah nikmat itu dirasakan orang Sekinchan pun nak merasa, orang Sabak pun nak merasa, orang di nun Semenyih pun nak rasa jadi oleh sebab itu, ini Smart City Selangor.

Kemudian saya juga dalam kesempatan ini hendak mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor yang antara lain, beliau sendiri telah turun ke Sabak Bernam sebelum daripada Persidangan DUN ini. Dan pertamanya telah meluluskan satu kawasan di Sungai Lang di Sungai Air Tawar sebagai Sungai Tengah, saya difahamkan kerajaan *insya-Allah* akan menyediakan lebih kurang 50 ekar untuk dijadikan sebagai perkampungan asnaf. Dan ini kalau dapat dilaksanakan maka kita ucapkan tahniah

dan syabas. Kita telah merintis satu perkampungan untuk memberikan keselesaan dan juga supaya golongan asnaf ini merasa bahawa dia sangat dihargai dalam sebuah kerajaan yang mempunyai *reserve* yang tinggi, mempunyai hasil pendapatan yang tinggi dan saya fikir tinggal lagi ialah soal pemilihan kepada golongan-golongan asnaf ini yang mudah-mudahan dapat dimanfaatkan oleh sebahagian daripada golongan asnaf di Sabak Bernam.

Kemudian begitu juga terima kasih juga kepada kerajaan negeri yang banyak membantu untuk kita perpindahan Maahad Tahfiz Sains, Maahad Integrasi Tahfiz dan daripada Sg. Lang ke Bagan Terap. Cumanya apa yang berlaku ialah oleh sebab bangunan ini adalah bangunan lama yang telah mempunyai berlaku beberapa perubahan-perubahan. Asalnya kawasan ini diluluskan sebagai sebuah bandar, zaman UMNO kerajaan Barisan Nasional dulu sebagai bandar baharu. Kemudian dia tidak terhasil sebagai bandar baharu maka diambil oleh Yayasan oleh Yayasan untuk dijadikan tempat latihan. Kemudian tak menjadi juga oleh sebab itu nampaknya alhamdulillah dengan adanya Maahad Integrasi Tahfiz ini pelajar-pelajar telah nampak lebih selesa berbanding dengan tempat di Sungai Lang. Cuma oleh sebab dia bangunan-bangunan lama, maka banyaklah *maintenance* yang perlu dilakukan pada bangunan-bangunan lama. Sebab itu, saya mohon keprihatinan daripada kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor dan juga melalui kekuatan kewangan Kerajaan Negeri untuk membantu. Sebab apabila saya datang .....

( Berhenti kerana gangguan teknikal seketika )

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dewan disambung semula dipersilakan YB Sabak. Saya harap YB Sabak boleh *landing*

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih, Tuan Speaker, saya menyebut yang akhir tadi berkaitan dengan kedai *Smart Selangor* yang telah diluluskan di Bagan Terap dalam kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita hendak supaya pelaksanaan Kedai *Smart Selangor* ini dapat disegerakan supaya ia menjadi satu contoh tentang ukuran kita tentang Kedai Smart Selangor. Daripada segala sudut dan gambaran bagaimana ia di sebut sebagai Kedai Smart Selangor. *Maintaining* terhadap ataupun kemudahan *Wifi* terutamanya dan kalau ada *current* elektrik pun jangan putus-putus umpamanya dan kalau dan ini penting sebab kita telah bersetuju bahawa ia menjadi satu Pilot kepada kedai-kedai Smart Selangor yang akan kita buat di tempat-tempat lain selepas daripada ini. Jadi Pihak Majlis Daerah Sabak Bernam sebenarnya telah membentangkan tentang kedudukan tanah dan juga bentuk diperingkat awal ini untuk dikemukakan kepada Kerajaan Negeri supaya diluluskan dan dalam perbincangan itu saya difahamkan perbelanjaan untuk keseluruhan kalau Kerajaan Negeri bersetuju dalam lingkungan 8 ke-9 Juta lebih kurang. Jadi saya rasa tidaklah angka yang tinggi sangat untuk dijadikan sebagai Pilot, tetapi projek ini saya fikir kita perlu buat sekali gus kita tidak perlu buat fasa 1 fasa 2 supaya ianya betul-betul akan jadi 1 Pilot untuk dilihat di kawasan-



kawasan lain selepas daripada ini. Kemudian saya juga mengambil kira walaupun sudah dibangkitkan oleh Sekinchan berhubung kait dengan Perumahan Ladang Air Manis, sekali lagi saya ucapkan terima kasih atas inisiatif Kerajaan Negeri dan juga Permodalan Negeri Selangor Berhad walaupun Sekinchan menyebut untuk memberi satu pujian tetapi pujian itu jangan tinggi sangat saya kira kita pun tak tahu akhirnya nanti siapa yang akan memiliki rumah ini. Sebab itu harapan kita supaya olehnya ia dibuat di Sabak Bernam dan anak-anak Sabak Bernam sangat memerlukan kepada rumah mampu milik ini paling tidak biarlah kalau tidak seratus peratus pun biarlah dalam satu *volume* yang tinggi untuk anak-anak Sabak Bernam mengecapi untuk menduduki nikmat rumah Selangor Smart Selangor ataupun rumah mampu milik kemudian sedikit lagi Tuan Speaker kaitan dengan permohonan agar Kerajaan Negeri sebab dalam rancangan tempatan kita telah memutuskan kita telah meletakkan beberapa *area* untuk kita jadikan sebagai agro bandar agropolitan dan saya percaya bahawa kita boleh kita mempunyai kawasan untuk kita bangunkan di Sabak Bernam walaupun kita berkonsepkan artisi yang telah dan kita telah melihat di Kota Baru umpamanya satu kejayaan yang penting ialah roh untuk membantu kalangan petani-petani bagi memasarkan pertanian secara *direct* sebab selama ini, ini yang menjadi kekangan kepada mereka kerana peraih biasanya mengambil harga yang sangat murah dan dijual dengan harga tinggi sebab itu paling kurang kita dapat membantu petani-petani untuk mereka mendapat pendapatan yang jauh lebih tinggi dan begitu juga untuk memastikan hubungan antara masyarakat Sabak Bernam biar dia dekat di hati Sultan Selangor di hati Raja kita supaya beberapa cadangan untuk apa ni untuk membina Masjid Diraja di Sabak Bernam saya sendiri mengharapkan supaya ia menjadi satu kenyataan. Saya percaya pihak Pejabat Daerah tidak ada masalah untuk menyediakan untuk melihat kawasan-kawasan yang strategik untuk kita bina Masjid Diraja tetapi peruntukannya biarlah paling kurang pun hampir sama dengan Masjid Diraja yang dibina di tempat- tempat lain juga seperti di Klang dan sebagainya. Jadi Tuan Speaker saya sekali lagi menyokong usul titah menjunjung kasih atas titah ucapan Tuanku dan saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian saya menganggap Y.B. Sabak adalah pembahas pertama setelah beliau menyokong usul ini saya mempersilakan pembahas kedua Seri Andalas 20 minit.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker, Seri Andalas menjunjung kasih atas perhatian titah ucapan Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan atas ucapan yang telah diberi atas beberapa perkara-perkara isu yang penting di dalam Negeri Selangor. Walaupun tema sekarang dalam negara kita adalah selamatkan Malaysia tapi pada masa yang sama kita kena tahankan Selangor juga. Untuk masa depan rakyat Negeri Selangor dalam ucapan Tuanku telah pun bawa beberapa isu dan saya akan Seri Andalas akan beri cadangan kepada negeri untuk atasi beberapa masalah yang kita hadapi di dalam Negeri Selangor walaupun sekarang pemerintahan di bawah Pakatan Rakyat selama 7 tahun ini telah bawa perubahan-perubahan di dalam cara pemerintahan

juga dengan program-program yang telah kita adakan untuk rakyat keseluruhan Negeri Selangor terutama sekali ialah di dalam pendidikan kalau kita nampak sekarang sistem pendidikan kita sudah pun sampai kepada taraf di mana keyakinan di atas sistem pendidikan di negara kita memang rendah sekali. Kita ada dulu sekali kata PPMSI lepas tu sekarang kita sebut tentang DLP dan sebagainya eksperimen lepas dan eksperimen dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan yang akibatnya ialah anak-anak kita pada masa yang sekarang dan sebab itu kita nampak sistem kita jatuh kalau kita banding dengan negara pesat dekat dengan kita Singapura atau pun Thailand untuknya mereka lebih maju ataupun diiktirafkan yang lebih tinggi kalau kita harapkan di universiti-universiti tempatan. Sebab itu saya minta Kerajaan Negeri Selangor sebab kita bukan pegang Kementerian Pendidikan tapi kita ada 1 universiti UNISEL yang kita adakan di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Kita kena usaha untuk bawakan taraf Universiti UNISEL kepada satu taraf yang lebih tinggi di mana mereka akan diiktiraf sebagai universiti terkenal di dalam Malaysia kita ada peluang sebagai sebuah kerajaan kita ada peluang untuk bawa perubahan ini di dalam sistem itu. Saya tahu untuk jalankan ataupun *expenditure* untuk universiti itu tinggi. Kalau kita boleh usaha bersama-sama dengan kerjasama dengan kerajaan dan swasta untuk kita mengadakan satu *Endowment Fund* untuk universiti ini dimajukan dan kerajaan boleh bersama-sama mengadakan *Endowment Fund* itu dengan peruntukan juga dari negeri. Kita boleh majukan Unisel kepada satu taraf yang lebih negeri. Contohnya kita boleh adakan ijazah dalam *Liberal Arts Programme* ataupun di *Management* dan sebagainya jangan kita masuk dan cuba untuk adakan jadi mahir dalam semua fakulti-fakulti yang ada kita bagi kursus kepada fakulti yang memang pentingnya di dalam Negeri Selangor dan kita bagi tumpuan untuk fakulti itu dimajukan dan dia ada *Recognisable Standard* yang katakan bukan kata ada di Malaysia tetapi di dunia juga. Pada masa yang sama Negeri Selangor ini adalah satu negeri yang di majukan dan pelabur dari luar negara datang juga kepada Malaysia dan negeri yang pertama yang mereka datang ialah Negeri Selangor dan sebab itu kita tengok ada perkembangan baru dengan di mana kita ada *Aeronautical engineering* dan *Aeronautical Sains* dan *Industry Aeronautic* ini dan memang kita kena adakan pekerja-pekerja yang mahir di dalam bidang-bidang ini sebab itu saya cadangkan untuk negeri pada masa yang akan datang untuk tengok kalau kita boleh buka *Vocational Colleges* di dalam Negeri Selangor. *Vocational Colleges* ini adalah kalau kita tengok di negeri *German Germany* lebih tinggi dari universiti dia bawa banyak pemuda-pemuda kita untuk dapatkan *Vocational Skills* dan dia boleh keluar dengan *Vocational Skills* sekarang mereka kata *skills is king* bukan *cash is king* *cash is king* itu satu hebatan yang dipakai oleh Perdana Menteri kita tetapi saya ingat *skill is king* kalau kita ada *skill* untuk jadikan kerja dan peluang kerja di dalam negeri Selangor ini senang di dalam dan saya mintak cadangan ini ditimbang untuk kita bukakan *vocatioan collage* di kalau boleh satu di utara dan satu di selatan Negeri Selangor untuk dimajukan. Dan kita kena teruskan juga dengan pendidikan. Baru-baru ini kita telah bina dua tadika rakyat di dalam Negeri Selangor. Perbelanjaan tidak banyak tetapi tadika rakyat ini ialah untuk berikan ruang untuk *Pre School Education* kepada semua di masyarakat di dalam Negeri Selangor sekarang tanda-

tanda yang menunjukkan masih ada beberapa persen anak-anak dari rumah 5 hingga 7 tahun 6 tahun tidak masuk *Pre School Education* sebab ibu bapa mereka tidak sanggup untuk bayar yuran sekolah-sekolah tadika ini kalau boleh saya cadangkan untuk negeri untuk lebih bina tadika rakyat yang mana subsidi untuk tiap-tiap murid itu dibagi Kerajaan Negeri Selangor melalui peruntukan daripada Exco Pendidikan yang diadakan. Isu yang kedua yang saya nak bawak ialah tanah di dalam Negeri Selangor. Negeri Selangor sekarang kalau kita kata tanah dia mahal dia sama macam emas dah dan ada beberapa tempat di dalam Negeri Selangor yang kita nampak sekarang kita tidak ada tanah bukan dimiliki oleh kerajaan ataupun GLC- GLC kerajaan juga dan ada beberapa tempat di kawasan-kawasan ini sekarang tanah-tanah ini dibiarkan sahaja macam itu dan sebab ini saya ingat sekarang lah masa yang cukup *reserve* yang kita ada banyak itu untuk Negeri Selangor beli balik tanah-tanah yang ada ataupun gunakan Akta Pengambilan Tanah untuk kita gunakan tanah- tanah ini untuk kemajuan kawasan-kawasan tertentu. Sekarang kita kena bina kolam tadahan di beberapa tempat. Ada beberapa tempat tidak ada tanah lagi tanah kerajaan tiada tanah swasta ada dan kita kena gunakan tanah-tanah ini untuk atasi masalah banjir dan juga kemudahan awam ataupun untuk penduduk-penduduk di dalam kawasan untuk mereka duduk dalam satu kawasan yang memang *environment friendly* dikatakan di dalam negeri sebab itu lah saya minta negeri lihat isu ini dan kalau masa sekarang kita boleh beli balik tanah dan simpan dalam *land bank* kita untuk masa depan Negeri Selangor ini lebih baik sebab sekarang lebih murah dari 10 tahun sekarang lah yang saya inginkan dan Tuan Speaker lagi satu ialah sekarang ya sekarang Kementerian KETTHA ya yang buat kerja *Pipe Jacking* dan keseluruhan kawasan dia di mana Indah Water System ini ditukar alih kepada satu sistem baru dengan sistem ini saya nampak di dalam kawasan-kawasan perbandaran tertentu ada beberapa pucuk tanah akan dikosongkan. *Retention point as big as 3* ekar sampai 5 ekar telah pun ditutup dan kawasan tanah-tanah ini dulu ialah tanah Kerajaan Negeri Selangor diberikan kepada Indah Water sebab pada waktu itu untuk binakan *utilities* mereka sekarang tidak di gunakan lagi sebagai satu punca *utilities* tanah itu siapa punya. Soalan saya adakah itu sekarang boleh dikembalikan kepada negeri ataupun tanah ini sekarang dimiliki oleh Kerajaan Pusat. Sebab ini saya bawa sebab kita ada pengalamanlah di mana tanah-tanah Kerajaan Negeri yang diberi untuk syarikat-syarikat utiliti seperti TNB dan Telekom atau pun kepada Polis Diraja Malaysia telah dijual dengan harga yang tertinggi iaitu harga semasa pada sekarang ini. So, ini saya ingat kita kena jaga di dalam kawasan Seri Andalas saja ada 3 cucuk tanah sekarang. Besar 3 sampai 5 ekar yang telah dikosongkan dan mereka sekarang disimpan saya tidak beberapa tahu dia di bawah simpan di mana, tapi saya minta kerajaan untuk tengok ya, macam mana kita boleh dapat balik tanah-tanah ini yang kita telah berikan dulu kepada Kementerian Indah Water ini.

Nombor 3 ialah pengangkutan di dalam Negeri Selangor. Ini satu isu yang besar Tuan Speaker. Memang kita negeri ini negeri termaju di dalam Negeri Selangor. *Transportations* adalah pengangkutan jadi satu isu besar. Saya diberitahu bahawa

dalam *planning* sekarang ada 12 lebih *highway* yang akan dibina di dalam Selangor atau pun khususnya di Klang Valley. Ini *highway* saja bukan termasuk LRT dan sebagainya. So, apa yang kita kena buat memang kita akan hadapi masalah dengan penduduk, masalah dengan *environments vandalism*, masalah dengan orang-orang tempatan dan sebagainya. *This transportation plan* yang kita ada ini kena buka kepada rakyat Negeri Selangor ini untuk kita bincang di beberapa *specifically* di kawasan-kawasan dari tempat-tempat masing-masing. Inilah yang puncanya di mana kita telah dilontarkan dikatakan Negeri Selangor sekarang gunakan *reserve* tanah di dalam Negeri Selangor untuk binakan *highway* dan sebagainya. Walaupun, saya tahu UPEN dan juga kerajaan Negeri Selangor telah kerja kuat untuk buat sesuatu di mana *its a win-win situation* untuk pemaju dan juga untuk penduduk dalam kawasan. Yang dikatakan hutan simpanan kita kalau Negeri Selangor saya ingat kita ada 3 *caveat* di atas hutan simpanan itu untuk tidak digunakan. Tapi kadang-kadangnya kita semualah ya, ADUN kita semua tahu bertanggungjawab, kadang-kadang ini, *you cannot run away from the fact sometimes* kita kena tengok kegunaan dia memang akan terlibat dan kita kena *balance* di antara yang kita boleh buat dengan apa yang kita boleh beri pada waktu itu. Ini saya ingat penting sebab di dalam Selangor ini khususnya Klang Valley kita tidak boleh lari dari isu pengangkutan. Dan *transportations is was of the main issues* yang kita kena bawa dan kita kena bincang untuk kita dapatkan satu penyelesaian yang boleh kata munasabah kepada semua di dalam kawasan.

Yang keempat ialah PBT-PBT di dalam Negeri Selangor ini. Saya nak minta khususnya Seri Andalas ialah di bawah PBT Majlis Perbandaran Klang. Selama ini kita telah dengar isu tentang Klang ini sebab keluasan kawasan isu Klang lebih daripada 500 segi kilometer *if i'm not mistaken*. Dan kita pun bincang dah lama adakah kita hendak pecahkan Klang kepada dua PBT atau pun kita kena teruskan Klang dengan satu PBT saja yang kita ada sekarang. Kalaulah apa-apa pun yang kita nak buat adakah kita nak pecahkan dia kepada dua atau pun kita nak dia berada sebagai satu entiti. Saya ingat kita kena perlu lihat perkembangan di dalam bandar Klang ini. Bandar Klang ini ialah Bandar Diraja Klang bukan bandar yang biasa. Tapi itulah tempat di mana Tuanku berada. So, saya minta ya kerjasama dari kerajaan Negeri Selangor, EXCO berkenaan dengan pegawai-pegawai di Majlis Perbandaran Klang terutamanya YDPnya dengan pengarah-pengarah jabatan-jabatan masing-masing untuk bekerjasama dengan penduduk-penduduk di dalam kawasan terutama sekali dengan ADUN, dengan RA, dengan NGO's untuk adakan *execution* sesebuah program dengan cepat dan tepat.

Saya nak nampak kalau boleh birokrasi ini dipendekkan, *reducekan biro rated* yang ada sekarang di dalam kawasan sebab ini bukan macam dulu ya, bukan macam masa Tun Mahathir dia boleh cakap apa-apa pun orang boleh dengar. Sekarang dengan *whatsapp*, dengan *twitter*, dengan sms, dengan *Youtube* dan sebagainya dan *Facebook*, kerja ADUN ini telah pun jadi berat sangat ya. Kalau kita tak buka *hand phone* kita satu hari, masalah besar dihadapi oleh kita. Sebab kita tak jawab

soalan yang ditanya oleh rakyat kita yang di bawah dan saya ingat ini ialah isu dan saya minta kerjasama dari semua pegawai-pegawai untuk kita atasi masalah yang kita hadapi. Kita boleh bincang dan saya harap ini boleh diselesaikan.

Lagi satulah, saya nak minta isu di dalam PBT ini sekarang kita akan adakan enakmen di mana kita akan tahan institusi Diraja Sultan Selangor dengan pingat-pingat yang diberikan oleh Istana. Pada masa yang sama, saya telah bawakan isu ini di dalam Dewan ini beberapa kali dah. Kita mesti mengadakan satu enakmen atas minuman keras dalam tempat-tempat awam. Saya telah bawa isu ini banyak kali dah di dalam Dewan sampai sekarang saya tak nampak enakmen itu adakah tidak diberikan kepada kita atau pun bila saya hendak bawa sebuah satu usul atas isu ini, saya katakan ialah PDC usul ini saya bawa EXCO kena bawa, so saya tunggulah untuk ya, Kerajaan Negeri Selangor untuk buat satu kajian atas isu ini dan bawa isu ini kepada Dewan ini untuk kita tentukan macam mana kita boleh atasi masalah enakmen *Public Drinking* yang dikatakan.

Satu enakmen lagi ialah enakmen untuk papan tanda dan juga *billboard* dan poster dan binar haram yang dinaikkan khususnya ini ialah poster *Ahlong* yang saya nak bawa dalam Dewan ini. Orang-orang yang di dalam industri ini tak peduli kepada kerajaan. Dia atasi, dia rajalah sebab apa you buat pun dia kembali balik dengan poster ini. Dan kita sebagai wakil rakyat kena jawab di bawah apa fasal poster banyak macam ini. *You* turunkan hari pagi ini, esok petang malam sudah naik balik. *They have got no respect for the rules of the law.* Orang-orang yang buat demikian ini tak kan kita di dalam Negeri Selangor boleh bawa satu enakmen untuk penjarakan atau pun *find* seorang yang cetak *billboard* itu atau pun yang naikkan itu. Sekarang saya nampak dia gunakan budak-budak umur 15 tahun dan 18 tahun untuk demikian. Saya dengar ada *security firm* di dalam kawasan penduduk yang buat demikian. So, ini saya ingat kita kena ambil berat supaya satu kerajaan yang bertanggungjawab kita kena adakan satu jawapan untuk ini macam mana kita boleh bekerjasama dengan PBT-BT untuk adakan enakmen ini. Kita mesti ada *the stick and the carrot* di sini *stick* ini lebih kuatlah untuk digunakan atas orang-orang ini. Saya ingat ini satu-satu tanggungjawablah saya minta EXCO, PBT untuk kaji dan buat untuk demikian.

Dan akhir sekali ialah enakmen di atas orang-orang yang buang sampah serta-merta di mana-mana juga. Ini kita sudah sabar sangatlah ya, PBT belanja banyak untuk kita bersihkan kawasan. Kalau tak silap saya bila Dato' Menteri Besar ambil alih sebagai Menteri Besar Selangor, satu peruntukan telah pun dikeluarkan dari pejabat beliau untuk semua PBT untuk atasi masalah ini. Tetapi saya nampak tidak ada perubahan, ya, *sorry to say* tapi saya nampak tidak ada perubahan. Kalaulah ada cadangan baru macam mana kita hendak atasi ini dan apa yang sebab dia kita tidak boleh *control* ini adakah ini salah hal kontraktor atau pun salah dia sikap penduduk di dalam kawasan terutamanya saya minta ini dikaji oleh EXCO untuk dapatkan satu jawapan ya.

Yang akhir sekali ya Tuan Speaker, saya nak bawa isu di mana kita telah lanjutkan dengan program subsidi air di dalam Negeri Selangor. Saya tidak dapat, Sri Andalas tidak ada masalah dengan program subsidi bayaran air di dalam Negeri Selangor 20 mm padu itu. Tetapi saya ingat kita sudah sampai pada satu tahap di mana kita kena buat kajian semula adakah subsidi ini diberi kepada semua penduduk di dalam Negeri Selangor ataupun khususnya subsidi ini diberi sahaja kepada golongan miskin di dalam negeri Selangor contohnya yang duduk di Pangsapuri kos rendah dan juga pendapatan, katakan pendapatan RM3000 dan ke bawah, subsidi ini diberi kepada mereka semua bukan untuk ADUN-ADUN ataupun untuk Senator dan Ahli Parlimen dan juga orang-orang yang dekat-dekat Istana dan sebagainya. Saya ingat ini penting untuk kita buat kajian dan saya ingat tidak ada masalah kalau bawa kepada DUN juga untuk perhatian ADUN saya ingat banyak akan bersama-sama kita untuk teruskan dengan program tetapi ada kaveatnya kepada siapa kita nak bagi air percuma ini. Dan dalam musim panas ini kita hadapi masalah kekurangan air kita sudah selesai dah dengan Langat 2 lama-lama ni sebab kita ada *willing seller, willing buyer* itulah yang kita capai. Dulu tak ada *willing seller, willing buyer*, sebab itu sudah jadi lama. Saya takkan tuduhkan pada Putrajaya Barisan Nasional ataupun kerajaan kita tetapi sebagai seorang yang terlibat didalam isu ini selama ini, saya tahu, saya faham, pasal apa lama dia untuk kita selesaikan masalah air di dalam Negeri Selangor. Syabas dan tahniah, sekarang kita telah pegang air di dalam Negeri Selangor di bawah Syarikat Air Selangor Berhad dan kita akan cuba untuk atasi masalah *non-revenue water* dan sebagainya. Tapi, saya ingat kita kena mulakan dengan pendidikan untuk rakyat negeri Selangor atas penggunaan air tiap-tiap rumah.

Menteri Besar telah beritahu kepada kita bahawa kita, *per household* di dalam negeri Selangor *is the highest in Malaysia* penggunaan air. Ini kena dimulakan dengan pendidikanlah, dengan mana kita boleh jimatkan air dengan kekurangan penggunaan air di dalam rumah masing-masing. Ini penting sebab cara ini akan menyelamatkan kita dalam jangka panjang walaupun kita akan bina beberapa *reservoir* ataupun tempat-tempat yang kita akan adakan *purification plan* dan sebagainya tetapi kalau kita tidak bawa mesej di mana kita kena jimatkan air kepada penduduk dan rakyat Selangor tak faham ini, kita akan ada masalah keterusannya dengan air macam mana cekapnya kita di dalam pemberian air kepada rakyat negeri Selangor. Saya akhirkkan Speaker dengan katakan sekarang kita di fasa *Smart Selangor* ini, *Smart Selangor* bermakna kita kena kerja kuat untuk bawa perubahan-perubahan kepada keseluruhan rakyat negeri Selangor. Sebab itu, saya minta semua program yang dilancarkan oleh negeri melalui beberapa EXCO-EXCO Tempatan ini mesti beritahu kepada ADUN-ADUN atas program-program ini sebelum dilancarkan. Saya ingat ini penting sebab kita yang bawa program-program ini kepada kawasan masing-masing untuk dapatkan *effectiveness* itu dibawa keseluruhannya. So, ini lah ucapan saya, saya lagi sokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan adakan sesi pada masa ini, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Speaker, kerana memberi saya peluang sebagai wakil DUN Pelabuhan Klang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor sempena Pembukaan Majlis Pertama Penggal Keempat Persidangan Penggal Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada 30 Mac 2016. Rakyat Selangor amat bertuah memandangkan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam mempertahankan kedaulatan negeri dan kepentingan rakyat di samping memastikan kesinambungan, kecemerlangan dari perspektif pertumbuhan mampan dan lestari demi kesejahteraan rakyat. Saya lihat Tuanku Sultan menerima konsep ketelusan, kebertanggungjawaban dan berkeupayaan. Kedua, Tuanku Sultan juga menerima konsep tentang dengan adanya ketelusan, kita dapat mengurangkan gejala rasuah dan dengan itu, kita akan dapat menyalurkan kekayaan Negeri Selangor sebegitu ramai penduduk rakyat negeri Selangor. Jadi, Tuanku telah menggunakan perkataan *Smart Selangor*, saya fikir kita akan nilaikan keupayaan kita untuk, sebagai asas sama ada kita berjaya untuk membawa kepentingan rakyat ke tingkat yang kita inginkan. Salah satu perkara yang saya ingin nyatakan di sini supaya ahli-ahli dewan yang ingin meneruskan usaha mereka dalam memperjuangkan rakyat ialah manifesto Pakatan Rakyat boleh jadi akan bertukar tapi satu manifesto yang saya rasa saya hanya tumpukan kepada 'Air Bersih, Hak Asasi Rakyat'. Saya nampak manifesto ini sudah diterima bukan sahaja daripada rakan-rakan yang bersama dengan saya dan rakan-rakan yang tak bersama dengan saya dah jadi bersama dengan saya dengan rakan-rakan semua, jadi seluruh Dewan Negeri percaya tentang hak asasi rakyat dalam usaha air ini.

Saya ingatkan beberapa perkara sebab kita dah jadi *smart*, kita kena ukur. Satu ialah, melindungi hak rakyat Selangor untuk mendapatkan air bersih pada harga yang berpatutan menerusi penyusunan semula industri air. Itu yang kita janjikan. Membuka peluang kepada rakyat Selangor, memiliki saham air Selangor, itu pun kita tulis dalam penyusunan semula ini. Jadi, apabila penyusunan semula syarikat-syarikat industri air berjaya maka seluruh rakyat Selangor dan akan berpeluang memegang saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat air milik Selangor iaitu Air Selangor mungkin ini bermakna hak air dipegang secara amanah oleh Kerajaan Negeri bagi pihak rakyat. Jadi, ini yang kita perjuangkan dan saudara saudari akan ditanya sama ada kita dapat melaksanakan perkara ini. Ada beberapa perkara yang kita kenali iaitu bekalan air terawat mencukupi bagi penggunaan isi rumah dan industri yang perlu kita selalu fikirkan. Perkhidmatan air efisien, bebas gangguan serta pada caj yang berpatutan dan tidak membebankan rakyat. Jadi, yang paling penting ialah berakhirnya perjanjian konsesi berat sebelah yang nyata hanya memberi keuntungan berlipat ganda pada pemegang konsesi. Dan pemulangan

semula aset berkaitan air kepada rakyat dalam bentuk saham. Saya mengikuti perkembangannya, saya dapati masih belum selesai penyusunan semula ini. Walau bagaimanapun, saya ingatkan kita mesti bekerja keras supaya kos keseluruhan penyusunan semula industri air ini tidak melebihi 9.65 bilion. Jadi saya nak ingatkan itu sebab lagi harga pembelian tinggi, rakyat kena beli dengan harga yang tinggi dan bila harga pembelian tinggi kosnya akan dilihat melalui harga penjualan air jadi itu sebab saya nyatakan. Sudah tentu rakyat Selangor akan berterima kasih kepada *Smart Selangor* kalau dapat mengurangkan daripada 9.6 ke-8 bilion. Jadi, saya nak ingatkan supaya apabila kenaikan harga ini dia akan memberi kesan kepada perancangan yang kita janjikan kepada rakyat. Saya lihat kita telah memberikan harga-harga yang kita rasa sesuai dan munasabah. Ada juga orang yang mengatakan sudah menghayakan mereka, ada juga, tapi dengan harga 9.65 ini munasabah untuk kita mengambil alih. Satu perkara yang belum selesai ialah mengenai dengan *SPLASH* yang mana dalam berita-berita yang saya baca terdapat tidak penerimaan. Saya nyatakan di sini bahawa Negeri Selangor mesti bersikap tegas sebab kalau mereka hanya nak menerima lagi, dengar khabar daripada surat khabar, itu tak semestinya betul. Nak bertambah menjadi ditambah RM1000 juta lagi. Kalau ditambah dengan harga RM1000 juta lagi, rakyat Selangor kena membayar RM1000 juta dan saya nak ingatkan, itu tak *Smart* sebab, apa yang tak *Smart*? Kalau RM1000 juta itu disimpan dalam kewangan, dalam simpanan kewangan, Pengarah Kewangan Negeri dan melaburnya dengan pulangan 4%. Sudah, kita dapat jumlah simpanan hasil, hasil simpanan sahaja ialah RM40 juta. Jadi, RM40 juta lebih besar daripada elaun yang kita potong supaya nak menolong rakyat. Lebih baik kita kurangkan pembayaran, bekerja lebih keras untuk mengurangkan pembayaran kepada pemegang-pemegang konsesi air ini kerana dengan itu, kita dapat menjimatkan hasil dan pembayaran oleh rakyat. Jadi, saya berharap dan kita juga menengok tatacara yang boleh digunakan. Satu daripada tatacara yang boleh digunakan sebab LUAS mempunyai kuasa ke atas air mentah negeri Selangor jadi LUAS ada mempunyai kuasa dan boleh membuat beberapa penahanan tentang, yang tidak boleh digunakan oleh *SPLASH*. Kedua, kita juga ada kuasa tentang menentukan *bulk service ratio* ataupun sekarang pembayaran-pembayaran ini tidak kita hentikan masih menyebabkan Kerajaan Negeri dan rakyat yang membeli air terawat itu pulangan kepada mereka yang menjalankan air terawat tersebut melebihi 35%. Jadi, oleh sebab itu sudah tentu mereka akan menyatakan nilai saham mereka tinggi tapi kalau kita katakan sekarang harganya ialah dikurangkan dan pulangannya hanya 8% saja, sudah tentulah harga dan nilai saham tersebut akan balik kepada kiraan yang kita ada sekarang. Dan saya harap perkara ini dibincangkan Jawatankuasa Dewan juga perlu membincangkan perkara ini supaya kita rasa megah kerana rakyat Selangor dapat mencari jalan untuk menentukan saham ini dimiliki oleh rakyat jadi kalau dia bagi air percuma pun dia fikir dua kali macam Seri Andalas untuk memilih siapa yang dapatnya sebab dia jadi sekarang tauke air. Jadi, kita boleh lihat ini satu perkara yang saya rasa mula-mula agak tidak diperhatikan oleh rakyat dunia, saya didatangi oleh beberapa orang daripada Mexico dan juga Brazil yang mengatakan dia nak tanya kita sama ada kita



boleh lakukan untuk mereka juga. Jadi, bererti mereka juga melihat bagaimana kapitalis ekonomi ataupun *economy capitalist* telah menyerahkan kuasa kapitalis tersebut kepada rakyat. Jadi, kita cuba dan saya percaya rakan-rakan di Parlimen Malaysia juga sudah melihat perkara ini ialah satu cara yang sebaik-baiknya merapatkan dengan rakyat. Jadi, ini bukan satu perkara yang kita tidak merasa jadi oleh sebab itu saya berharap kita mengkaji lesen *extract* air.....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Pelabuhan Klang, boleh berhenti sekejap. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab urusan Dewan hari ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya persilakan Yang Berhormat Sungai Pinang untuk membawa usul.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, bagi pihak Y.A.B. Dato' Menteri Besar, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung hingga jam 5.30 petang”.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'TIDAK'.

Usul dipersetujui. Baiklah, Pelabuhan Klang boleh sambung. Saya bagi setiap orang 20 minit. Silakan.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya mengingatkan apabila kita dah dapat menjaga dan memiliki air ini kita kena juga menjaga kos dan kecekapan kita. Jadi, saya berharap Jawatankuasa Dewan juga akan memantau tentang hasilnya selepas kita ambil alih bagaimana usaha pengurusan menguasai SYABAS dan berapa penjimatan-penjimatan yang telah dibuat dan bagaimana kebaikan kita? Kedua, saya rasa kita jangan ghairah untuk membuat *capital investment* yang sangat tinggi sebab kita rasa kita kena ada *priority* dan walaupun ada keadaan kecemasan boleh jadi air kekeringan dalam keadaan kekeringan kita telah mencuba mengadakan kontrak secara *emergency*. Kontrak secara *emergency* adalah antara sebab mengapa kita akan membuat keputusan yang harga tinggi akan berlaku. Jadi, perancangan air ialah bukanlah perancangan satu dua tahun tetapi dia mengambil masa berpuluh tahun. Jadi, oleh sebab itu saya nak ingatkan lebih baik kita mengurangkan *non-revenue water* daripada air. Jadi, kita akan Kerajaan Negeri mesti meminta Langat 2 dipercepatkan. Kedua, oleh sebab Langat 2 tidak, masih lagi dalam proses kita juga berhak untuk meminta Kerajaan Persekutuan memberi kita air yang dari Langat yang tidak termasuk di dalam air terawat untuk diberikan ke Negeri Selangor sebagai

rundingan secara percuma. Jadi, kita boleh fikirkan dengan *smart* dengan perkara tersebut. Itu beberapa cadangan saya. Oleh sebab saya ada masa yang singkat, kedua saya nak nyatakan sebagai bekas Menteri Besar saya juga mengingatkan diri saya dan semua orang bahawa tentang ketelusan iaitu ketelusan perbelanjaan DUN. Jadi, ketelusan perbelanjaan DUN itu mesti dilakukan. Saya dapati saya tidak dapat senarai perbelanjaannya walaupun saya tidak menurut tapi ada baiknya kita diberitahu ke mana dana-dana ini digunakan sebab apabila saya berjumpa dengan ketua-ketua kampung, dia cakap “ada duit tapi tak nampak”. Jadi saya kata, dan dia juga cakap “Yang Berhormat Tan Sri, kalau Tan Sri pun kadang-kadang tak bagi juga jadi tak apa saya terima itu”. Jadi, kedua, saya juga ingin menyatakan tentang saya pengisytiharan harta. Jadi, saya tengok web kita, laman web kita yang kita gunakan tak ada pembaharuan. Maknanya bukan pembaharuan mengatakan tak ada membeli tak apalah. Tapi tak ada pembaharuan *update*. *Update* tu maknanya pada hujung tahun sama ada tak beli pun tak pe tapi *this is updated at that time*. Jadi, kita kena tunjukkan ketelusan daripada segi sebab perkara ini ada dibuat. Saya juga ingin mengambil masa sedikit untuk mengingatkan kepada kita seperti juga yang D.Y.M.M. Tuanku tentang kontrak-kontrak yang disain oleh Kerajaan Negeri dan juga anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Jadi itu penting kerana sebab apabila kita katakan kita akan mengagihkan kekayaan kita kepada rakyat yang ramai. Jadi, oleh sebab itu, keuntungan-keuntungan yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini dan diberikan kepada negeri ataupun disalurkan terus kepada rakyat. Ada dua perkara yang saya nak bangkitkan sebagai contoh, saya juga telah bangkitkan tersebut, PKNS pada 2002 membangunkan sebidang tanah 159 ekar di Seksyen 13 Shah Alam dan mereka telah diberi tempoh lebih daripada sembilan tahun untuk menjalankan pembangunan tapi untuk memberi pulangan kepada PKNS RM180 juta. Malahannya sekarang pada 2014 saya diberitahu tidak, PKNS tidak meneruskan perjanjian tersebut dan 40 ekar belum dibangunkan dan hutang tertunggak PKNS masih lagi RM180 juta. Jadi, saya berharap RM180 juta ialah angka yang sangat besar jadi, potong elaun tak payahlah kalau dapat RM180 juta ini, jadi itu adalah cadangan. Jadi, Jawatankuasa ABAS menengok perkara ini supaya kita mencari jalan bagaimana kita boleh mengambil perjanjian tersebut dan dapat diselesaikan. Dan, ada lagi satu tentang 100 ekar tanah di Setia Alam di mana Paksi Gagas telah terlibat dengan nilai RM120 juta. Jawatankuasa ABAS telah melihat perkara ini dan boleh jadi kena lagi. Jadi, daripada segi tanggungjawab Ahli Dewan Negeri dan juga untuk menentukan hutang-hutang kita dibayar dan tanah-tanah kita dijaga dengan baik dan seterusnya. Jadi, saya memakan masa. Saya terima kasih tapi saya nak ingatkan Dato’ Speaker, saya akan bertanya bila EXCO dan Kerajaan Negeri membuat jawapan pada masa tersebut saya akan hadir. Jadi saya, walau bagaimanapun, saya lihat perlu kita melihat...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker. Mohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Pelabuan Klang. Tadi sebelum diberhentikan oleh Speaker tadi, Yang Berhormat ada menyatakan pasal lesen *extract* air. Saya nak minta Yang Berhormat jelaskan perkara tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Dia dipanggil *bulk service fee*. Saya nak tunjukkan ada kertas kerja yang dibuat. Kejayaan kita telah buat, kita telah persembahkan dekat Dewan beberapa kali. Kerajaan menyusun semula industri perkhidmatan air sebab kita. Dapat menyingkir ketidakcekapan operasi sebab semua operasi dibuat sekali. Teknikal dan kewangan di bawah model konsesi. Seperti peluang membuat keuntungan melampau. Tak bolehlah sebab kita caj kita sama kita kalau...dan menurunkan kadar perkhidmatan pukal penukaran air, memproses air mentah kepada air terawat. Itu yang memproses air mentah kepada air terawat dipanggil *bulk service rate* yang terlalu tinggi pulangnya ialah 35%. Kalau saudara belajar tentang *business* pula oleh sebab terlalu tinggi orang yang dapat lesen tersebut sub-kontrak pula. Jadi, dia dapat goyang kaki sedikit dan keuntungannya boleh jadi dia dapat 15% orang lain tu dapat 20%. Tapi, syarikat yang paras munasabah saya nak bila saya ditanya berapakah harga paras yang munasabah untuk *take all* maknanya kita keluarkan air mesti dibeli. Maknanya keluarkan air mesti dibeli iaitu lebih antara tujuh ke 8% saja. Maknanya *guarantee of take*. Perkara ini sama. Saya nak termasuk cerita Tenaga Nasional yang kena juga begini tapi telah dihentikan iaitu masa perjanjian dengan YTL dulu jadi saya rasa kedua-duanya sepatutnya dihentikan.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Pelabuhan Klang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nak minta penjelasan sikit.

**TUAN SPEAKER:** ADUN seterusnya yang nak bahas.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak minta penjelasan sikit tadi.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan sikit Pengerusi?

**TUAN SPEAKER:** Masa sudah habis untuk setiap ADUN. Banyak lagi ADUN nak bahas ya. Baiklah, Batang Kali. 20 minit.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** *Bismillahir rahmanir rahim wabinastain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam sehati sejiwa. Pertama sekali saya nak ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi ruang dan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Titah Menjunjung Kasih Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Saya mengikuti Ucapan Tuanku dengan penuh minat dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku. Daripadanya itu di

kesempatan hari ini saya nak menyentuh beberapa perkara terutamanya dalam muka surat 5 ucapan Tuanku mengenai dengan Laporan *Malaysian Investment Development Authority* iaitu sebuah Agensi Kerajaan Pusat yang mencatatkan atau menceritakan tentang prestasi Negeri Selangor yang pada ketika ini mengikut laporannya pelaburan di sektor perkhidmatan di tangga ke-2 dan pelaburan sektor perkhidmatan dan juga sektor perindustrian nombor 3. Jadi Tuanku nampaknya berkenan dengan prestasi berkenaan cuma saya nak ambil perhatian ataupun menasihati Kerajaan Negeri Selangor supaya tidak terlalu ghairah dan tidak terlalu berbangga dengan pencapaian Negeri Selangor ini. Dalam masa yang sama saya juga mengingatkan Kerajaan Negeri kita juga harus berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang sentiasa mendukung dan menyokong apa juga inisiatif yang baik untuk kita mengekalkan persekitaran yang kondusif yang baik yang sesuai untuk pelabur asing untuk melabur di negara kita. Demi kesejahteraan rakyat secara keseluruhan kita harus akui bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menjaga kestabilan negara dari semua aspek, dari semua sudut, dari semua segi yang mana kita lihat yang sentiasa diganggu, yang sentiasa dirobek dan setiap masa ada saja yang mengacau, yang membuat perkara-perkara dengan harapan agar segala rancangan pembangunan gagal supaya dengannya barangkali mudah menuding, membesarkan cerita mengenai kelemahan Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri harus mengakui bahawa kerja keras Kerajaan Pusat impaknya pada hari ini atas usahanya, tempiasnya terbukti sampai untuk dinikmati oleh semua termasuk Negeri Selangor. Ini berdasarkan juga kepada laporan yang dirujuk sendiri oleh Kerajaan Negeri iaitu Laporan Agensi Pusat iaitu MIDA. Pertumbuhan negara kita daripada 2009 hingga 2014 kalau dilihat daripada 5 bilion sudah meningkat kepada 5.9 bilion. Jadi buktinya hasil daripada pertumbuhan pelaburan yang begitu baik ini, hari ini kita lihat kadar inflasi turun ke tahap 2.1 dan kadar pengangguran juga turun daripada 4.5 kepada 3.2% dan diakui sendiri oleh Bank Dunia. Baru tadi saya dapat *message* bahawa Busu iaitu Ketua Ekonomi Bank Dunia mengatakan bahawa kadar kemiskinan melampau dalam negara kita juga menurun hingga ke 0.28 % dan antara yang tertinggi di dunia. Jadi oleh itu saya harap Kerajaan Negeri tidak riak, tidak sombong dan harus mengakui kita banyak bergantung kepada kecekapan agensi-agensi pusat dan inisiatif-inisiatif Kerajaan Pusat dan juga galakan Kerajaan Pusat untuk membolehkan pelabur-pelabur datang dengan selesa ke negara kita. Oleh kerana itu saya menyeru kepada Kerajaan Negeri agar memperbanyakkan inisiatif dan mengurangkan kebergantungan mereka terutamanya statistik pun bergantung pada MIDA lagi. Jadi kita harus mempunyai *database* kita sendiri dan kita juga harus pandai mengukur kejayaan kita secara kita sendiri dan kita juga seharusnya memperbanyakkan inisiatif-inisiatif yang lebih baik daripada yang ditawarkan oleh Kerajaan Pusat yang pada hari ini terbukti telah menarik banyak pelabur ke negara kita. Bukan sahaja saya dimaklumkan, bukan sahaja dengan melawat ke luar negara. Apa yang saya difahamkan lebih 18 lawatan dilakukan untuk yang menggunakan duit rakyat yang banyak untuk kita menarik pelabur-pelabur di dalam ataupun di luar negara yang kita tengok prestasinya belum lagi boleh dibanggakan. Jadi oleh itu seruan ataupun titah ucapan Tuanku itu perlu kita tafsirkan dengan baik

dan kita harus memperbanyak inisiatif-inisiatif dan seharusnya kita kembali kepada tahap yang mana kita terunggul di dalam negara kita sendiri.

Yang kedua saya juga nak memetik mengenai dengan muka surat 8 Titah Ucapan Tuanku mengenai dengan *Centre of Excellence* dan *Excellence Without a Soul*. Ini satu harapan dan satu kebimbangan yang ditunjukkan oleh Paduka Tuanku mengenai inisiatif Kerajaan Negeri iaitu *Centre of Excellence* dalam masa yang sama beliau mengatakan tentang kebimbangannya *Excellence Without a Soul*. Saya khuatir *Centre of Excellence* ini indah khabar daripada rupa. Apa dah jadi dengan prestasi UNISEL? Dan apa dah jadi dengan prestasi KUIS? Saya difahamkan murid-murid yang memohon untuk masuk ataupun pelajar-pelajar yang memohon untuk masuk kedua-dua di universiti ini merosot dan saya juga diberitahu mereka terpaksa meminta-minta. Ini KUIS terpaksa meminta-minta dari satu institusi tahfiz yang terkenal, yang *steady* yang dipelopori oleh Kerajaan Pusat untuk mendapat murid-murid masuk ke dalam KUIS. Jadi ini bukan satu petanda yang baik ini menunjukkan satu petanda bahawasanya kita mengejar untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai satu *Centre of Excellent* rupa-rupanya ada kita punya kelemahan yang perlu kita teliti, perlu kita ambil peduli dan kita selesaikan. Ini belum lagi kita sentuh bab kelengkapan dan prasarana-prasarana yang tidak cukup dan tidak setimpal dengan yuran yang dikenakan. Kita harap dengan lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini ke UNISEL akan memberi satu harapan baru kepada industri pendidikan ataupun di universiti-universiti tajaan Kerajaan Negeri.

Seperkara lagi dalam Yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku tadi yang saya petikkan mengenai *Excellence Without a Soul*. Ini bermakna bagi saya Duli Yang Maha Mulia Tuanku menekankan pentingnya *Excellence With a Soul*. Baginda bagi saya tidak mahu sumber tenaga manusia yang lahir dari pusat-pusat pengajian tinggi kita yang ditaja oleh Kerajaan Selangor merupakan mereka yang *Excellence Without a Soul*. Jangan asyik nak melahirkan ini saya nampak jelas dalam negeri kita terutamanya Lembah Klang ini. Jangan asyik nak melahirkan generasi songsang, generasi yang kononnya kita latih untuk menjadi kritikal tetapi tidak praktikal dan tidak etikal. Ini satu fenomena yang kita harus ketepikan. Contoh ini sudah pun wujud dan contohnya macam lahirnya sekolah demokrasi ataupun *school of democracy* yang dipelopori ataupun guru-gurunya yang saya difahamkan merupakan orang-orang yang mempunyai ideologi sosialis yang berbeza dengan amalan negara kita yang menerapkan budaya-budaya demokrasi jadi ini *school of democracy*.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali sekolah demokrasi bukan program Kerajaan Negeri. Sekarang kita dalam Dewan Negeri Selangor, bahas...

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sekejap lagi akan masuk, sikit saja.

**TUAN SPEAKER:** 20 minit sahaja masuk terus.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Okay-okay, yang menghasut golongan muda dengan mentafsir semula perlembagaan negara dengan tafsiran-tafsiran yang boleh mengancam keselamatan negara. Yang ini saya nak tanya dengan Kerajaan Negeri apakah mereka penaja program-program ini kerana kita dapati kelas-kelas yang dilakukan adalah menggunakan premis-premis kepunyaan Kerajaan Negeri. Saya minta penjelasan ataupun mungkin barangkali ADUN DAP boleh jawab.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Boleh tak bagi ulasan mana premis kerajaan yang digunakan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Hah itu nanti jumpa saya. Atas sebab itu.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Kalau ada tuduhan itu mesti ada butiran dia.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Okay salah satu daripada tempatnya adalah hotel di Kuala Lumpur, hotel ..

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tadi kata aset Kerajaan Negeri, bangunan Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** *You* punya hotel itu di depan MARA itu jadi di depan MARA itu apa dia..

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali ada beza aset parti dengan aset Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri saya bagi contoh macam Dewan Orang Ramai, Dewan MBSA. Aset parti hotel persendirian, mana satu ini?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itu bukan aset parti itu Kerajaan Negeri punya *share*.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Hotel mana?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Depan, bukan-bukan..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Hotel pun tak tahu buat pertuduhan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Depan MARA itu.

**TUAN SPEAKER:** Okay, ADUN semua, Ahli Dewan Negeri...

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Hotel Quality.

**TUAN SPEAKER:** Kalau nak bangkitkan mesti ada fakta jangan baca skrip disediakan orang lain.. kena tahu fakta sendiri

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Hotel Quality, Hotel Quality,

**TUAN SPEAKER:** Kena tahu fakta sendiri.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta maaf Tuan Speaker. Bagi saya laluan untuk memberi penjelasan Hotel Quality ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya minta nak tahu ini kalau Hotel Quality nak tanya adakah ada bukti tidak dibayar , ada dibayar sewa atau tidak?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya mengatakan di sini bahawa ada premis-premis...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sekarang ada pertuduhan, saya nak tanya ini kalau hotel ada bayaran tak, jawab. Saya nak tanya sekarang ini. Ini satu pertuduhan liar, saya minta bagi

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Di sini saya memohon penjelasan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ini satu pertuduhan liar. Saya minta bagi..bagi...

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bukan tuduhan liar saya ingin mendapatkan satu penjelasan..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Bagi butir-butir kalau tidak duduk.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya ingin mendapatkan satu penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tidak tarik balik. Butir-butir dia mana?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tidak tarik balik, saya nakkan penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Mana butirnya? Mana hotelnya? Bayar atau tidak bayar?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Hotel Quality saya kata.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Bayar atau tak bayar?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Peraturan Tetap.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bayar atau tak bayar Kerajaan Negeri jawab.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Bayar atau tak bayar dulu ? Mana butiranya? Ini pertuduhan . Kalau berani buat pertuduhan betul-betul.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang dilakukan yang boleh mengancam negara.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Apa mengancam negara?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kita boleh tahu..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kalau mengancam negara polis boleh tangkap tak payah tunggu Batang Kali bercakap di sini.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Perkara ini seharusnya diambil peduli.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Batang Kali boleh tolong duduk dahulu. Sungai Pinang duduk. Ya Teratai Peraturan Tetap mana?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Ya Peraturan Tetap Tuan Speaker (36) (i) Seseorang ahli yang hendak menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Teratai dengan ini menyatakan bahawa apa yang dikatakan tadi tidak ada kaitan langsung dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balik kepada ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sambung.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker, supaya tarik balik kenyataan itu yang sangkaan jahat.



**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sebab itu saya meminta perhatian dengan fenomena-fenomena yang berlaku dengan menyahut seruan Duli Yang Maha Mulia Tuanku maka saya meminta Kerajaan Negeri supaya mengalih atau mengkaji semula fokus kita kepada mentarbiah modal insan ini sebelum mereka ke tangga di universiti dengan memberi penekanan. Kalau bagi orang Islam contohnya seperti sekolah-sekolah KAFA dan SARA.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Ya Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya baru dapat maklumat daripada Pegawai Kerajaan kita bahawa Hotel Quality Kuala Lumpur bukan milikan Kerajaan Negeri Selangor. Jadi dia membuat pertuduhan yang melulu yang liar. Sila tarik balik.

**TUAN SPEAKER:** Saya minta Batang Kali, ada banyak bantahan sini kerana tuduhan yang tak betul.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** YB Speaker, di dalam saya punya ucapan tadi (itu sebabnya saya baca pakai teks), saya bimbang kerana ada kelas-kelas berkenaan berlaku di negeri kita di dalam

**TUAN SPEAKER:** Kuala Lumpur bukan negeri Selangor.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Di premis-premis yang dulu adalah kepunyaan Kerajaan Negeri. Jadi, saya meminta penjelasan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tapi premis itu bukan kepunyaan Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tidak menuduh. Saya cuma minta penjelasan. Kalau benda ini silap/salah, jawab. Ini bukan saya macam tadi itu. Saya *respect* lah. Maknanya Sungai Pinang ada maklumat. Bagi tahu benda ini tidak. Jawab.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Jadi

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bila dia menggulung nanti dia jawablah. Saya minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, Batang Kali. Sungai Pinang sekarang *on the spot* ada penjelasan. Sudah berikan. Jadi

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Penjelasan dia nanti dia jawablah. Saya tidak ada masalah untuk menerima jawapan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Sudah dijawab. Jadi minta tarik balik.

**TUAN SPEAKER:** Sudah dijawab. Aset itu bukan milik kerajaan negeri.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Apa sebab saya nak tarik balik? Saya tidak membuat tuduhan apa-apa.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Sebab kamu buat tuduhan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, minta dia tarik balik sebab tidak berasas. Tuduhan itu liar. Tuduhan liar nak kena tarik balik.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tak ada buat tuduhan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker, minta tarik balik.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sekinchan, saya tidak membuat apa-apa dakwaan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kalau betul tak apa. Ini tuduhan liar. Tiada fakta.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tarik balik.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Itu auta..

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itu satu penjelasan. Saya hendak minta penjelasan. Betul, jawab. Tak betul, cakap tidak.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kita minta pembangkang tolong betulkan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker, minta tarik balik kenyataan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini tak faham-faham macam mana Sekinchan?

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama, apa dia?

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak tanya Batang Kali. Apakah

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ok, saya *proceed* Tuan Speaker. Minta maaf, saya nak *proceed* dengan saya punya '*next*'.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, terima kasih. Teruskan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ok. Jadi saya memohon kepada kerajaan negeri untuk memberi lebih banyak peruntukan kepada sekolah KAFA dan SRA dan yuran pengajiannya seharusnya lebih murah dan kalau boleh percuma kerana kita sudah pun mendapat maklum ada ibu bapa yang tidak mendaftar ke sekolah KAFA kerana kerugian (kerana yuran yang tinggi) dan buku-buku yang mahal yang terpaksa dibeli dan jangan sampai nanti kita perkara-perkara yang boleh merosakkan sosial ini kerana kelalaian kita nanti menjadi kenyataan. Oleh itu, saya minta supaya fokus kepada keagamaan ini dilebihkan agar apa yang diminta oleh (yang dimaksudkan oleh) Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai '*excellence without a soul*' itu menjadi kenyataan.

Yang ketiga, saya juga nak (ada lagi lebih kurang sikit lagi tu). Saya terus kepada yang ketigalah. Alam sekitar ni kita lepaskan dulu. Ataupun kita nak masuk alam sekitar. Bagus juga alam sekitar ni.

Kita mengambil berat atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai alam sekitar. Segala usaha mengenai penjagaan alam sekitar ini hendaklah benar-benar dinampakkan. Saya menyeru kepada kerajaan supaya meneliti dan mengkaji semula peruntukan '*Green Belt*' bagi setiap tapak pembangunan baru termasuk keperluan menguatkuasa atau meminda undang-undang kecil mengenainya sekiranya perlu. Jangan ada pula pelepasan-pelepasan istimewa yang diberi atau jangan ada pula balak-balak yang secara sorok-sorok diberi kelulusan untuk ditebang. Mentang-mentang nilainya mencecah jutaan ringgit. Hutan-hutan simpan ini mesti dijaga dan dikawal. Jangan buka tender ikut suka hati, lepas itu cakap '*willing seller, willing buyer*'. So, Warta 2008 yang disebut oleh Sekinchan itu perlu dikuatkuasakan dan benar-benar terbukti dan nampak ia dikuatkuasakan. Jadi, saya ucap terima kasihlah kepada Sekinchan yang membawa perkara 2008 ataupun warta yang tidak membenarkan hutan-hutan simpan ini untuk ditebang balaknya.

Yang akhir sekali Tuan Speaker, mengenai dengan integriti janji. Akhir tahun lepas YAB Menteri Besar memaklumkan kepada media bahawa struktur dan perincian operasi DEIG sudah hampir siap dan akan dibentangkan kepada Penasihat Undang-undang dan kemudian akan dibentangkan pada Sidang Dewan. Saya minta sikit untuk habiskan perkara ini YB Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Satu minit lagi.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ya, terima kasih. Kita mahu perjalanan proses DEIG. Saya *quote* Menteri Besar punya ucapan ataupun perkataan “kita beri jaminan struktur DEIG ini telus dan telah disiap. Kerangka ini akan dirujuk kepada Kamar Undang-undang Negeri untuk mendapatkan maklum balas perundangan sebelum dibentang kepada Lembaga Pengarah MBI dan sebelum dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Kita mahu perjalanan operasi DEIG ini dipantau oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri serta pengauditan oleh Jabatan Audit Negara”. Persoalan saya setakat mana pelaksanaannya? Mana strukturnya? Apa perincian operasinya? Siapa jawatankuasa pemantaunya? Sudahkah ia di dalam makluman Audit Negara? Atau kenyataan YAB Menteri Besar itu satu retorik ataupun mainan politik semata? Ini bukan olok-olok. Cuba Ahli Dewan buka *website* DEIG. Akan kelihatan sekarang *wording* ‘*under construction*’. Takkanlah bagi saya sebagai satu syarikat yang wibawa yang digambarkan sebagai satu konglomerat yang tersohor suatu masa nanti yang boleh memberi keuntungan yang banyak kepada kerajaan negeri sengaja nak menyorok maklumat dengan berselindung di bawah kenyataan ‘*this website is under construction*’ atau semua ini salah feng sui lagi?

Tuan Speaker, kita bimbang jika semua ini tidak telus, kemungkinan DEIG disalah guna dan saya harap apa yang saya kata ini tidak berlaku ia akan dijadikan sebagai ‘*money making machine*’ (dengan izin).

Tuan Speaker, saya menjunjung kasih (menyokong dan menjunjung kasih) titah ucapan Tuanku. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan saya untuk menjunjung kasih usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Pertama sekali saya nak berterima kasih kepada Kerajaan Negeri sebab memberi pengecualian cukai taksiran kepada penduduk-penduduk di kos pangsapuri rendah dan rumah-rumah kampung. Dan saya terus kepada apa yang ucapan Duli Yang Maha Mulia.

Duli Yang Maha Mulia mengatakan bahawa baginda mahu negeri ini menjadi sebuah *smart state* terkemuka di dunia. So, saya nak mengupas sikit apakah polisi *smart state*. *What does it means by smart state city?* Sebenarnya kerajaan di negara-negara lain juga menggunakan inisiatif yang sama (menjalankan inisiatif yang sama) untuk menggalakkan *smart city* seperti Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, *European Union* dan India. Kerajaan berlainan memberi definisi *smart city* yang berlainan / yang berbeza berdasarkan keadaan negara masing-masing.

Sebagai contoh pada September 2015, Barrack Obama (Presiden Amerika Syarikat) mengumumkan USDollar160juta untuk inisiatif *smart city*. Dan contoh kedua Narendra Mondy selepas menjadi Perdana Menteri India juga mengumumkan bahawa beliau nak visi beliau nak jadikan 100 bandar di India sebagai *smart city*. UK dan Australia juga ada inisiatif yang sama. Apa negara yang berlainan ada definisi yang berlainan, ada struktur yang berlainan, tapi saya nampak ada satu kesamaan antara negara-negara ini iaitu mereka semua ada garis panduan untuk menilai *smart city*.

Apabila saya mengkaji semua *smart city* polisi ini, saya mendapati bahawa Kerajaan Negeri boleh mencontohi salah satu daripada mereka iaitu *European Union*. *European Union* apa yang mereka buat ialah mereka mendefinisi *smart city* kepada 6 dimensi (*smart economy, smart mobility, smart environment, smart people, smart living and smart governance*) (dengan izin). Mereka juga menetapkan *benchmark* dan pelbagai kriteria yang terperinci keenam-enam dimensi ini di mana *Veda Matrics* (dengan izin) dibuat untuk membuat perbandingan antara bandar EU dengan standard yang ditetapkan. Ini pengukuran *performance* adalah sangat penting supaya kita boleh menukarkan konsep yang kita ada sebagai *smart city* kepada tindakan-tindakan yang konkrit.

So, dengan ini Damansara Utama mencadangkan kerajaan negeri untuk menetapkan dimensi-dimensi ataupun aspek-aspek '*what does it means by smart Selangor? In what dimension?*' dan kita kena harus meneliti kriteria-kriteria yang terperinci supaya kita boleh mengukur setiap tahun dan tengok *progress* dan *update* setiap tahun supaya kita tahu '*how's smart is a city? Who are the smartest city? Which one is the smartest city in Selangor?*' (dengan izin). Dan saya berasa bahawa kita perlu ada garis panduan dan penilaian sebegitu supaya kita memang bukan cakap kosong-kosong tetapi *its way the matured performance* (dengan izin).

Selaras dengan *smart city*, titah ucapan Duli Yang Mulia juga menyentuh *internet of things*. *It sounds very sophisticated* (dengan izin) tapi saya nak mengatakan bahawa *internet of things* (*how do we put internet into things, how do we put internet into services*). Sebagai contoh dalam pengendalian sampah. Adakah kita menggunakan *internet* ataupun GPS, sensor di *compactor* supaya kita tahu di mana *compactor* kita telah pergi? Adakah kita guna *weight sensor* supaya kita tahu bahawa mereka benar-benar mengutip sampah? Adakah kita / bagaimanakah *delivery services* yang kita ada sekarang, adakah dalam pemantauan ini manual ataupun *smart*? *I think we are now still manual. So, how do we move to smart? Its something that the state government needs to think about* (dengan izin).

Yang kedua adalah yang JPKSAS sentiasa cadangkan kepada kerajaan negeri supaya kita ada *integrated water resource management system*. Ini adalah satu *smart system* (dengan izin) di mana sensor dipasang di sungai-sungai supaya kita tahu kualiti dan kuantiti setiap masa dan *modeling* boleh dibuat dan tindakan-tindakan

yang proaktif boleh diambil sebelum *disaster* ataupun sebelum kejadian terjadi (ataupun *accident* terjadi).

So, yang ketiga ataupun adakah kita menggunakan teknologi maklumat untuk memberi amaran kepada penduduk-penduduk apabila banjir ataupun banjir kilat? Apabila saya pergi ke Washington D.C. saya nampak (saya terima) amaran daripada kerajaan tempatan mereka bahawa terdapat akan ada banjir kilat dekat dengan hotel yang saya singgah. Ini adalah *smart*. So, *this is what we consider smart*.

So, sebelum kita *talk about all this smart things* (dengan izin), saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kerajaan negeri bahawa laman web merakyatkan ekonomi Selangor [www.mes.gov.my](http://www.mes.gov.my) tidak dikemaskinikan. Penduduk-penduduk telah *confuse* dengan beberapa 'whatsapp' message tentang dialisis dan tentang BLISS. Mereka kata adalah bantuan rakyat satu Selangor, tapi bukan betul. So, saya nak menuju mereka kepada *website* kita. Tapi *website* kita tidak dikemas kini. So, ini adalah saya tengok ini adalah satu langkah yang pertama yang kita kena buat ialah mengemaskinikan semua *website* yang kita ada dan mengemaskinikan semua maklumat-maklumat kita ada.

Damansara Utama juga ingin menyambut baik inisiatif kerajaan dalam segi *internet of things or smart* Selangor yang membelanja RM16 juta untuk 2,500 *Wi-Fi hotspot*. Tapi saya menganggap cabaran Negeri Selangor sekarang untuk menjadi *smart state* yang terkemuka di dunia, bukan terkemuka di Malaysia adalah kelajuan *internet*. Saya menerima jawapan soalan dewan bahawa di Selangor, kelajuan *internet* hanya 5 ke-20 *megabyte per second*. Sama dengan purata *broadband* negara kita. Ini adalah sangat membimbangkan sebab jika kita bandingkan dengan negara-negara lain di Asia dan Asia Tenggara, kelajuan *internet* kita adalah sangat lambat. Walaupun GDP capital di Malaysia ialah ketiga di Asian, tetapi kelajuan *internet* kita adalah di tangga keenam. Saya dan kita kalau banding dengan negara-negara lain di Asia dan Asian, kita memang bukan sangat baik. Sebagai contoh di Taiwan, *internet speed* mereka 39.3 *megabyte per second*. Ini adalah enam kali ganda lebih banyak daripada kita. Tengok Thailand 18.9 (tiga kali ganda lebih banyak daripada kita) dan Vietnam kita tengok dia macam tidak maju ataupun lebih mundur daripada kita, mereka adalah 14.2 manakala kita adalah 5.48 sahaja. Dan juga Internet di Malaysia adalah sangat tidak *affordable*. Kalau Negeri Selangor nak menjadi satu *smart state*. Memang kita tahu Telco *Telecommunication* dan *federal government* tetapi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya kita boleh mengkaji supaya kita boleh mengenal pasti kawasan-kawasan yang boleh dijadikan *high speed area*. Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan Telco ataupun Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf infrastruktur Internet yang diperlukan. Supaya kawasan-kawasan ini boleh mencapai kelajuan Internet yang lebih tinggi daripada purata negara lain. Ini adalah sangat penting kerana kalau kita nak menarik *investor* kelajuan Internet yang tinggi dan konsisten dan *stable* boleh

menarik *knowledge best investor*. Sebagai contoh *searches out sourcing, data centre, multi media application etc* so saya berharap bahawa Kerajaan Negeri ada satu tindakan untuk menaik taraf.

**TUAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang minta mencelah.

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM:** Terima kasih. Untuk membolehkan Negeri Selangor asing dan mempunyai kuota dengan cepat dari pada negeri lain. Saya dulu telah mencatatkan supaya bila kita betulkan paip-paip kita dalam negeri Selangor itu, kita juga buat *fiber optik wiring* dikeliling tersebut. Apabila kita buat *fiber optik* dan *kita speed the size of the data is there*. Jadi saya hendak ingat kan jangan *fiber ties fiber optik there own by the state* jadi kalau itu dapat berlaku jadi kita akan dapat sama seperti yang paling cepat ialah di Korea.

**TUAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang kena minta penjelasan bukan beri penjelasan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tak apa. Terima kasih Pelabuhan Klang, saya rasa kita kena ada tindakan yang sangat cepat supaya kita tidak tertinggal daripada city-city yang lain. *Because we want to be smart city* terkemuka di dunia bukan jaguh kampung di Malaysia. Selain daripada *hard ware* di Selangor saya juga berasa unsur yang paling penting adalah *smart people*. Saya telah mengkaji bahawa adakah Malaysia, adakah Selangor ada *smart people around Malaysia*. So saya tengok tenaga kerja di Selangor adalah telah mencapai tenaga kerja di Malaysia 32 peratus daripadanya adalah berkelayakan ke *reduction* sijil, diploma dan *degree*. Ini hanya 1% lebih rendah daripada Kuala Lumpur 33%. Dia adalah jauh lebih tinggi daripada negeri dari tangga ketiga iaitu Pulau Pinang dan Melaka 23% ialah 9% lebih banyak daripada negeri yang seterusnya. Tetapi jika kita bandingkan tenaga kerja ini dengan negara-negara yang lain seperti Korea Selatan atau pun Singapura mereka ada 60% daripada tenaga kerja mereka ada berkelayakan lebih daripada sijil. Ini bermaksud bahawa *we still have a lot of rule of improvement* untuk menarik lebih banyak *investment* lagi. Salah satu cara yang saya sering menegaskan ialah untuk tanpa penghijrahan tanpa *anything* ialah untuk meningkatkan penglibatan wanita di tenaga kerja. Mengikut statistik walaupun wanita lebih daripada 60% pelajar di Universiti adalah terdiri daripada wanita. Penglibatan wanita dalam tenaga kerja hanya 55%, banyak graduan banyak wanita yang ada berkelayakan sijil diploma dan *degree*, mereka *stay at home* untuk menjaga anak. Kenapa mereka *stay at home, sometime with free option* dengan izin tapi banyak kali adalah kerana pusat penjagaan kanak-kanak adalah tidak senang tidak mudah di *access* ataupun terlalu mahal. Saya mencadangkan kerajaan supaya boleh tengok macam mana kita boleh menambahkan *work place child care* Malaysia di Selangor. Walaupun saya tahu ini persekutuan dalam bidang kuasa persekutuan tapi saya rasa bahawa dengan sikit peruntukan kita boleh membuat sesuatu insentif untuk syarikat-syarikat supaya mereka menubuhkan *work place child care* di Selangor supaya lebih banyak

wanita di Selangor boleh melibatkan diri dalam ekonomi Selangor dan seterusnya meningkatkan perkembangan Selangor dan saya juga mengikut saya juga nak menarik perhatian kerajaan dan Dewan yang mulia ini dengan manifesto Kerajaan PRU 13 bahawa ia memberi jaminan bahawa akan menyediakan tadika dan nurseri semua bangunan Kerajaan Negeri. Mengikut soalan dewan yang lepas hanya 14 agensi kerajaan ataupun PBT yang menyediakan kemudahan ini. Dengan ini Damansara Utama sangat berharap bahawa Kerajaan Negeri sebagai *first step* langkah pertama menyediakan cukup tadika dan nurseri di bangunan-bangunan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Pada masa yang sama apabila kita *think about* graduan ataupun tenaga kerja berkelayakan tinggi. Kita mendapati *some irony here*. Terdapat 161 juta graduan yang menganggur menurut Menteri Dato' Sri Abdul Wahid Omar, 1 daripada 4 graduan masih menganggur tamat pelajaran 6 bulan dari *mix match between the supply of the labour off the market* dengan izin. Kajian telah menunjukkan bahawa 3 faktor yang utama. Yang pertama *attitude* tatacara dan sikap kita tidak boleh tukar sebagai kerajaan. Kedua adalah tahap english mereka. Ketiga ialah kemahiran komunikasi. Dengan ini saya menyambut baik akademik *boot camp* yang dianjurkan Kerajaan Negeri. Apa yang saya cadangkan bahawa ia ada sistem yang menyeluruh supaya ia boleh dijalankan secara berkala. Dan yang kedua ialah saya ingin cadangkan kerajaan negeri untuk mengadakan projek yang besar untuk meningkatkan tahap English graduan, graduan Negeri Selangor tidak boleh kita nafikan bahawa, English sangat penting dalam bidang swasta dan saya berharap bahawa graduan-graduan anak Selangor boleh mendapat sedikit pertolongan daripada kerajaan supaya mereka boleh dapat kerja dengan lebih cepat di Selangor. Kita boleh dapat satu *mobile lingual* employee di Selangor dengan izin. Saya masih ingat lagi saya tidak boleh bertutur dalam Bahasa English sehingga saya masuk universiti dan sempat boleh *pick up* dalam 3 bulan sahaja dengan ada intensif *training*. Saya berasa bahawa graduan-graduan anak Selangor yang menghadapi masalah seperti saya *long time ago* dengan izin. Boleh juga fasih Bahasa English dengan mengatasi masalah ini dengan adanya bantuan dan dorongan daripada kerajaan negeri.

TuanKu juga menyentuh tentang taman-taman yang diwartakan oleh Taman Negeri untuk memenuhi tahap-tahap *liberal city* yang tinggi. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa mengikut laporan tinjauan rancangan struktur negeri Selangor sehingga tahun 2012. Selangor hanya mempunyai 9,662 hektar kemudahan rekreasi awam. Manakala pula apa yang diperlukan ialah 2,772 hektar iaitu kita ada 36% kemudahan awam rekreasi yang kita perlukan. Daerah Petaling adalah paling kurang memuaskan hanya 10% kemudahan rekreasi yang kita perlukan. So saya berasa bahawa *this is not what liberal city were look like* dengan izin. Oleh itu saya menganggap bahawa Shah Alam yang kita wartakan adalah 32.45 hektar iaitu kurang daripada 1% daripada jumlah daripada jumlah penambahan kemudahan rekreasi awam yang kita perlukan. *So its alot of work to do* dengan izin. Dengan itu selaras dengan *liberal city* saya ingin mengambil kesempatan Dewan yang mulia ini untuk melihat Dewan Serba guna, Dewan Orang Ramai dan Balai Raya di Selangor.



Jikalau kita lihat Rancangan Struktur Negeri Selangor kita akan tengok *the whole table is red* dengan izin. *But* semua tidak, hampir semua daerah tidak mencukupi mengikut piawaian yang sedia ada. Secara purata kita perlu sekali ganda lebih banyak Dewan Serbaguna, tiga kali ganda lebih banyak Dewan Orang Ramai dan enam kali ganda lebih banyak Balai Raya untuk menepati piawaian yang kita gunakan di Rancangan Struktur di Negeri Selangor. Saya berharap bahawa untuk membina Liveable City, kita kena ada satu pelan induk supaya kita tengok kemudahan rekreasi awam, Dewan Serba guna, Dewan Rakyat dan bagaimana kita boleh membentuk satu *life style* yang baik untuk rakyat Selangor. Saya nak mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa, *talent move to where liveable. Move to where enjoyable to live and to play* dengan izin. So kalau kita ada satu kondusif *environment* saya percaya bahawa lebih banyak bakat akan datang ke Selangor dan tinggal di Selangor dan menyumbang kepada ekonomi di Selangor.

Akhir sekali saya nak menyentuh tentang ketelusan Kerajaan Negeri di Selangor. Tuanku telah berkongsi dengan Dewan yang mulia ini dalam titah ucapan tentang karya agung Edward Gibon '*The Deacon and Four of The Empire*. Di mana ia menceritakan bahawa *empire Rome* yang kuat gemilang runtuh akibat budaya rasuah dan fitnah memfitnah yang berluasa.

**TUAN SPEAKER:** Satu minit lagi saya beri.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri, kerana menurut laporan Ketua Audit Negara, bahawa peratusan kewangan 15 jabatan agensi pada 2014 adalah baik di mana 8 jabatan negeri mencapai tahap sangat baik dan 7 jabatan agensi mencapai tahap baik. Walau bagaimanapun tadbir urus kerajaan masih boleh ditambah baik lagi seperti saya sering mengatakan *good leader is come and go only good institution remain* dengan izin. Oleh itu izin kan saya sekali lagi menggesa kerajaan untuk menyahut saranan JP-ABAS tentang enakmen MBI 1994 dan juga berharap bahawa usul yang saya bentangkan di sini yang lalu tentang pejabat integriti di mana di ucapan saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh menjadi negeri pertama yang ada enakmen *ombudsman*. Dato' Menteri Besar sering berkata bahawa *sun shine is a best disinfectant*. Saya yakin bahawa Kerajaan Negeri di bawah kebijaksanaan Dato' Menteri Besar boleh menginstitusikan ketelusan dan pertanggungjawaban dengan adanya enakmen seperti enakmen *ombudsman* dan pindaan enakmen MBI 1994. Dengan ini Damansara Utama mohon menyokong usul.

**TUAN SPEAKER:** Saya beri Kota Damansara dulu.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh*. Saya sejahtera, salam sehati sejiwa dan salam sayang daripada saya. Terlebih dahulu Kota Damansara ucapan terima kasih kerana diberi peluang dalam memberikan ucapan dalam perbahasan

menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Menjelang 2035 seramai 9 juta orang rakyat Malaysia berhijrah dan menduduki negeri Selangor namun sejauh manakah kemampuan rakyat di Negeri Selangor untuk mendapatkan kediaman yang sempurna selesa dan mampu dimiliki. Melalui mesyuarat yang pertama sidang DUN Selangor pada tahun 2015 saya telah bantah melalui sumber daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bahawa sebanyak 1682 unit rumah Selangorku siap dibina sepenuhnya. 4720 unit rumah Selangorku dalam pembinaan dan 14,344 unit rumah Selangorku masih belum dibina dan ini menjadikan keseluruhan rumah Selangorku di Negeri Selangor berjumlah 20,746. Pun begitu melalui Mesyuarat Ketiga DUN Selangor pada tahun 2015, EXCO Perumahan, Pengurusan Pembangunan dan Kehidupan Bandar menyatakan sebanyak 4,872 iaitu peningkatan sebanyak 152 unit rumah Selangorku dalam pembinaan dan 19,833 unit iaitu peningkatan sebanyak 5,489 unit rumah Selangorku yang belum dibina. Tetapi kebenaran merancang telah diluluskan oleh Negeri Selangor di Negeri Selangor. Persoalannya sekarang berapakah sebenarnya jumlah Rumah Selangorku yang telah siap dibina dan berapa yang telah diduduki. Dan berapakah keperluan jumlah yang dipenuhi oleh permohonan yang telah dipohon oleh pemohon-pemohon yang berada di Negeri Selangor. Sudah tiga tahun Skim Dana Sel dilancarkan dengan jumlah peruntukan RM10 juta setahun dan menjadikan jumlah terkumpul sebanyak RM30 juta namun mengapakah peruntukan ini sukar untuk dicairkan kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan kemudahan kredit untuk memiliki rumah Selangorku. Lihat sahaja empat buah rumah projek rumah Selangorku yang diluluskan kononnya untuk Skim Dana Sel iaitu Projek Rumah Kos Rendah (RKR) Kg. Rimba Jaya melibatkan 104 keluarga. RKR UKays Indah, Sg. Sering melibatkan 116 keluarga. RKR Berimbang Indah melibatkan 28 keluarga dan Projek Peneroka Bandar Blok E, Petaling Jaya yang melibatkan 262. Persoalannya sekarang mengapa proses ini memakan masa yang terlalu lama bukankah ianya menyusahkan rakyat? Adakah Kerajaan Negeri mahu menyimpan peruntukan tersebut demi pelaburan bagi mendapatkan keuntungan jangka panjang. Apa pula nasib 116 keluarga di RKR UKays Indah, Sg. Sering yang terpaksa menjadi kambing hitam apabila pemaju sedang menyaman Kerajaan Negeri Selangor oleh sebab satu lot tanah pemaju diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Jelas membuktikan ketidakmampuan tadbir urus dan amalan birokrasi yang tidak berkesudahan dalam menyelesaikan 510 buah keluarga untuk mendapatkan Skim Dana Sel ini. Timbul persoalan lagi....

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara saya beri sampai 5.15 supaya satu lagi ADUN boleh bahas ya. Jadi terus masuk point.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok, *alright*. Timbul persoalan lagi bagaimana pula ketelusan dan amalan integrasi, integriti Kerajaan Negeri dalam mengurus berpuluh-puluh ribu permohonan sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan secara tuntas dan cepat. Kita sedia maklum bahawa 170 juta diperuntukkan bagi meneruskan program air percuma di Negeri Selangor. Mengapa

tidak untuk Kerajaan Negeri menambah jumlah peruntukan Skim *Smart Home Buyer* ini kepada 100 juta memandangkan keperluan mendapatkan rumah amat penting untuk rakyat Selangor. Apa maknanya bila berbangga dengan rizab berbilion-bilion setiap tahun tetapi untuk kebajikan rakyat berkira-kira untung atau rugi.

Melalui perubahan bajet 2016, Kerajaan Persekutuan telah menawarkan pakej pembiayaan pada kadar 4% dengan dana RM400 juta bagi projek perumahan rakyat PPR. Umumnya ahli dewan sudah mengetahui bahawa PPR ini hanya menawarkan rumah untuk dimiliki yang berharga RM35,000 sahaja atau untuk disewa dengan kadar RM124.00 sebulan. Memandangkan permasalahan yang dinyatakan sebelum ini dan permintaan terhadap rumah mampu milik di Selangor amat serius. Kota Damansara menyeru agar Kerajaan Negeri bekerjasama menyahut cabaran bersama Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara agar membina perumahan PPR terutamanya yang diperlukan di bandar bagi menyahut harapan rakyat Selangor untuk memiliki rumah pertama mereka. Rakyat ternanti-nanti. Rakyat tertanya-tanya. Rakyat memerlukan. Rakyat hanya perlu tempat mereka berteduh. Rakyat tak perlu ada *swimming pool* tempat tinggal pun. Rakyat pun tak pandai membeli rumah dan tak mampu nak beli rumah 4 juta ribu lebih dengan harga 2 perpuluhan juta, tak mampu pun. Tak nak pun. Rakyat hanya mahu harga rumah itu mampu dibeli untuk memiliki rumah mereka sendiri untuk tempat mereka berlindung.

Ternyata polemik Kerajaan perumahan, projek perumahan ini di Negeri Selangor tidak berkesudahan dan membimbangkan. Apa yang menambahkan kebimbangan saya juga apabila maklumat yang diperolehi melalui *website* Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan Handsard Soalan Mulut No. 73 iaitu soalan daripada saya masa Mesyuarat Ketiga DUN Selangor tahun 2015 memerlukan beberapa penjelasan di Dewan ini. Mesyuarat sebelum ini menyatakan bahawa EXCO Perumahan menyatakan sehingga 15 Oktober 2015 sebanyak 106 projek perumahan terbengkalai disenaraikan. Akan tetapi apabila dilihat di *website* rasmi LPHS jumlah projek perumahan terkini adalah sebanyak 125 projek saya tidak mahu mendetailkan angka-angka tersebut, YB EXCO bolehlah menyemak sendiri. Ingin saya bangkitkan di sini adalah mengapa kekeliruan ini timbul? Bagaimana pula pandangan rakyat apabila mengetahui kekeliruan ini? Apa pula fungsi Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 yang digubal tetapi maklumatnya saya sendiri perolehi bukan dari Enakmen tidak menepati dan menimbulkan 1,001 persoalan.

Adakah Kerajaan Negeri ambil mudah dengan mereka meletak angka-angka ini ataupun agensi Kerajaan Negeri yang begitu culas dan mengurus tadbir maklumat kepada rakyat. Dalam erti kata lain di manakah penambahbaikan berterusan sistem informasi berkualiti seperti yang dinyatakan dalam strategik LPHS. Janganlah kita berlumba-lumba melancarkan pelbagai insentif mahupun skim-skim tetapi jadilah sebagai seperti mana di mana kelentong berbunyi-bunyi di situ kerbau tinggal diam-

diam. Saya juga nak menarik sedikit perhatian kepada apa yang telah dikemukakan oleh Sekinchan pagi tadi bahawa berkenaan dengan subsidi yang telah dibentangkan kononnya Kerajaan Persekutuan menarik subsidi dan dia nya membebaskan rakyat seluruhnya di Malaysia tetapi akuriah bahawa Kerajaan melakukan itu bentuk subsidi yang kita tarik itu adalah subsidi yang bersasar dan subsidi ini kita nak pastikan supaya rakyat yang betul-betul memerlukan dan rakyat-rakyat yang betul-betul susah sahaja yang akan mendapat *benefit* dan mereka-mereka yang berkemampuan tidak mendapat kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan. Sepatutnya mereka yang berkemampuan, mereka-mereka yang mewah, mereka-mereka yang kaya ini lah yang sepatutnya memberi subsidi kepada rakyat yang termiskin yang berada di seluruh Malaysia dan khasnya di Selangor ini sebab itu subsidi sasaran ini Kerajaan Pusat implimenkan supaya nak pastikan apa yang kita lakukan sekarang ini contohnya Kerajaan Persekutuan memberi balik faedah ataupun Skim BRIM, Bantuan Rakyat Satu Malaysia kepada rakyat yang betul-betul memerlukan. Jadi itu sahaja yang nak saya sampaikan, terima kasih Puan Speaker dah tengok kepada saya. Saya sudahi.....

**Y.B. TUAN SHAHRUM BINMOHD SHARIF:** Mohon penjelasan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BINMOHD SHARIF:** Puan Speaker, terima kasih membenarkan saya. Saya nak bertanya sahabat saya Kota Damansara berkenaan dengan subsidi tadi berhubung kait juga dengan kos sara hidup kan. Ada juga dulu mengatakan sahabat Menteri Besar juga mengatakan kalau minyak turun harga barang turun. Tapi bila minyak dah turun, tiga empat bulan ni dah 50 sen harga barang tak turun jadi apa pandangan Kota Damansara berkenaan dengan *statement* daripada sahabat YB. Menteri Besar.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Hah tu Menteri Besar dah pandang pada saya. Dia, dia boleh jawab tu tetapi saya takut bila Menteri Besar jawab dia putar belit lagi jawapannya dan dia salahkan lagi Kerajaan Persekutuan. Tetapi inilah masalahnya bila barang naik kata disebabkan salah BN sebab minyak harga naik tetapi bila minyak harga turun barang tak turun harga sebab tu lah, GST lagi. GST ini sebenarnya juga, hah Menteri Besar dah geleng-geleng kepala lepas ini bila dia gulung dia putar belit lagi lah tu sama macam Sekinchan. Saya dah tahu dah, dia tahu dah jawapannya tu. Tapi apa pun janganlah, hah dah bangun dah, ok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Speaker, ni niat jahat, Speaker.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** (Ketawa). Masa tidak mengizinkan, jadi dengan ini saya menyokong dan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Speaker, speaker Kota Damansara tak habiskan lagi ayat dia tadi tu.

**TUAN SPEAKER:** Ayat apa?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Dia kata bila barang, bila minyak naik tak jadi dia nak jawab apa kesan daripada barangan kita yang sepatutnya turun.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Dah tutup macam mana nak jawab. (Ketawa)

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbincangan menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Selangor. Saya tertarik dengan kata-kata pendahuluan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa Tuanku berkenan kerana Negeri Selangor kini berkembang di peringkat serantau sebagai sebuah negeri yang maju, dinamik dan rakyatnya hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni. Biarpun negara hari ini berdepan dengan cabaran ekonomi domestik dan global yang suram Tuanku bersyukur kerana Negeri Selangor berjaya mencatatkan prestasi yang meyakinkan. Balakong ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu mengenai kepentingan golongan-golongan yang kurang bernasib baik jangan kita melupai masih terdapat golongan kurang bernasib baik yang menghadapi kerunsingan serta kesengsaraan masing-masing sementara negeri Selangor terus maju.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, Balakong masih ingat bahawa EXCO Yang Berhormat Sementa menjawab soalan saya mengenai cadangan mewartakan tanah-tanah tertentu untuk kegunaan institut-institut kebajikan seperti Rumah Orang Tua dan Rumah Anak Yatim yang bukan berunsur komersial pada sesi sidang yang lalu. Yang Berhormat Sementa menjawab bahawa akan berbincang dengan Pejabat Tanah mengenai cadangan saya tersebut agar mengurangkan pertelingkahan antara penduduk setempat dengan pengusaha pusat kebajikan yang saya maksudkan itu semasa pengusaha menggunakan rumah kediaman untuk dijadikan pusat kebajikan tersebut. Ini adalah berikutan jumlah aduan yang sering diterima oleh pihak berkuasa tempatan setiap kali terdapat pusat kebajikan yang baru dibuka ataupun setiap kali terdapat penghuni yang baru memindah masuk ke kawasan-kawasan berkenaan. Jadi pertanyaan saya adalah, adakah, adakah Yang Berhormat sudah memulakan perbincangan tersebut dengan jabatan berkenaan dan sekiranya ia, apakah status terkini? Sebenarnya masalah ini bukan sahaja timbul terhadap pusat kebajikan. Ia juga berlaku terhadap tadika-tadika yang beroperasi di rumah kediaman. Sekiranya boleh, Balakong ingin mencadangkan supaya kerajaan tidak menyerahkan tapak-tapak tadika yang telah diwartakan kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan boleh membenarkan pengusaha-pengusaha tadika untuk bekerjasama dengan PBT. Pengusaha boleh menyewa ataupun menjadi rakan kongsi kepada

PBT untuk mengusahakan tadika di atas tapak tadika yang telah diwartakan masing-masing. Ini jauh lebih baik jika berbanding dengan menyerahkan tanah tersebut kepada Kerajaan Pusat dan diserahkan kepada pihak KEMAS yang sering dijadikan peralatan propaganda kepada Kerajaan Barisan Nasional di samping boleh menyelesaikan pertelingkahan yang sering berlaku antara penduduk dengan pengusaha tadika.

Tuan Speaker, seperti yang dimaksudkan oleh Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor, Kerajaan Negeri Selangor merupakan sebuah kerajaan yang prihatin terhadap keharmonian masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui pelbagai program terutamanya program merakyatkan ekonomi Selangor yang telah dilaksanakan sejak tahun 2008 sehingga kini. Walau bagaimanapun saya berasa bahawa masih terdapat jurang untuk dipertingkatkan ataupun ditambah baik. Saya ingin mengambil contoh isu aduan penduduk terhadap sebuah kuari yang telah menjejaskan ketenteraman masyarakat setempat. Pejabat saya telah menerima banyak aduan daripada penduduk Kondominium Mahkota Residence, Kondominium Mahkota Garden dan perumahan sekitar Vista Hills mengenai keputusan Mesyuarat MMKN Ke 36 Tahun 2015 pada 2hb. Disember, 2015 untuk melanjutkan kelulusan kepada Tetuan Handson Quarry Products Sdn. Bhd. untuk terus beroperasi selama setahun dari tarikh ia diarahkan berhenti beroperasi iaitu pada 1hb. Mac, 2016. Keputusan ini telah dibuat tanpa pengetahuan penduduk dan pengadu walaupun banyak aduan telah diutarakan kepada pihak Kerajaan sebelum MTES membuat keputusan pada bulan Mac, maaf pada bulan Julai 2015 mengarahkan ia diberhentikan operasinya pada Mac 2016. Selain daripada mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan secara terperinci mengenai sebab-sebab keputusan lanjutan tersebut dibuat, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan lebih prihatin terhadap aduan sedemikian pada masa hadapan. Saya berpandangan bahawa kerajaan harus sekurang-kurangnya memaklumkan, memaklumkan kepada pengadu apakah keputusan terhadap sebarang rayuan yang telah dibuat dan sebab-sebab ia diluluskan ataupun ditolak pada masa hadapan.

Yang Berhormat sekalian, langkah Kerajaan Negeri memperuntukkan RM24 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS untuk kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan bagi mengelak banjir kilat RM31 juta untuk menaik taraf kolam takungan dan RM60 juta bagi tujuan tebatan banjir merupakan langkah yang sangat baik. Walau bagaimanapun, adakah kolam takungan dan sistem perparitan di dalam Negeri Selangor, satu-satunya puncanya berlakunya banjir kilat? Balakong berpandangan bahawa selain daripada apa yang Kerajaan Negeri sedang dan akan buat terhadap sistem perparitan dan kolam-kolam takungan, menangani masalah pembuangan sampah yang semakin berleluasa harus diberikan keutamaan juga. Ini adalah kerana pembuangan sampah yang tidak terkawal juga menyumbang kepada masalah banjir di dalam Negeri Selangor di samping menyebabkan pencemaran air sungai. Balakong bersetuju, Balakong setuju bahawa ia merupakan masalah mentaliti penduduk yang saya pun rasa susah nak jelaskan tetapi cabaran kita

adalah bagaimana kita mendidik mereka supaya tidak membuang sampah merata-rata. Warga negara Malaysia pada saya amat unik. Kita semua diajar supaya jangan membuang sampah merata-rata sejak zaman tadika lagi. Tetapi tidak tahulah sejak bila, mungkin apabila sudah dewasa kebanyakan orang, kebanyakan warga negara Malaysia terlupa dengan ajaran ataupun amalan jangan membuang sampah merata-rata itu. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri harus memikirkan satu cara untuk mendidik semula penduduk-penduduk supaya jangan membuang sampah merata-rata. Selain mendidik, hukuman yang sewajarnya harus dikenakan ke atas mereka yang masih berdegil. Balakong ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menggubal satu undang-undang baru mengenai pembuangan sampah yang membolehkan suspek boleh ditahan reman polis dan dijatuhkan hukuman penjara melebihi 2 tahun jika disabit kesalahannya. Bagi tertuduh yang terlibat dengan sindiket pembuangan sampah haram melibatkan tapak pelupusan sampah haram ataupun terhadap tertuduh yang membuang sampah secara pukal dan hukuman khidmat masyarakat terhadap tertuduh yang membuang sampah, membuang sampah merata-rata. Contohnya, sekiranya tertuduh ditangkap mengulangi kesalahan yang sama bagi kali kedua, beliau boleh dijatuhkan hukuman menjalankan khidmat masyarakat seperti mencuci tandas awam ataupun menyapu sampah di tempat pelancongan pada waktu puncak. Saya berpendapat bahawa hanya dengan hukuman yang berat masalah ini dapat dikurangkan.

Tuan Speaker, apa lagi langkah yang di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri serta PBT yang belum dicuba lagi? Pegawai PBT dan Pejabat Tanah bertungkus-lumus menangkap dan menahan lori-lori yang digunakan untuk membuang sampah tetapi apakah, adakah ia dapat mengurangkan kejadian pembuangan sampah haram? MPKj, Majlis Perbandaran Kajang berjaya menyita 263 buah lori yang membuang sampah di tapak pelupusan sampah haram pada tahun 2015. Adakah kejadian pembuangan sampah ini berkurangan? Tidak. Saya dimaklumkan bahawa beberapa pegawai, beberapa orang Pegawai Penguatkuasaan MPKj bahawa mereka dikepung oleh sekumpulan samseng yang mengusahakan tapak pembuangan sampah haram ketika Pegawai Penguatkuasaan sedang bertindak menyita sebuah lori sampah yang melakukan kesalahan tersebut. ADO Pejabat Tanah Hulu Langat diancam dengan melontar dilempar ke dalam perkarangan taman beliau pada tengah malam semasa beliau dan keluarga nyenyak tidur. Kita bersyukur kerana tidak sesiapa yang tercedera dalam kedua-dua insiden itu. Keselamatan mereka harus dijaga dan dijamin. Maka saya mencadangkan supaya Pegawai Penguatkuasaan PBT-PBT dan Pejabat-pejabat Tanah di dalam Negeri Selangor dilengkapi dengan peralatan melindungi diri yang lebih canggih sekiranya bukan senjata api. Tibalah masanya Kerajaan Negeri memandang serius isu ini.

Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan isu peruntukan dan bantuan kewangan mengenai hal ehwal Agama Islam. Balakong amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan kerana sejumlah RM983 juta untuk kegunaan pembangunan hal ehwal

agama Islam seperti Sekolah-sekolah Agama, Pejabat Agama Islam, Masjid dan Surau di dalam negeri ini telah disediakan. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan supaya peruntukan tersebut diagihkan dengan lebih adil lagi kepada setiap DUN. Saya sering menerima permohonan bahawa bantuan kewangan daripada, daripada Masjid, Surau dan Sekolah Agama di dalam kawasan untuk menaik taraf infrastruktur ataupun membaik pulih bangunan masing-masing tetapi dengan peruntukan kawasan yang terhad saya terpaksa merujuk mereka kepada Jabatan Agama Islam Selangor, JAIS. Saya dapati bahawa bukan semua permohonan yang dikemukakan kepada JAIS akan diluluskan memandangkan terdapat sebahagian daripada pemohon merupakan golongan yang amat memerlukan peruntukan tersebut masing-masing. Perkara ini sering berulang terutamanya permohonan yang dikemukakan oleh pihak surau. Adalah amat baik sekiranya kerajaan boleh menetapkan satu prinsip iaitu pemohon akan menerima bantuan daripada kerajaan tanpa mengira jumlahnya sekiranya mereka mohon. Maksudnya kalau dia mohon, dia mesti dapat. Tak kira berapa yang diperuntukkanlah. Selain daripada itu, Balakong juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan kewangan kepada projek pembinaan Masjid Taman Sutera. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa Pembinaan Masjid Taman Sutera telah mengemukakan permohonan mereka kepada pihak EXCO, Hal Ehwal Islam pada bulan Oktober 2013. Itu semasa zaman Mantan EXCO Yang Berhormat Sabak dan surat susulan kepada EXCO yang baru, Yang Berhormat Sijangkang bertarikh 6hb. Mac, 2015 melalui pejabat saya tetapi kami berasa amat kecewalah kerana sehingga kini kami tidak menerima sebarang maklum balas bertulis daripada pihak kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Akhir sekali Balakong ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan pimpinan Kerajaan Negeri Selangor terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas keprihatinan beliau terhadap era ekonomi negara yang semakin meleset di bawah pimpinan Barisan Nasional dengan mengecualikan bayaran cukai taksiran rumah-rumah kampung tradisi Melayu dan rumah-rumah di Kampung Baru Cina serta fi lesen penjaja pasar pagi dan pasar malam. Dengan pengecualian tersebut, Kerajaan Negeri Selangor perlu menampung jumlah, jumlah RM64 juta. Balakong ingin memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar mempertimbangkan untuk menaikkan elaun bulanan Ahli-ahli majlis di dalam Negeri Selangor. Ahli-ahli majlis merupakan *front liner* dengan izin bagi perjuangan kita ke arah menambah baik mutu kehidupan setiap komuniti. Mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai aduan dan cabaran. Tetapi dengan elaun yang diterima sekarang iaitu RM1,000 bagi Ahli Majlis Daerah dan RM1,500 bagi Ahli Majlis Perbandaran serta Majlis Bandar raya adalah amat tidak mencukupi untuk menyahut cabaran ini. Balakong berpendapat bahawa kini merupakan masa yang paling sesuai untuk kenaikan elaun tersebut kerana sekiranya kenaikan elaun dibuat sekarang, kerajaan Negeri Selangor menunjukkan perbezaannya daripada Kerajaan Barisan Nasional kerana PBT di Selangor menaikkan elaun Ahli Majlis



semasa cukai taksiran dan fi lesen dikecualikan. Bukan seperti Kerajaan Barisan Nasional yang sering menambah beban ke atas rakyat jelata.

Dengan itu, sekian ucapan saya. Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ia, terima kasih Puan Speaker. Salam sejahtera dan salam ukhuwah diucapkan kepada semua. Laporan Bank Negara Tahun 2015 telah memberi satu gambaran yang sangat mencabar, yang bakal dihadapi oleh Malaysia pada tahun 2016 seperti harga komoditi yang rendah, kadar inflasi yang meningkat, kenaikan tol, pelaksanaan cukai GST dan susut nilai ringgit Malaysia serta keadaan ekonomi yang tidak menentu di pasaran antarabangsa. Hutang luar negeri pada masa ini mencapai RM833.7 bilion iaitu 72% daripada KDNK. Ini pada akhir tahun 2015. Ini adalah satu kenaikan berbanding tahun 2014 yang hanya mencatat RM747.5 bilion ataupun 67.5% daripada KDNK. Jadi angkanya sebenarnya telah pun mencecah kesatu paras yang membimbangkan. Peningkatan hutang luar negeri ini yang disebabkan oleh kesan penyusutan nilai mata wang ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang pada tahun 2015. Kita lihat di aliran antarabangsa, kita lihat apa yang berlaku di Amerika Syarikat sekarang. Barangkali calon Donald Trump mungkin akan memenangi Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat dan keadaan ini sekiranya berlaku akan adalah sesuatu yang membimbangkan kerana pendiriannya yang agak kanan akan mencetuskan kontroversi dan konflik yang lebih besar di seluruh dunia. Selain itu ancaman keganasan oleh puak pelampau turut menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi di seluruh dunia. Benua Eropah dilanda krisis pelarian akibat keganasan yang berterusan di Timur Tengah. Kegiatan puak pelampau agama perlu dikekang di peringkat akar umbi dan di sini Kerajaan Negeri Selangor mempunyai peranan yang besar kerana hal ehwal Agama Islam adalah di bawah bidang tugas negeri.

Tuan Speaker, saya memulakan ucapan saya dengan merungkaikan fenomena yang berlaku ini kerana sebagai sebahagian daripada Persekutuan Malaysia, Malaysia dan Negeri Selangor sudah pasti tidak boleh terlepas daripada iklim sosial ekonomi sedunia yang semakin mencabar. Kita merujuk kepada ucapan yang dibawa oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam, kita menyebut, kita dimaklumkan tentang masalah yang berlaku di Malaysia ini. Dan ada satu perkara yang telah pun menjadi tajuk utama akhbar pada hari iaitu tentang masalah rasuah yang telah pun disebut dan saya percaya dan saya menyarankan supaya salah satu cara untuk membendung masalah ini adalah melalui deklarasi aset ADUN dan anggota MMKN termasuk juga pegawai-pegawai atasan. Saya membawa contoh seperti yang berlaku

**TUAN SPEAKER:** Baiklah. Kampung Tunku, sila berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah pun 5.30 petang, maka Dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok 30hb. Mac, bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)**